


# NADI insan

JULAI 1983  
KDN 028/83  
ISSN 0126-9369  
\$2.00

- Pelaburan Jepun Menguntungkan Malaysia?
- Wawancara: Kubira
- Cerpen Mohd. Affandi Hassan: Al-Fauz' Ul-Kabir
- Amerika Syarikat Terus Degil
- 'Maggi Mee': Thatcher Wins Again
- Film Review: Verdict



## UNIVERSITI DI BAWAH TEMPURUNG

**STPM**

Ekonomi: Cara Sistem Pasaran Bergerak  
Kertas Am: Dunia Ketiga Dan Pembangunan



# NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo.  
 Pelukis : Jaseni, Lim.  
 Pencetak : Printsystem Sdn Bhd, 124, Jalan Jejaka,  
 Taman Maluri, Kuala Lumpur.

BILANGAN 51

JULAI 1983


- |                    |    |  |
|--------------------|----|--|
| pendedahan         | 3  | 'Hamba-abdi' Di Estet Felda                                |
| wawancara          | 6  | Tengku Wira, Ketua Pulo                                    |
| otonomi universiti | 8  | Otonomi Universiti Di Malaysia Merosot                     |
|                    | 13 | Kesan Buruk Akta Universiti                                |
| nasional           | 15 | Pertelingkahan MIC   |
|                    | 17 | DUMNO: Dis-United Malays National Organisation             |
|                    | 21 | Pandang ke Timur: Peniaga Melayu Kurang Puashati           |
|                    | 22 | Tulisan Di Batu Nisan Membawa 5 Tahun Penjara Di Singapura |
| asean              | 23 | Kematian Seorang Negarawan Thai                            |
|                    | 23 | Ladang Guthrie Di Mindanao Terancam                        |
| antarabangsa       | 25 | Darah Dan Air Mata: Warisan Kolonial Assam                 |
|                    | 31 | More Maggi Mee: 5 More Years Of The Iron Lady              |
| ekonomi            | 33 | Imbangan Perdagangan Dengan Jepun Tidak Adil               |
|                    | 33 | Prestasi Pelabur Jepun Di Malaysia                         |
|                    | 37 | Prestasi Ekonomi 1982 Muram                                |
| siri               | 43 | Siri Ekonomi STPM  |
|                    | 49 | Siri Kertas Am   |
| cerpen             | 54 | Al-Fauz' Ul-Kabir  |
| filem              | 60 | The Verdict  |
| pojok              | 62 | Sejuk-Sejuk Panas  |

Kedudukan pekerja kontrak yang digunakan untuk membuka tanah, termasuk estet Felda, dibongkar melalui kes Sares.



Semenjak Akta Universiti dan pindaannya, kebebasan universiti hanya merupakan impian harian sedangkan keadaan kampus makin terkawal.

Seminar mengenai *Pengalaman Jepun* baru-baru ini telah mendedahkan banyak kecacatan yang harus kita sedari.



Several recent developments in the West — Thatcher's electoral victory and the Williamsburg summit — promise more of the same for all.

## BORANG LANGGANAN

## NADI insan

Nama: .....

Alamat: .....

Perpustakaan/  
Perseorangan

Setahun \$24      6 bulan \$12

Penuntut/Pekerja


\$20      \$11

Sila pulangkan borang ini serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

### Harga Langganan (setahun)

	Biasa	Udara
Asia Tenggara	M\$30	M\$40
Australia, Asia Timur	M\$30	M\$44
Eropah, Timur Tengah	M\$30	M\$50 (£9)      (£15)
Amerika, Afrika	M\$30	M\$60 (US\$13) (US\$26)

# Pena Penyunting



Otonomi universiti merupakan suatu persoalan yang telah lama diperkatakan, bukan sahaja dalam masyarakat kita tetapi dalam masyarakat manusia sejagat. Pihak yang memperjuangkan otonomi universiti selalunya mendasarkan hujah mereka kepada hakikat bahawa universiti merupakan suatu institusi sosial yang mempunyai peranan yang luhur bagi membebaskan manusia dari kejahilan. Institusi itu merupakan tempat bertahan bagi segala yang luhur dalam peradaban manusia. Oleh yang demikian, institusi tersebut semata-mata bertanggungjawab terhadap perkembangan ilmu dan kebenaran.

Akan tetapi, sebagai institusi yang luhur, universiti-universiti wujud dalam sekitaran sosial yang real. Kewujudan universiti itu sendiri selalunya terpaksa bergantung kepada ikhsan pihak-pihak tertentu. Seringkali universiti-universiti terpaksa dibiayai oleh pihak pemerintah. Malah, dalam situasi dimana universiti tidak dikuasai dan dibiayai oleh pemerintah, akan ada pula pihak-pihak berkepentingan dan berkemampuan lainnya (misalnya badan-badan perdagangan) yang menguasai universiti.

Dalam keadaan yang demikian, cita-cita luhur institusi universiti itu sering cuba dikuasai oleh pihak yang membiayainya. Pihak yang membiayai itu mentakrifkan ilmu dan kebenaran berdasarkan kepentingannya. Yang lebih dahsat lagi pihak yang berkepentingan itu secara langsung menentukan garis-garis sah bagi tindak-tanduk sesebuah universiti itu sebagai sebuah institusi keilmuan.

Pengongkongan yang demikian terhadap universiti dalam masyarakat kita amatlah jelas. Pihak pemerintah membiayai sepenuhnya kegiatan universiti dalam negara kita. Selain itu, terdapat pula undang-undang formal — yakni Akta Universiti dan Kolej Universiti — yang mendasari dan menentukan kekuasaan pihak pemerintah terhadap universiti-universiti. Dalam suasana sosial yang semata-mata menganggap universiti sebagai kilang yang mengeluarkan ijazah yang menjamin pekerjaan yang lumayan gajinya, maka tuntutan terhadap otonomi universiti ini mungkin pula akan menjadi semakin lemah.

Oleh yang demikian, tuntutan terhadap otonomi universiti ini sebenarnya bukanlah semata-mata

merupakan tindakan politik partisan bagi menentang pihak yang berkuasa. Tuntutan ini sebenarnya merupakan pertanda tentang keyakinan yang kuat lagi berterusan terhadap universiti sebagai suatu institusi yang luhur dalam peradaban manusia. Melalui institusi ini kita harapkan segala khazanah pengetahuan yang telah terkumpul dan nilai luhur kemanusiaan dapat disalurkan dan dipermajukan tanpa sebarang rintangan dari sebarang pihak yang berkepentingan. Untuk memungkinkan universiti melaksanakan peranan keramatnya itu, otonomi merupakan syarat asasi yang tidak harus diingkari.

Dalam keluaran kali ini, NI menyiaran beberapa buah rencana yang memperkatakan persoalan otonomi universiti ini. Harapan kami hanyalah agar persoalan ini tidak dilupakan begitu sahaja dan universiti-universiti dianggap semata-mata sebagai tempat memperoleh ijazah. Ketika keluaran ini sampai ke tangan saudara, ada kemungkinannya bahawa saudara merupakan salah seorang daripada siswa baru yang bertuah yang telah diterima masuk ke universiti tahun ini. Kepada saudara kami ingin mengucapkan tahniah. Semoga saudara akan memperoleh manfaat yang sepenuhnya daripada kesempatan ini.

NI juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan SELAMAT HARIRAYA AIDILFITRI kepada semua pembaca yang beragama Islam. Kami dengan segala takzimnya menyusun jari memohon maaf zahir dan batin bagi sebarang kesalahan yang mungkin telah kami lakukan sepanjang tahun lalu. Wassalam. ●

Kepada Pembaca Islam:

**MA'AF ZAHIR BATIN  
SELAMAT HARI RAYA  
AIDILFITRI**

Daripada  
Keluarga INSAN

# 'HAMBA-ABDI' DI ESTET FELDA

Siapa Bertanggungjawab? Felda, Polis, Kementerian Buruh atau Kementerian Kebajikan?

Lebih kurang 60 orang pekerja, termasuk kanak-kanak dan wanita, bekerja tanpa sebarang upah dalam sebuah estet kelapa sawit Felda Pahang Tenggara berhampiran dengan hutan di sempadan Pahang-Johor.

Hampir setiap hari, pekerja-pekerja yang dianggap cuai di pukul dan kadangkala lelaki dipaksa makan tahi anjing, sedangkan wanita pula dimasukkan dalam reban ayam.

Salah seorang wanita tersebut, S. Saresvathiamal — 23 tahun — yang telah melarikan diri mendakwa bahawa tidak seorang pun dibenarkan meninggalkan estet Selancar Empat Felda.

"Kawasan estet itu adalah di tengah-tengah hutan, dan pihak majikan memegang kad pengenalan kami supaya kami tidak boleh keluar dari sana tanpa kebenaran mereka. Biasanya kami tidak diberi makanan yang cukup dan kalau kami minta makanan tambahan, mandur atau penolongnya akan pukul kami."

Para pekerja diberi samsu setiap hari dan digalakkan minum sampai mabuk.

Puan Saresvathiamal, yang telah dibawa keluar oleh kakak mandur untuk dirawat bagi penyakit TB di Kuala Lumpur, berkata suami serta ayahnya masih tinggal dalam estet kongsi itu.

Sares lahir di Tapah, Perak dan bersama ibu-bapanya di bawa ke Sungai Koyan, dekat Raub, Pahang oleh seorang bernama Michael untuk membuat kerja kontrak di beberapa estet di sekitar itu.

"Apabila umur saya 16 tahun

mandur saya mengahwinkan saya dengan seorang pekerja lain yang bekerja untuknya, bernama Bheeman a/l Ramasamy."

"Suami saya sering mengurut Michael, sedangkan saya pula membantu isterinya, Vali membuat kerja rumah setelah kami telah menyelesaikan kerja estet."

## Penagih Arak

Setelah para pekerja kontrak ini dibekalkan dengan minum keras kerana enggan berpindah ke Keratong, mereka telah dibawa de-

ngan bas ke sekitim Felda Selanchar pada 1982 dan bekerja di bawah seorang mandur bernama 'Krishnan,' adik Vali. Sekarang, terdapat lebih dari 60 orang pekerja di bawah 4 orang mandur di estet ini.

"Kami tinggal di sebuah kongsi dengan pekerja-pekerja lain dan mula bekerja pada pukul 4 pagi setiap hari."

Puan Sares berkata kanak-kanak di sana tidak bersekolah langsung dan yang berumur 10 tahun ke atas mula bekerja di estet itu.

Pekerja-pekerja membersihkan kawasan penanaman dan menjaga anak pokok kelapa sawit sehingga sedia untuk dipetik oleh para peneroka Felda yang akan dibawa masuk kemudian.

"Semasa bekerja, kami dikawal rapi. Kami balik ke kongsi kami pada pukul 5 atau 6 petang, dan kadangkala, kami tidak diberi sebarang makanan tengah hari."

"Ada kalanya kaum lelaki di-



S. Saresvathiamal

paksa bekerja selepas pukul 5 petang. Kami tidak diberi sebarang upah kecuali bekalan makanan dan terpaksa hidup dengan apa yang diberi saja."

"Apabila makanan tidak mencukupi, dan kami minta makanan tambahan, kami akan dipukul. Kadangkala, kami hanya diberi kopi O sahaja, dan jika kami tidak terus bekerja hari itu, kami akan dipukul."

"Hampir setiap hari terdapat lelaki yang dipukul, dan kadangkala wanita dikunci dalam reban ayam.

"Jika kami menghalang kaum lelaki dari dipukul, kami juga akan dipukul."

#### Makanan Tak Cukup

Biasanya keluarga-keluarga yang mempunyai dua atau tiga orang anak mendapati bahawa bekalan makanan itu tidak mencukupi.

"Kami dapat sebuah bungkus beras dan gula untuk seminggu. Kami juga diberi 2 tin sardin yang besar atau kecil bergantung kepada saiz keluarga."

"Oleh kerana keluarga saya terdiri dari suami dan anak saya, saya diberi 2 tin sardin bagi seminggu. Saya diberi satu tin susu seminggu bagi bayi saya. Ia tidak mencukupi langsung dan kami sentiasa lapar."

Puan Sares berkata seorang wanita tua yang telah mengutip pucuk paku dan sayuran hutan lain telah dipukul dan dimasukkan ke dalam reban ayam.

"Jiran-jiran tidak dibenarkan memberi makanan kepada mereka yang kekurangan makanan, dan sesiapa yang didapati berbuat demikian akan dipukul. Mereka yang meminta makanan dari jiran-jiran juga akan menerima nasib yang sama."

Mengikut Puan Sares lagi, kadangkala pekerja lelaki dipaksa makan tahi anjing.

Terdapat pekerja yang pernah cuba melarikan diri dari kongsi, tetapi kebanyakan mereka telah ditangkap oleh pengawal.

Puan Sares teringat satu kes tahun lalu di mana dua orang pekerja melarikan diri, tetapi dua orang itu ditangkap semula dan

## Rayuan Seorang Ibu Kehilangan Anaknya

"Saya Sarasyathiamal (K/P No. 7036141) pernah jatuh sakit dan dimasukkan ke Pusat Tibi Negara pada 22hb. September 1982."

"pada ketika itu, saya telah meninggalkan anak perempuan tunggal saya, Saradha (Sijil Kelahiran No. E 778047) dalam jagaan bekas majikan saya, Puan Vali dan suaminya, Michael."

"Saya telah melawat anak saya di rumah Vali di No. 1 Jalan 18/4B, Petaling Jaya (Tel: 560754) pada musim cuti Deepavali 1982.

"Apabila saya keluar dari Pusat Tibi Negara pada 29hb. Mac 1983, Vali tidak membenarkan saya mengambil anak saya.

"Kemudian, saya telah membuat aduan kepada Pejabat Kebajikan Petaling Jaya kerana ingin mendapatkan kembali anak saya itu.

"Pegawai Pejabat Kebajikan yang telah melawat Vali di rumahnya telah diberitahu bahawa anak saya telah dihantar balik kepada suami saya.

pengawal telah mengembalikan mereka ke estet itu.

#### Tiada Gaji

"Saya tidak pernah melihat wang-duit semasa saya di estet itu. Suami saya dan pekerja lain tidak menerima sebarang upah walaupun kami diberitahu bahawa kami akan menerima upah, makanan dan tempat tinggal yang percuma."

Mandur Krishnan yang memberi semua arahan. Krishnan juga melangsungkan perkahwinan dalam sebuah kuil berhampiran dengan kongsi mereka.

"Saya dibawa keluar dari estet itu setelah saya muntah darah. Mandur telah memberi ubat tradisional, tetapi keadaan saya tidak berubah dan saya dihantar ke hospital di sini oleh kakaknya, Valli.

"Pada 13hb April 1983, saya telah membuat lapuran polis kepada Inspektor Justine di Balai Polis Petaling Jaya di Jalan Sultan, dan pegawai yang menyiasat melalui telefon telah diberi jawapan yang serupa.

"Saya tidak percaya bahawa anak saya ada bersama suami saya dan khuatir bahawa anak saya mungkin telah ataupun akan dijual.

"Semasa saya bekerja di rumah Vali dahulu, saya pernah menyaksikannya menjual anak orang gaji lain sebagai pembantu rumah kepada orang lain.

"Saya tidak berani kembali ke estet Felda di Kratong kerana saya tidak pasti akan dibenarkan keluar semula memandangkan pengalaman saya di situ dahulu.

"Saya berdoa dapat berjumpa semula dan hidup bersama anak dan suami saya di luar estet Felda dekat Kratong itu. ●

#### Arak Kehilangan

"Suami saya tidak dibenarkan melawat saya. Saya dibertahu bahawa anak perempuan saya berada di Petaling Jaya, tetapi sehingga hari ini, saya masih belum dapat menemuinya.

Puan Sares melaporkan aduan ke Jabatan Kebajikan pada 29hb Mac dan telah membuat aduan kepada pihak polis pada 13hb April apabila ia diberitahu oleh Pejabat Kebajikan bahawa Vali telah memberitahu mereka bahawa anaknya tiada di Petaling Jaya, tetapi telah dihantar balik ke ladang kelapa sawit itu.

Puan Sares enggan kembali ke neraka itu dan berharap bahawa suaminya akan dibenarkan keluar.

Beliau juga khuatir bahawa anaknya telah dijual kepada orang lain ataupun masih sedang disembunyi sebelum dijual. ●

# RUMAH SETINGGAN GOMBAK DIROBOH: BAYI MENINGGAL DUNIA

Masat bin Ali, seorang pekerja kontrak Indonesia, telah datang ke Malaysia bersama saudara-maranya serta sahabat-handainya dua setengah tahun dahulu.

Ia memperolehi pekerjaan di sebuah tapak pembinaan. Rumah setinggannya yang haram telah dirobohkan dua kali tahun ini oleh pihak berkuasa dan anak ketiganya telah meninggal dunia semasa kelahiran pada 6hb Mei.

Pegawai-pegawai penguatkuasa Pejabat Daerah Gombak telah merobohkan 65 buah rumah setinggan di Batu 7, Ulu Kelang selepas penduduk-penduduk setinggan di situ tidak mempedulikan notis pengusiran yang diluluskan tahun ini.

Setelah memberi tempoh dua minggu tambahan untuk berpindah dari kawasan tersebut, pihak berkuasa telah merobohkan rumah-rumah mereka.

Seorang pegawai pejabat daerah berkata, "Penduduk-penduduk setinggan menuntut tanah, rumah pangsa atau rumah panjang, tetapi kita tidak memenuhi kerana ini akan menggalakkan lebih banyak kawasan setinggan."

Tetapi masalah Masat ialah ia tidak mempunyai tempat lain. Ia tinggal bersama isterinya dan dua orang anak dalam sebuah pondok setelah pihak berkuasa merobohkan rumah setinggannya yang pertama.

Ia tidak perlu membayar sewa rumah bagi pondoknya dan mendapat bekalan air dari sebuah kedai yang berhampiran, dan menggunakan sebuah lampu gas.

"Saya tidak mempunyai tempat lain. Inilah tempat tinggal saya. Saya telah membina semula rumah saya sebanyak 3 kali dan telah belanja banyak wang. Apakah yang saya boleh lakukan sekarang?" tanya Masat sambil memandang barang-barangnya yang masih terdampar itu.

Dalam 'rumah' yang dibina dengan kayu berlapis tanpa sebarang jendela, isterinya Jaman binti Padillah, 28 tahun, kesakitan melahirkan anak.

Bayi itu telah meninggal dunia sebelum ambulan tiba. Masat masuk ke dalam rumahnya dan tidak keluar selepas kejadian itu.

Setelah pihak berkuasa merobohkan rumah mereka, 'penduduk setinggan telah membina semula rumah mereka dan terus tinggal di sana.'

65 buah keluarga setinggan tinggal di tapak sebuah projek sungai Kerajaan Negeri Selangor.

Kebanyakan setinggan itu ialah pekerja pembinaan Indonesia yang tinggal di sana selama 3 tahun, walaupun ada di antara mereka yang hanya tinggal selama 6 bulan.

Mereka telah menuntut agar pihak berkuasa menempatkan mereka di rumah panjang atau alternatif lain dan pihak berkuasa enggan melayan mereka.

"Kami telah meluluskan satu notis pengusiran pada 12hb Januari yang berakhir pada 3hb Februari, dan satu notis lagi pada 17hb Mac yang tamat pada 3hb April.

"Kita juga telah memberi dua tempoh tambahan dua minggu setelah sebuah rombongan datang berjumpa kami. Apabila tempoh itu tamat, kami terpaksa meruntuhkan rumah-rumah mereka."

Mengikut pegawai itu lagi, Pejabat Daerah hanya menjalankan arahan Kerajaan Negeri, yang diluluskan pada bulan April tahun lalu (ketika pilihanraya umum diadakan), yang mengarahkan agar semua rumah-rumah setinggan yang dibina selepas 2hb April dirobohkan.

"Kami boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka. Di bawah Kod Tanah Kebangsaan, mereka boleh didenda sebanyak \$10,000."

"Sebenarnya, kami tidak perlu meluluskan perintah pengusiran. Pihak kami amat lembut terhadap mereka."

Di bawah perintah Mahkamah Persekutuan pada bulan Februari tahun lalu, bekas Hakim Negara, Raja Tun Azlan Shah telah memutuskan bahawa seseorang pemilik tanah tidak perlu pergi ke mahkamah untuk memperolehi perintah untuk mengusir penduduk setinggan.

Raja Tun Azlan Shah juga telah memutuskan bahawa pemilik tanah itu boleh menyelesaikan masalah itu dengan sendirinya dan boleh mengusir keluar penduduk setinggan tanpa bantuan mahkamah.

Keputusan itu juga membenarkan pemilik tanah memaksa setinggan keluar, asalkan paksaannya tidak melampaui batas.

Pegawai pejabat daerah berkata Jabatan Parit dan Talair negeri ingin meluaskan dan meluruskan Sungai Ampang selama beberapa tahun.

Mereka tidak dapat melaksanakan projek itu sebab penduduk setinggan enggan keluar dari tapak tersebut.

Menurut pegawai itu lagi, apabila semua penduduk setinggan telah diusir keluar, kontraktor akan menutup kawasan itu dengan pagar agar kerja-kerja perluasan sungai itu dapat dimulakan.



## Tengku Wira (Kubira), Ketua PULO (Patani United Liberation Organization)



NI: Apakah matlamat PULO?

TW: Matlamatnya ialah kemerdekaan penuh. Kami harus menyatukan semua pergerakan di Patani dan menyiapkan generasi baru dalam medan perjuangan. Kedua, memperbanyak pelajar-pelajar di luar negeri. Ketiga, usaha mendapatkan latihan. Keempat, membuat publisiti dan propaganda di semua peringkat. Kelima, usaha mendapatkan sokongan dari luar negeri, moral dan material, dan sebagainya. Dasar luar negeri kami ialah berkecuali.

NI: Dari segi bentuk kemerdekaan dan susunan ekonomi dan politik, apa yang sedang dirancangkan?

TW: PULO belum lagi membuat keputusan maktamad dalam perkara ini. Ini terserahlah kepada rakyat Patani. Tetapi PULO ada cogankata yang menyentuh 4 perkara, iaitu Islam – agama kita, demokrasi – pemerintahan kita, keadilan kemasyarakatan – ekonomi kita, perikemanusiaan – dasar luar negeri dan pergaulan kita.

NI: Kenapa tujuan PULO untuk menyatukan pergerakan-pergerakan Patani belum lagi tercapai?

TW: Masalahnya ialah pendirian-pendirian pemimpin yang berbeza. Pada dasarnya fahaman mereka bercanggah sebab mereka terikat kepada banyak golongan di Malaysia dan di dalam negeri sendiri.

NI: Apakah harapan PULO untuk mengatasi masalah ini?

TW: Perpaduan ini akan tercapai secara tersendiri dalam jangkamasa panjang melalui susunan ketenteraan. Setakat ini, PULO mempunyai kader-kader yang handal dalam hal-hal ketenteraan, seperti sabotaj. Pertubuhan lain memberi latihan sebulan atau 2 minggu untuk pejuang mereka, tetapi PULO tidak kurang dari setahun.

NI: Bagaimana pula dengan kekuatan PULO?

TW: Jumlahnya adalah rahsia. Tetapi dari segi penyokongnya, kami telah mengadakan satu tunjuk perasaan di Patani di mana kerajaan sendiri mengakui tidak kurang daripada 300,000 orang. Maka, ramailah pemuda yang sanggup menyokong PULO. Hanya satu perkara saja yang dikesali, iaitu PULO tidak dapat melengkapkan mereka dengan senjata..

Sikap rakyat Patani terhadap pertubuhan yang banyak ini ialah yang mana satu sanggup memimpin mereka dan berkemampuan mencapai matlamat mereka.

*Tengku Wira (dengan seragam tentera)*

NI: Apakah sikap PULO terhadap parti-parti politik Thai yang bersimpati dengan rakyat Patani?

TW: Banyak daripada dasar-dasar mereka adalah tidak jelas. Parti Sosialis Demokrat, umpamanya, pernah menawarkan kerjasama dengan PULO sebab banyak pemuda-pemudanya adalah Islam kelulusan Universiti; ramai pelajar di sini berfahaman kiri.

NI: Bagaimana pula perkembangan dengan Parti Komunis Malaya yang bergerak di situ?

TW: Pada dasarnya, kita bercanggah. Tidak ada sebarang perhubungan. Apa yang berlaku di Bentang 2 tahun memang benar, sebab kami anggap Bentang adalah sebahagian daripada Patani.

NI: Bagaimana dengan Parti Komunis Thai – apakah ia menyokong PULO?

TW: Parti-parti Thai walau kiri atau kanan adalah sama sajalah, iaitu, mereka semua menganggap Patani sebagai sebahagian dari Negeri Thai.

NI: Panglima Thai di selatan, Gen. Harn pernah mendakwa bahawa beliau telah mencapai kejayaan dalam menghadkan gerila Patani. Apakah benar?

TW: Memang benar, sekarang pejuang Patani sedang menghadapi beberapa kesulitan. Selain itu, kebelakangan ini, kerajaan Bangkok melancarkan dasar baru, iaitu, berbaik-baik dengan rakyat. Umpamanya, ia menggalakkan orang-orang Thai berkahwin dengan gadis Melayu. Jadi terdapat di Patani di wilayah Yala, 5000 gadis Islam berkahwin dengan polis dan tentera Thai. Kami hitung angka bagi seluruh Patani lebih kurang 20,000.

Satu cara lagi ialah dengan menempatkan orang-orang luar di Patani, macam Israel menjajah bumi Arab. Beribu-ribu pendatang baru telah datang, dan

dengan ini, Bangkok harap dapat hancurkan kami pada akhir tahun 1983. Kami tak berbuat apa. Kalau Tuhan izin, Gen. Harn, akan tahu sama ada kami hancur atau tidak pada akhir tahun ini.

Sekarang dia gunakan cara lembut; kita nak tahu apalagi selok-beloknya; General Prem itu orang Patani, jadi dia cukup tahu tentang orang-orang sini. Jadi kita cuba pelajari tingkahlakunya. Kalau dia jujur dalam mencari perdamaian, kita pun tak mahu buat huru-haralah.

NI: Berapa ramaikah penduduk Melayu di Negeri Thai?

TW: Saya rasa antara 3 dan 4 juta, kebanyakannya di Patani. Mereka ini yang lebih bercakap Melayu. Penduduk Islam pada keseluruhannya ialah 7 juta




*Kubira Memikul Senapang*



*Gerila PULO Bersembayang Di Hutan*



*Logo PULO*



*Tentera PULO Berbaris*

# OTONOMI UNIVERSITI DI MALAYSIA MEROSOT

Chandra Muzaffar

Dalam lima tahun yang lalu autonomi universiti dan kebebasan akademik di Malaysia telah terus merosot — sehingga idea-idea seperti ‘autonomi’ dan ‘kebebasan akademik’ jarang diucapkan dikalangan ahli akademik sendiri! Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa autonomi universiti telah merosot? Lazimnya, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) disebutkan sebagai bukti kawalan pemerintah terhadap universiti. Ini memang benar. Tetapi AUKU cuma membenarkan pemerintah menguasai majlis-majlis universiti dan menentukan beberapa perlantikan penting. Apa yang sedang berlaku jauh lebih dahsyat. Secara tidak langsung Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam dapat menentukan corak perkembangan universiti dalam beberapa bidang. Perlantikan kakitangan akademik, kenaikan pangkat, pengesahan jawatan, cuti persidangan luar, cuti sabbatikal serta kursus baru, jabatan baru, universiti baru — semuanya dipastikan atau sekurang-kurangnya dipengaruhi oleh pemerintah politik dan birokrasi. Kecuali isi kursus — dalam senarai hak-hak akademik — yang belum disentuh oleh pihak yang berkuasa! Tetapi ini juga tidak begitu tepat jika kita memikir tentang kursus tamaddun Islam.

Penguasaan pemerintah terhadap universiti adalah akibat daripada beberapa proses-proses sosial. Saya akan mengkaji faktor-faktor umum dalam konteks negara-negara

yang sedang membangun sebelum membincang faktor-faktor yang khusus pada negara kita.

Sebahagian dari kertaskerja yang dibentangkan oleh penulis di Seminar Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi Malaysia yang bertemakan, “Kebebasan Akademik dan Peranan Ahli Akademik di universiti-universiti di Malaysia” pada 26hb. Mac, 1983. Tajuk penuh kertaskerja beliau ialah “Kebebasan Akademik dan Perannya Dalam Negara Yang Membangun”.

## Faktor-Faktor Umum

Adalah jelas bahawa autonomi universiti seperti mana juga dengan autonomi akhbar dan kumpulan-kumpulan sosial, bergantung pada asas-asas sosial (sosial bases) tertentu. Untuk memahami perkara ini harus kita menghuraikan secara ringkas latarbelakang universiti moden di Eropah.


Perkembangan universiti sejak kurun 16 atau 17 dibantu oleh perkembangan kelas menengah di Eropah. Kelas ini yang terdiri daripada tukang-tukang mahir, saudagar-saudagar, ahli-ahli sains, penulis-penulis dan pelukis-pelukis wujud diluar kekuasaan pemerintah. Golongan bangsawan, yang disokong oleh gereja, menjadi pemerintah. Sumber kuasa mereka pada ketika itu ialah tanah. Tetapi sumber kekuatan kelas menengah ialah modal perdagangan. Dengan kekuatan ekonomi ini mereka dapat

mendakwa hak-hak mereka. Mereka tidak mahu dikawal oleh golongan bangsawan. Melalui perjuangan mereka, kelas menengah di Eropah berjaya membentuk ‘ruang bebas’ untuk diri mereka — iaitu ruang masyarakat yang bebas daripada kuasa dan kekuasaan pemerintah. Ruang bebas inilah yang membolehkan persatuan-persatuan sains, kumpulan-kumpulan sastra dan universiti-universiti bertumbuh dengan bantuan kewangan daripada kelas menengah.

“Akibat daripada proses mendewa-dewakan teknik, manusia yang harus menjadi matlamat utama modenisasi terpaksa diketepikan. Manusia hilang maknanya. Manusia dipisahkan daripada tujuan hidupnya, matlamat penciptanya.”

Oleh kerana kelas menengah inginkan kebebasan demi kepentingan ekonominya, konsep-konsep seperti ‘autonomi bagi institusi-institusi pendidikan’ ‘hak pendidik’ dan sebagainya diutarakan. Namun kelas-kelas dan kumpulan-kumpulan yang lain juga menikmati sedikit manfaat daripada keazaman saudagar-saudagar — iaitu kumpulan terpenting dalam kelas menengah — mempertahankan kebebasan.

Dikebanyaknya negara-negara Dunia Ketiga tidak ada ruang bebas, tidak ada kelas menengah bebas, tidak ada institusi-institusi



yang benar-benar ‘autonomous’. Kumpulan-kumpulan yang mempunyai keupayaan wujud sebagai kumpulan-kumpulan bebas sebelum zaman kolonial telah hilang sama sekali darjat dan martabat mereka akibat daripada dasar-dasar kolonial. Itulah sebabnya golongan yang memimpin perjuangan kemerdekaan yang akhirnya mendirikan pemerintahan dapat menguasai hampir-hampir setiap bidang masyarakat.

Penguasaan menyeluruh pemerintah membawa kesan-kesan yang buruk pada institusi-institusi yang memerlukan autonomi untuk bergerak dengan berkesan. Memang, ada pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga — umpamanya Jawarhar Lal Nehru dari India — yang menghargai autonomi universiti. Beliau cuba menggalakkan konsep kebebasan akademik. Tetapi, kebanyakkan elit Dunia Ketiga kurang senang dengan idea autonomi universiti kerana tidak mahu dicabar, tidak mahu digugat.

Ini menunjukkan bahawa autonomi universiti — sekiranya wujud di Dunia Ketiga bergantung pada kebaikan kepimpinan, sedangkan di Eropah Barat asas-asas sosial-lah yang menjaminkannya.

Adakalanya seorang pemimpin berhasrat mengekalkan autonomi universiti tetapi keadaan sosial tidak mengizinkannya. Pembangunan dan modenisasi — matlamat-matlamat setiap negara baru

— ‘mewajarkan’ penguasaan pemerintah terhadap universiti. Ini adalah kerana universitilah badan yang menghasilkan pengurus dan profesional, eksekutif dan banker yang diperlukan oleh proses modenisasi. Pemerintah yang menjadi penggerak proses ini berpendapat bahawa demi kepentingan negara mereka harus mengarahkan universiti dalam usaha mencapai matlamat nasional yang ‘mulia’ itu. Ini yang membuka jalan kepada campur-tangan pemerintah dalam soal orientasi universiti, matlamatnya, pengambilan kakitangannya, pengambilan pelajar-pelajarnya, pembentukan jabatan-jabatan sampai ke struktur kursus-kursus sekalipun.

#### Modernisasi & Perkembangan Universiti

Harus ditegaskan di sini bahawa pembangunan dan modenisasi sebagai matlamat-matlamat umum tidak dibantah oleh saya. Yang dikritik ialah jenis pembangunan, jenis modenisasi. Pembangunan yang dikaitkan dengan wujudnya beberapa kumpulan-kumpulan elit yang mengawal dan menguasai modal, ilmu dan kemahiran — pembangunan inilah yang mengancam kebebasan akademik. Ini adalah kerana pembangunan yang ditujukan pada pengeluaran elit (elite production) tidak bisa menggalakkan penyertaan, penglibatan,

kebebasan dan sebagainya yang pasti mencabar kedudukan elit. Ini sebenarnya membongkarkan sifatnya pengajian tinggi dewasa ini yang mengikut Daniel Bell, “has been burdened with the task of becoming a gatekeeper — perhaps the only gatekeeper to significant place and privilege in society”.

Modenisasi, dalam konteks pembangunan ini, hanya mengutamakan teknik-teknik. Teknik yang sebenarnya merupakan cara atau pendekatan, akhirnya menjadi matlamat. Ini digambarkan dengan jelasnya dalam kedudukan ‘pengurusan’ sebagai satu matapelajaran universiti yang begitu popular, walhal ia hanya satu jenis teknik.

*Akibat daripada proses mendewa-dewakan teknik, manusia yang harus menjadi matlamat utama modenisasi terpaksa diketepikan. Manusia hilang maknanya. Manusia dipisahkan daripada tujuan hidupnya, matlamat penciptaan. Itulah sebabnya, universiti dan kursus-kursus yang diajar oleh kita tidak bertujuan memupuk keinsafan dikalangan pelajar-pelajar tentang kedudukan mereka sebagai insan rohaniyah.*

Sekiranya, keinsafan tentang kedudukan kita sebagai insan rohaniyah adalah matlamat pembangunan kita dan modenisasi diertikan sebagai usaha mempergunakan ilmu semasa untuk mencapai matlamat ini, sudah pasti corak pendidikan universiti juga akan berubah. Bukan pengeluaran elit, tetapi penghasilan manusia yang baik akan menjadi sasarannya. Penguasaan teknik akan dikeluarkan pada penterapan nilai-nilai kemanusiaan. Dan kebebasan-kebebasan untuk bertulis, untuk mengkaji, untuk menyebarkan kebenaran akan wujud sebagai nilai utama. Pembangunan dan modenisasi yang berteraskan manusia dan nilai-nilai rohaniyah inilah yang dapat membantu kita kearah autonomi universiti dan kebebasan akademik.

Tetapi, yang sedang berlaku adalah sebaliknya. Oleh kerana universiti adalah saluran utama dalam usaha mencapai pembangunan dan modenisasi tertentu, pe-

merentah mengambil alih pentadbirannya, secara langsung atau tidak langsung, melalui kuasa kewangannya. Di Dunia Ketiga kebanyakan universiti dibiayai oleh awam. Yang mengawal sumber-sumber kewangan awam ini, sepetimana kita sedia maklum, adalah pemerentah. Pemerentah dimana-manapun menggunakan kuasa ini untuk menentukan bahawa universiti mematuhi kehendak-kehendaknya. Ini berlaku di negara-negara Barat juga. Tetapi di Barat, ada beberapa universiti-universiti yang dibiayai oleh swasta.

Di Dunia Ketiga, sektor swasta, pada keseluruhannya, tidak mampu mengendalikan universiti-universiti. Ini adalah kerana kelemahan kewangannya dan juga kerana kecenderungan ekonomi sektor swasta. Itulah sebabnya kegiatan kegiatan sebuah universiti moden seperti penyelidikan, terutamanya dalam bidang sains asli, yang menelan perbelanjaan yang banyak terpaksa diuruskan oleh pemerentah. Makin lama, makin kuat genggaman pemerentah. Dan universiti pula, makin lama makin lemah autonominya. Lebih hebat perkembangan universiti, lagi teruk pengantungannya terhadap pemerentah.

#### Birokrat dan Pemusatan Kuasa

Golongan yang menentukan bahawa pihak yang mengawal wang harus mengawal pelajaran juga, biasanya, terdiri daripada birokrat-birokrat. Walaupun ahli-ahli politik yang bertanggungjawab atas dasar-dasar umum, golongan birokratlah yang melaksanakannya. Mereka lah yang menduduki majlis-majlis universiti. Mereka lah yang memberi arahan kepada universiti-universiti tentang perkembangan jabatan, kenaikan pangkat, gaji dan sebagainya.

Kuasa yang dipegang oleh birokrat — sepetimana juga dengan kawalan kewangan pemerentah, konsep modernisasi dan ketiadaan ruang bebas — harus kita anggap sebagai halangan besar kepada autonomi universiti. *Birokrat mewakili satu proses sosial yang amat ber-*

*bahaya — iaitu pemusatkan kuasa. Pemusatkan kuasa bermakna bahawa hak untuk membuat keputusan (decision-making right) yang ada pada universiti akan dirampas sedikit demi sedikit oleh birokrat atas nama keseragaman, kecekapan dan keberesan.*

Lazimnya, birokrat yang berkuasa itu akan terus memperluaskan kuasanya. Ini yang menimbulkan konflik antara birokrat dan ahli akademik — satu fenomena yang berlaku dibeberapa negara-negara Dunia Ketiga. Selain dari pada soal kuasa, perselisihan antara dua golongan ini diakibatkan oleh dua faktor. Pertama, dalam masyarakat dimana tidak ada kumpulan-kumpulan yang bebas dengan erti kata yang benar, birokrat menganggap golongan akademik dengan nilai-nilai autonomi dan kebebasan mereka sebagai golongan yang suka ‘menderhaka’. Kedua dari segi pangkat atau taraf sosial, birokrat di India, Pakistan, Bangladesh, Malaysia dan Singapura (bekas negara-negara jajahan British) memandang pada golongan akademik sebagai golongan yang cuba menandingi kedudukannya. Bagi ahli-ahli akademik pula, birokrat tidak harus menduduki pangkat yang sama kerana mereka, kononnya, kurang berpengetahuan jika dibandingkan dengan komuniti ilmiahwan. Persaingan ini mungkin mendorong satu pihak terus mengawal dan menguasai pihak yang lain.

Setakat ini, kita telah membincang rintangan-rintangan yang universiti hadapi oleh kerana pemerentah. Tetapi di Dunia Ketiga bukan pemerentah semata-mata yang menyenggung autonomi universiti. Pasaran (market) membawa kesan-kesan yang kurang sihat pada kedudukan universiti ini. Faktor ini lebih ketara di negara-negara kapitalis dalam Dunia Ketiga. Kehendak-kehendak pasar yang memastikan perkembangan universiti. Kepopularan kursus dipengaruhi oleh keadaan pasar. Begitu juga kebolehan universiti mengekalkan tenaga akademiknya bergantung pada daya penarik pasaran. Ini pula mempengaruhi mutu pengajaran.



*Chandra Muzaffar*

Pengaruh pasaran yang tersirat yang tidak diketahui umum terdapat dibidang-bidang yang lain. Kadangkala syarikat-syarikat swasta memberi bantuan kepada jurusan-jurusan pengajian tertentu agar sarjana-sarjana, melalui penyelidikan mereka, memperkuatkan kedudukan sistem kapitalis. Atau pun, syarikat-syarikat yang mahukan analisa-analisa tertentu yang menyokong teori-teori kapitalis tentang sistem ekonomi dan politik mungkin mengupah sarjana-sarjana yang sanggup bekerja untuk mereka. Adakalanya juga dimana tema-tema tertentu yang boleh mendedahkan kelemahan-kelemahan sistem kapitalis tidak dikaji langsung atas kehendak syarikat-syarikat yang berpengaruh.

Kedudukan dan kuasa swasta dalam gelanggang ilmu menimbulkan tandatanya. Apakah negara-negara Eropah Barat dimana swasta mampu membiayai pengurusan universiti benar-benar mendukung konsep autonomi dan kebebasan? Dari satu segi, adalah benar bahawa universiti-universiti mereka hanya bebas daripada kawalan pemerentah tetapi tidak bebas daripada pengaruh pasar. Kebebasan akademik mereka juga ada kecacatannya. Namun demikian, tidak dapat kita manafikan bahawa negara-negara itu lebih setia pada autonomi universiti dan kebebasan akademik atas dua sebab. Pertama, sektor swasta bukannya badan yang *monolithic*. Ada beberapa kepentingan-kepentingan yang beranika dan mungkin bercanggah dalam keadaan tertentu. Keadaan pluralistic inilah yang membolehkan uni-

versiti yang biasanya dibantu oleh beberapa firma, yayasan, pertubuhan dan perseorangan yang berbeza, terus mempertahankan keutuhannya. Kedua, oleh kerana tradisi-tradisi perbezaan pendapat, percanggahan pandangan telah lama berakar-umbi dalam masyarakat Barat, hak seorang sarjana menyuarakan idea-idea yang bertentangan dengan kepentingan syari-kat-syarikat yang membantu universiti beliau, sudah mula diterima umum sebagai hak yang sah. Dengan lain perkataan, suasana kemasyarakatan (social atmosphere) menjamin hidupnya autonomi universiti dan kebebasan akademik di Barat.

Dikebanyakan negara-negara Dunia Ketiga bukan sahaja tidak wujud suasana yang sesuai; bahkan pemerentah sendiri menjaga kepentingan-kepentingan swasta dengan memastikan bahawa kursus-kursus yang diajar memenuhi kehendak-kehendak pasaran.

Sesudah kita mengkaji pemerentah dan pasaran kita mendapati bahawa ada satu faktor lagi yang menyekat kebebasan akademik yang telah disebut tetapi belum dihuraikan. Elit-elit di Dunia Ketiga samada disektor awam atau sektor swasta memandang pada ahli-ahli akademik sebagai 'bakal pengkritik' (potential critics). Dari segi kenyataan, ini mungkin tidak benar kerana ramai juga sarjana yang suka menjadi pengikut, bukan pengkritik, regim yang memerentah. Oleh kerana kritikan dan tegoran tidak dilayani oleh pemerentah dan elit-elit yang lain, sukar sekali bagi universiti-universiti mengamalkan autonomi atau kebebasan. Sebaliknya, elit-elit cuba mengabui mata rakyat tentang peranan ahli-ahli akademik dengan hujah-hujah yang palsu belaka. Umpamanya, mereka sering berhujah bahawa kebebasan akademik adalah idea dari Barat atau kebebasan akademik adalah bertentangan dengan kepentingan rakyat atau autonomi universiti akan mengancam keselamatan negara. Apa yang benar ialah mereka tidak sanggup dikritik kerana takut kritikan yang sah itu akan mengurangkan so-

kongan orang ramai yang tidak diberi peluang menilai dan pemerentahan mereka.

### Faktor-Faktor Khusus

Selain daripada enam faktor umum yang kena-mengena dengan keadaan di negara kita, ada beberapa faktor-faktor yang lain yang lebih khusus pada Malaysia. Ini tidak bermakna bahawa situasi yang hampir-hampir sama tidak wujud di tempat yang lain.

Sepertimana diketahui umum, Dasar Ekonomi Baru (DEB) membawa kesan-kesan tertentu pada universiti-universiti di tanahair. Walaupun dari segi pandangan khalayak ramai, pengambilan pelajar-pelajar mengikut quota adalah unsur yang paling penting dalam hubungan antara DEB dan universiti, tetapi ia juga mempunyai implikasi yang serius pada autonomi universiti.

"Birokrat mewakili satu proses sosial yang amat berbahaya iaitu pemusatkan kuasa. Pemusatkan kuasa bermakna bahawa hak untuk membuat keputusan (decision-making right) yang ada pada universiti akan dirampas sedikit demi sedikit oleh birokrat atas nama keseragaman, kecekapan dan keberesan."

Pengambilan ahli-ahli akademik yang mengutamakan pemohon-pemohon dari kaum Melayu adalah tindakan yang selaras dengan matlamat DEB yang bertujuan menambah bilangan orang Melayu dibidang profesional dan bidang-bidang yang lain seperti perdagangan dan perindustrian. Begitu juga, kita dapat berhujah bahawa perlantikan lebih ramai anggota-anggota kaum Melayu sebagai Dekan, Timbalan Dekan, Professor, Professor Madya dan sebagainya adalah untuk memastikan bahawa kaum itu diwakili diperingkat atasan dalam hierarki universiti supaya dapat menyelia perlaksanaan DEB. Dalam hubungan ini, harus ditegaskan bahawa walaupun sebahagian daripada per-

lantikan-perlantikan ini adalah berasaskan pada kriteria-kriteria ilmiah kita tidak dapat menafikan bahawa perlantikan-perlantikan yang lain tidak memenuhi norma-norma akademik. Ini bermakna bahawa pertimbangan-pertimbangan etnik mengatasi kelayakan-kelayakan intelektual.

Apakah kesan-kesan terhadap autonomi universiti dan kebebasan akademik? Pengenepian norma-norma ilmiah akibat daripada ukuran-ukuran etnik yang dirumuskan oleh pemerentah boleh disifatkan sebagai satu tindakan yang menghakisan autonomi universiti. Lagi pun, penilaian yang berdasarkan kriteria-kriteria ilmiah semata-mata yang tidak dicampuradukkan dengan pertimbangan-pertimbangan di luar garis-garis pengajaran, penyelidikan dan tingkahlaku adalah salah satu daripada hak akademik.

Selain daripada apa yang disebutkan di atas, pendekatan etnik yang membelakangkan faktor-faktor profesional, telah mengakibatkan satu macam penggantungan terhadap pemerentah. Pemerentah dianggap sebagai pelindung. Pemerentah tidak boleh dicabar kerana dia adalah pemerentah. Pemerentah tidak boleh dipersoalkan secara terbuka. Soal benar dan palsu, hak dan batil tidak diberi pertimbangan yang wajar, sekiranya pemerentah terlibat dalam sesuatu persengketaan.

Dalam keadaan sedemikian, pensyarah-pensyarah yang menganggap pemerentah sebagai pelindung mereka, melihat universiti sebagai tambahan (extension) pada pemerentah. Dari segi saikologi, mereka melihat diri sendiri sebagai kakitangan perkhidmatan awam. Mereka mahukan komuniti ilmiah-wan menyokong dan mematuhi setiap dasar dan setiap peraturan pemerentah. Rakan-rakan mereka yang membuktikan sikap yang lebih bebas dipandang serong dan ada kalanya dicapkan sebagai anasir-anasir yang tidak setia pada negara. Adalah nyata bahawa dalam suasana ini autonomi universiti dan kebebasan akademik tidak bisa subur.

Ini sebenarnya berkaitan dengan

satu sikap yang berleluasa di-kampus-kampus dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sekiranya kita kaji sikap sebahagian besar daripada pensyarah-pensyarah kepada soal-soal yang bersabit dengan kebebasan akademik dan keutuhan universiti, seolah-olah mereka tidak memperdulikan masalah-masalah ini. Tidak ada penglibatan (commitment), kesungguhan (earnestness) dan keazaman (determination) dalam mempertahankan autonomi universiti. Ini adalah salah satu daripada sebabnya pemerentah dapat mengikis dan menghakiskan hak-hak akademik tanpa bantahan yang serius daripada komuniti ilmiahwan.

Kurangnya penglibatan dalam soal autonomi universiti mungkin mencerminkan satu sikap yang lumrah diperangkat golongan yang berpendidikan (*intelligentsia*) di negara kita. Pada keseluruhan, golongan berpendidikan kita bersikap *passif* jika dibandingkan dengan golongan yang sama di negara-negara lain di Dunia Ketiga yang telah lama mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Ada beberapa sebab-sebab yang bertanggungjawab atas keadaan ini yang tidak dapat kita bincang di sini. Tetapi, jelaslah bahawa hanya segelintir daripada golongan berpendidikan kita yang terlibat dalam soal-soal seperti kebebasan, keadilan dan perpaduan. Yang lain menjadi penonton. Nisbah penontoh-peserta di kalangan mereka yang terdidik, pada hemat saya, tidak jauh berbeza daripada nisbah penonton-peserta dalam komuniti ilmiahwan.

### Penyelesaian

Berdasarkan apa yang diperkatakan tadi, adalah nyata bahawa sebarang penyelesaian yang berkesan mesti bermula daripada individu. Ilmiahwan-ilmiahwan kita mesti sedar tentang tanggungjawab mereka dalam dua bidang. Pertama, dalam mempertahankan nilai-nilai profesyen mereka diperangkat universiti. Kedua, dalam memperjuangkan nilai-nilai rohaniyah yang terjelma dalam persoalan-persoalan

yang konkret diperangkat masyarakat.

Tentang nilai-nilai profesyen, autonomi universiti dan kebebasan akademik adalah lunas-lunas profesyen kita. Begitu juga, taraf yang tinggi dalam pengajaran dan penyelidikan mesti dipelihara walaupun cabaran-cabaran yang menghadapi kita. Saya percaya bahawa sekiranya kita menumpukan perhatian pada nilai-nilai profesyen, ‘penyakit’ yang berleluasa di kampus-kampus akan kendur sedikit. Penyakit yang dimaksudkan ialah .keasyikan, kesibukan, kita dengan soal-soal jawatan, kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan sebagainya. Menduduki jawatan pentadbiran yang tinggi sesuatu yang tidak digemari oleh ahli-ahli akademik di tempat-tempat yang lain — menjadi matlamat hidup sebahagian daripada pensyarah-pensyarah kita!

Perjuangan diperangkat masyarakat pula — lebih-lebih lagi jika perjuangan itu suci dan ikhlas — memerlukan pengorbanan yang banyak. Lebih ramai sarjana-sarjana harus tulis dalam akhbar dan majalah dan menyertai forum dan seminar yang ditujukan pada khalayak ramai. Sama penting ialah penyertaan mereka dalam persatuan-persatuan yang tidak terikat pada pemerentah. Persatuan-persatuan ini yang menceburkan diri dalam persoalan-persoalan kemas-yarakatan yang berkaitan dengan pengguna, alam sekitar, kebudayaan, wanita, hak asasi manusia, perpaduan, pembangunan dan sebagainya telah mula menarik minat orang ramai dalam dasarwarsa-dasarwarsa tujuh puluhan dan lapan puluhan. Mereka memerlukan sumbang yang jujur daripada komuniti akademik. Parti-parti politik juga (walaupun ada halangan bersifat undang-undang) mendahagakan idea-idea yang lebih bernas yang boleh dihulurkan oleh sarjana-sarjana antara golongan-golongan yang lain.

Penyertaan dan penglibatan ilmiahwan dalam soal-soal kemas-yarakatan, akan mendorong mereka memperjuangkan kebebasan dan keadilan dengan lebih gigih. Ini

adalah kerana penyertaan dan penglibatan merupakan satu pengalaman yang murni yang dapat mempertingkatkan keinsafan kita, perikemanusiaan kita.

Dengan menyedarkan ilmiahwan tentang perikemanusiaannya, kita dapat mengatasi sikap pasif di kalangan kita yang membolehkan pemerentah mengenakan sekatan terhadap autonomi dan kebebasan universiti. Apa yang dimaksudkan saya ialah kesedaran tentang perikemanusiaan kita dengan otomatisnya, akan menjadikan kita insan yang aktif yang mempertahankan keadilan dan kebebasan. Akibatnya kita tidak enggan mengkritik sesuatu yang salah, menegakkan apa yang benar. Inilah sifatnya seorang intelektual. Sepertimana dihujahkan oleh Paul Baran “An intellectual is thus, in essence a social critic, a person whose concern is to identify, to analyse, and in this way to help overcome the obstacles barring the way to the attainment of a better, more humane, and more rational social order”.

Tetapi keinsafan individu semata-mata tidak mencukupi. Kita memerlukan reformasi-reformasi pada sistem universiti juga.

Akhir kata, reformasi Universiti — meskipun penting — tidak dapat menyelesaikan masalah dari akarnya. Ini adalah kerana kemerosotan kebebasan akademik dan autonomi universiti hanya mencerminkan masalah yang lebih mendalam — masalah konsepsi pembangunan masalah struktur masyarakat. Masalah-masalah ini tidak bisa diatasi dari dalam kampus. Sepertimana dikatakan oleh Noam Chomsky dalam karangannya yang terkenal, ‘The function of the University in a Time of Crisis’, ‘To one who believes, as I do, that our society must undergo drastic changes if civilisation is to advance — perhaps even to survive — University reform will appear an insignificant matter except in so far as it contributes to social change’.

Dan sumbangan yang penuh erti pada perubahan masyarakat memerlukan penglibatan yang ikhlas dalam kesengsaraan manusia.

Dalam kertaskerja yang dibentangkannya di Seminar "Kebebasan Akademik dan Peranan Tenaga Pengajar di Universiti-Universiti di Malaysia" pada 26hb Mac yang lalu, Encik Zakaria Hashim, Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi Malaysia, telah menegaskan bahawa dengan adanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AKKU) peranan universiti sebagai satu institusi keilmuan dan mencari kebenaran akan hapus begitu sahaja dalam jangkamasa panjang.

Sebagai menyokong pandangan ini, Encik Zakaria telah menegaskan bahawa Akta No 30 — iaitu AKKU 1971 — telah "digubal oleh Kementerian Pelajaran sebagai tindak balas kepada aktiviti dan perjuangan pergerakan mahasiswa dan tenaga akademik yang pada masa itu sedang memperjuangkan soal keadilan undang-undang dan sosial dan kebenaran". Tindakan kerajaan meminda AKKU pada tahun 1975 — dengan Akta A 295 — juga diambil "sebagai tindakbalas terhadap pergerakan mahasiswa dan tenaga akademik khususnya ekoran dari peristiwa Disember 4, 1974 iaitu tunjuk perasaan besar-besaran di kampus-kampus universiti dan di ibu kota mengenai isu kemiskinan di Baling, Kedah."

Beliau memang bersetuju pada prinsipnya yang satu garis panduan dan peraturan adalah perlu untuk menyempurnakan dan menyelaraskan kerja dan pentadbiran sesebuah universiti tetapi bukan dalam bentuk AKKU yang ada sekarang yang "telah mengujudkan sebuah universiti yang berfungsi seakan-akan Jabatan Kerajaan bermula dari Majlis Universitinya, Naib Canselornya sehingga kepada Dekan dan ketua-ketua Jabatan Adademik."

#### Kesan Terhadap Pelajar

Beliau seterusnya menyatakan bahawa AKKU menganggap mahasiswa-mahasiswa sebagai pelajar-pelajar sekolah menengah. Katanya, "pelajar-pelajar universiti dilarang

# KESAN BURUK AKTA UNIVERSITI

Hafiz Ali

oleh Akta A 295 seksyen 15 dan kaedah Tatatertib Pelajar-pelajar antaranya Kaedah 7, 9, 10 dan 11 dari menyertai pertubuhan luar kampus, kegiatan dan keahlian partai politik, memungut wang (untuk kegiatan pelajar atau kebajikan), mengaturkan perhimpunan-perhimpunan, menerbitkan dokumen-dokumen dan lain-lain kegiatan. Tetapi sebaliknya Timbalan Naib Canselor yang dilantik di bawah seksyen 16B(i) untuk menjadi pihak berkuasa tatatertib pelajar-pelajar menggalakkan pertubuhan 'partai' pelajar yang menyerupai partai politik untuk bertanding dalam pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar. Awalan ini mengujudkan beberapa 'factious' dalam kampus-kampus dan satu di antaranya dikatakan pro-kerajaan dan diperalatkan oleh pihak berkuasa universiti dan segolongan pemimpin politik dalam kerajaan untuk kemenangan pilihanraya politik di seluruh negara."

"Dasar yang diamalkan berlandas Akta 30 dan A295 menggalakkan perpecahan di kalangan pelajar-pelajar dengan mengujudkan persatuan-persatuan anak negeri, persatuan-persatuan sosial dan kesukanan dan lain-lain..... Pelajar-pelajar tidak lagi dapat berfikir dan bertindak secara bebas dan bersikap terbuka dan semua tindakan pelajar diawasi dan 'ditunjukkan' oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar..... Pelajar-pelajar di

'brainwashed'kan supaya hanya belajar dan mendapatkan ijazah. Galakan dan inisiatif untuk mencari ilmu dan kebenaran mengikut falsafah universiti yang universal tidak ujud sama sekali", tambahnya lagi.

#### Kesan Terhadap Pensyarah

Menyentuh tentang keahlian Majlis Universiti yang ditetapkan dibawah seksyen 15(1) Akta A295, beliau mendapat pecahannya menunjukkan bahawa sebahagian besar orang-orang yang membuat dasar di universiti-universiti bukan dari kalangan ahli akademik. Maka tidak hairanlah kalau mereka-mereka ini tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada masalah universiti dan pandangan serta aspirasi tenaga akademiknya."

Beliau juga telah menunjukkan bahawa kuasa mutlak dan luas telah diperuntukkan kepada Naib-Canselor di bawah seksyen 16 dan Perlembagaan Universiti dan Kaedah Tatatertib kakitangan. "Umumnya naib-naib canselor telah menggunakan kuasa (kadangkala menyalahgunanya) yang diberi kepada mereka tanpa mengambil kira pendapat dan cadangan ahli akademik lainnya. Contohnya perlantikan Dekan, Timbalan Dekan dan ketua-ketua Jabatan. Seksyen 18(3) Perlembagaan Universiti mengikut pindaan Akta A295 hanya memberi kuasa 'melantik seorang Dekan bagi tiap-tiap satu fakulti dan sekurang-

kurangnya seorang Timbalan Dekan'. Perlantikan Ketua Jabatan di bawah sesuatu fakulti tidak disebut secara khusus. Apa yang berlaku sekarang ini ketua Jabatan dilantik oleh Naib Canselor tanpa memberi peluang untuk ahli-ahli akademik Jabatan memberi cadangan atau perakuan siapa yang dirasakan layak dan patut menjadi Ketua Jabatan. Naib Canselor biasanya melantik kakitangan akademik yang disukainya sebagai kriteria utamanya..... tanpa mengambilkira kebolehan dan peng-

alamankakitangan tersebut; dan mereka yang dilantik ini berterusan memegang jawatan tersebut tanpa digilirkan dua tahun sekali sepertimana diperuntukkan di bawah perlumbagaan seksyen 18(5). Dengan adanya amalan seperti ini, Dekan-dekan dan Ketua Jabatan bersikap seperti pegawai tadbir tetap dan menuntut supaya mereka di patuhi dan dihormati oleh semua kakitangan lain. Di sini-lah mulanya 'victimisation' berlaku terhadap kakitangan akademik yang cuba memberi pendapat yang ber-

lainan dan melebih popularitinya dari Dekan dan Ketua Jabatan."

Berdasarkan hurian dan hujah-hujah yang dikemukakannya, Encik Zakaria membuat kesimpulan bahawa: "Apa yang ujud (di universiti kita hari ini) ialah Naib-naib Canselor yang menganggap diri mereka sebagai 'maharaja' yang cuba mengujudkan empayar 'menara gading' masing-masing. Apa yang dapat diujudkan ialah manusia-manusia yang seperti robot tanpa fikiran yang terbuka dan kemampuan berfikir"

## Kawalan Berlebihan, Perbelanjaan Sia-Sia: Pasukan Keselamatan & Jabatan Hal Ehwah Pelajar Universiti Dipersoalkan

Apakah kita memerlukan jawatan Timbalan Naib-Canselor bagi Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam universiti-universiti kita?

Dekan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya, Prof. Yip Yat Hoong berkata jawatan ini di adakan selepas tunjuk perasaan mahasiswa tahun 1974.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, beliau dapati bahawa Jabatan HEP universiti telah memperluas-

kan kegiatannya untuk memberi 'tunjuk ajar' kepada para penuntut dalam semua bidang — ia juga memilih pemain pasukan bolasepak universiti.

Mengikut beliau, ini adalah kegiatan yang boleh diuruskan oleh mahasiswa sendiri.

Mahasiswa-mahasiswa hari ini tidak seperti dalam tahun 1974-75.

"Apakah mereka memerlukan

'tunjuk ajar' yang begitu luas."

"Untuk kemajuan mahasiswa sendiri dan memandangkan masalah kewangan universiti kini, apakah ini masa sesuai untuk mengkaji semula peranan unit HEP di setiap universiti?" tanya Prof. Yip.

Menurut beliau lagi, perluasan sistem keselamatan universiti dan pembentukan unit HEP berlaku pada masa yang sama.

Ia mencadangkan supaya setiap universiti harus mengkaji semula sistem keselamatannya untuk mengurangkan perbelanjaan yang sia-sia.

## PERBELANJAAN UNIVERSITI BERTAMBAH 13 KALI

Jumlah perbelanjaan universiti meningkat dari \$25.8 juta dalam 1969 ke \$350.8 juta dalam 1980, pertambahan sebanyak 13.6 kali dalam tempoh 11 tahun.

Perbelanjaan pembangunan adalah lebih pesat dalam tempoh itu dan telah meningkat dari \$3.9 juta ke \$129.9 juta, iaitu pertambahan sebanyak 33.3 kali.

Dekan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya, Prof. Yip Yat Hoong telah mendedahkan angka-angka ini.

Beliau berkata dalam tempoh 11 tahun itu, perbelanjaan semasa tahunan juga bertambah, tetapi dengan kadar yang lebih perlahan — dari \$21.9 juta ke \$220.9 juta.

Kuasa membeli wang ringgit yang merosot mungkin ber-

tanggungjawab atas kenaikan itu, terutamanya mulai 1973.

Menurut Prof. Yip lagi, jumlah perbelanjaan telah naik sebanyak 7.5 kali dari \$25.9 juta kepada \$194.8 juta dan perbelanjaan semasa tahunan bertambah sebanyak 5.6 kali dari \$22 juta ke \$122.7 juta, sementara perbelanjaan pembangunan naik dari \$3.9 juta ke \$72.1 juta.

Kebanyakan ini diakibatkan oleh kenaikan pesat dalam jumlah universiti untuk memenuhi permintaan para mahasiswa.

Sebelum 1969, hanya ada sebuah universiti sahaja di negara ini, iaitu Universiti Malaya.

Pada 1969, Universiti Sains Malaysia ditubuhkan dan pada 3 tahun berikutnya, Universiti Kebang-

saan Malaysia (1970), Universiti Pertanian Malaysia (1971) dan Universiti Teknologi Malaysia (1972) didirikan.

Antara 1969 dan 1980, kemasukan universiti telah naik dari 6,900 orang ke 27,100 orang — kenaikan sebanyak 4 kali, sementara bilangan penuntut universiti bagi setiap 1,000 orang penduduk telah meningkat dari 0.7 ke 2.0.

Menurut Prof. Yip, dari segi perbelanjaan purata bagi setiap penuntut juga telah baik dari \$3,800 dalam 1969 ke \$12,900 pada 1980; "kos mendidik seorang penuntut universiti telah bertambah  $3\frac{1}{2}$  kali ganda dalam 1969-1980."

Kelaupun inflasi diambil kira, kenaikan itu adalah dua kali ganda, dari \$3,700 ke \$7,200.

## Pertelingkahan MIC

Masyarakat India di Malaysia sedang menyaksikan perbalahan di kalangan pemimpin-pemimpin Konggres India Malaysia (MIC) menjelang pilihanraya parti tahun depan. Ini telah mengakibatkan penggantungan naib-presidennya, V. Govindaraj selama setahun.

Meskipun presiden parti MIC, Datuk Samy Vellu mendakwa bahawa Govindaraj telah melanggar disiplin parti dengan berdamping dengan sebuah parti pembangkang, iaitu Kongres India Muslim Malaysia, beberapa ahli MIC pula mendakwa bahawa tuduhan itu tidak menasabah.



Samy Vellu



V. Govindaraj



Karpal Singh

Karpal Singh.

Parti pembangkang tersebut adalah sebuah kumpulan yang ditubuhkan oleh seorang bekas ahli MIC, Badrul Zaman, untuk orang-orang India Muslim. Parti tersebut tidak berkembang kerana kebanyakan orang India Muslim tidak menganggap MIC sebagai satu parti yang berdasarkan agama.

Govindaraj adalah seorang Wakil Rakyat yang tidak dipilih semula sebagai setiausaha parlimen oleh Dr. Mahathir selepas pilihanraya umum tahun lepas. Beliau mendakwa bahawa Samy Vellu tidak cuba sedaya upaya untuk mendesak Mahathir agar memilihnya semula.

Langkah Samy Vellu untuk menggantung Govindaraj dilihat

oleh para pemerhati sebagai berkaitan dengan tuduhan-tuduhan bahawa Datuk Samy Vellu menyalahgunakan kuasa selaku Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

Tuduhan itu yang dibuat oleh Encik Karpal Singh dari DAP dicabar olehnya hingga ke mahkamah.

Orang perantaraan antara Govindaraj dan Karpal dikatakan adalah Badrul Zaman, yang seringkali bertemu dengan kedua-dua orang itu walaupun secara berasingan. Badrul merupakan sumber maklumat yang penting kepada



Cina dan Melayu masih belum mempunyai pimpinan yang boleh mempertahankan kepentingan sebenar mereka.

## AMALAN RASUAH DI PUSAT PEMULIHAN DADAH

Seorang bekas penghuni pusat pemulihan dadah di Muar mendakwa bahawa setengah dari penjaga dan kakitangannya mengamalkan rasuah dan menjual dadah.

Ia telah mengirim sepucuk surat kepada Menteri Dalam Negeri dan memberi nombor 14 orang penjaga yang terlibat.

Dalam suratnya yang bertarikh 30hb April, ia mendakwa bahawa ia telah dipaksa mengirim surat kepada ibu-bapanya supaya meminta wang bagi perbelanjaan bulannya.

Walau bagaimanapun, wang kitiman itu telah dialamatkan kepada penjaga-penjaga, dan ia mendakwa bahawa pengawal-pengawal tersebut telah menyimpan wang yang berjumlah \$14,000 itu bagi diri mereka sendiri.

Bekas penghuni itu juga mendakwa bahawa terdapat penjaga-penjaga yang telah memukulnya semasa dalam pusat itu.

# ANWAR MAHU PENUNTUT BUKAN MACAM PETANI

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Y.B. Anwar Ibrahim telah menyeru kepada guru-guru supaya menghasilkan penuntut-penuntut yang cergas dalam pelajaran dan juga yang berbudi bahasa tinggi.

Graduan-graduan yang mempunyai ijazah tanpa nilai-nilai ke manusiaan dan disiplin tidak berguna, katanya.

## 1974 - BILANGAN MOGOK PALING TINGGI

Pada 10 tahun yang lalu, iaitu antara 1971 dan 1980, bilangan mogok dalam setahun yang paling besar ialah 85 pada 1974.

Bilangan persengketaan kesatuan sekerja yang paling besar dicatatkan pada 1977 dalam tempoh 1976-1980.

Walau bagaimanapun, bilangan pekerja paling ramai terlibat dalam persengketaan kesatuan pada 1976.

Sebahagian besar persengketaan kesatuan melibatkan pembangunan kerja diikuti oleh perselisihan tentang gaji, keadaan pekerjaan dan persetujuan bersama.

Sungguhpun satu atau dua perselisihan berlaku mengenai kemudahan bersara, kecuali pada 1976, jumlah persengketaan diramal meningkat pada awal 1980an memandangkan pembuangan kerja serta pemberhentian kerja sementara waktu.



"Apakah faedah pendidikan jika seseorang lulusan berkelakuan seperti seorang petani?" tanya beliau.

Apakah kelakuan petani salah, Yang Berhormat? Siapa sebenarnya yang lebih berperikemanusiaan — petani atau siswazah? Jangan pula penuntut digalakkan menjadi kacang yang melupakan kulit?

## DASAR PEMILIHAN TEKNOLOGI PERLU

Seorang pensyarah Universiti Kebangsaan, Dr. Anuwar Ali mencadangkan bahawa Malaysia harus mempunyai satu dasar pemilihan teknologi.

Pengalaman-pengalaman Jepun menunjukkan bahawa satu dasar yang dirancang dengan sempurnanya terhadap teknologi yang diimport akan berjaya menjaminkan kebanyakan kebaikan serta mengelakkan akibat yang buruk.

Untuk menjamin bahawa teknologi *diresap* dengan memuaskan, Jepun telah menegaskan usaha-usaha tempatan dalam penyelidikan serta pembangunan dan bekalan tenaga buruh yang berkemahiran tinggi.

Dr. Anuwar berkata satu ekonomi yang memberi keutamaan yang rendah kepada penyelidikan akan mendapat bahawa ia sukar diresap atau sukar menyesuaikan teknologi yang diimport.

Pergantungan Malaysia kepada teknologi-teknologi yang diimport dapat dikurangkan melalui galakan-galakan bagi penyelidikan dan pembangunan tempatan, dan tekanan yang lebih ke atas pendidikan teknikal.

Dr. Anuwar berkata satu dasar teknologi mestilah berusaha ke arah meminimakan pergantungan terhadap syarikat-syarikat serta barang-barang asing.

Ini memerlukan import teknologi asing yang minima dan galakan maksima serta penggunaan teknologi tempatan.

## KEMELESETAN AKAN BERTERUSAN

Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata ia masih ragu-ragu bahawa Malaysia akan pulih dari kemelesetan ekonomi menjelang 1984.

Beliau berkata terdapat ramalan-ramalan bahawa ekonomi negara ini akan mula pulih pada tahun ini dan akan pulih sepenuhnya pada tahun depan.

"Sungguhpun begitu, saya masih ragu-ragu tentang ramalan-ramalan tersebut," kata beliau.

# DUMNO: Dis-United Malays National Organization

12 bulan selepas memenangi pilihanraya umum, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed bimbang tentang kekuahan dan kestabilan UMNO.

Dalam satu mesyuarat di Kelantan, beliau minta ahli-ahli UMNO berpegang teguh kepada tradisi parti, misalnya jawatan-jawatan tertentu tidak patut dipertandingkan.

Pilihanraya parti akan diadakan tahun depan dan tanda-tanda pecahan wujud dalam UMNO dan di kalangan peminat jawatan timbalan presiden UMNO (yang juga membawa jawatan timbalan perdana menteri).

Tanda-tanda zahir bahawa Mahathir tidak dapat mengawal keadaan dengan sepenuhnya tidak wujud, tetapi tanda-tanda kebimbangan tentang pertandingan antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah memang wujud.

Ucapan di negeri Kelantan itu mulanya ditafsirkan sebagai sindiran terhadap Razaleigh supaya tidak bertanding dengan Musa dalam perhimpunan UMNO tahun depan.

Tafsiran lain pula berkata Mahathir memberitahu bahawa Musa harus sabar sebelum merebut kuasa.

Beliau berkata, "Saya telah menunggu giliran saya dengan sabar, dan saya tidak tahu bahawa Tun Hussein Onn (bekas perdana menteri) tidak sihat. Saya puas dengan jawatan timbalan saya itu."

Ada golongan yang mendakwa bahawa Mahathir dan Musa telah berselisih faham. Tetapi Musa men-

dakwa bahawa ini tidak benar.

Golongan yang mendakwa bahawa Mahathir dan Razaleigh tidak bercakap terpaksa mengaku bahawa keadaan telah berubah. Razaleigh telah menghadiri satu perhimpunan keluarga Mahathir.

Dalam ucapannya di Kedah pada 1hb Mei, Mahathir menjelaskan bahawa ia amat bimbang tentang pepecahan yang semakin meningkat.

Dengan menggunakan gaya yang tidak jelas, beliau berkata ada pegawai-pegawai yang mendirikan kumpulan-kumpulan untuk menyokong Musa atau Razaleigh. Kegiatan ini agak meluas.

Mesej Mahathir kali ini amat nyata bagi kedua-dua Musa dan Razaleigh: kegiatan demikian mesti tamat.

Pada hari yang sama, Hussein Onn, yang memberi ucapannya dalam sebuah mesyuarat di Johor Bahru, merayu kepada ahli-ahli untuk menamatkan pertandingan kuasa dan mengekalkan perpaduan parti.

Pegawai-pegawai tinggi UMNO masih memberitahu bahawa pertandingan bagi jawatan timbalan presiden sudah tentu akan berlaku.

Kalau Razaleigh tidak bertanding untuk jawatan tersebut, seorang lagi mungkin akan bertanding: bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris.

Sejak pengampunannya tahun lalu, beliau berhak memegang sebarang jawatan. Harun dikatakan tidak akan menang dalam pertandingan itu, tetapi ia akan mengharumkan namanya di medan politik.

Sokongan ini amat berguna bagi anaknya, Mazlan Harun, yang kini seorang ADUN di Selangor.

Permusuhan Harun terhadap Musa tidak mudah difahami kerana Musalah yang — sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri — membenarkannya memegang jawatan politik sebelum ia diampun.

Tetapi Harun berpendapat bahawa pengampunannya diberi oleh Yang DiPertuan Agung atas permintaan Mahathir.

Bekas Menteri Besar itu mengejutkan orang ramai apabila berkata, adalah lebih baik memindahkan Perlembagaan untuk memastikan bahawa hanya seorang Melayu yang beragama Islam yang boleh memegang jawatan perdana menteri.

Beliau kemudian mengubah formula dan menyatakan bahawa perdana menteri mestilah beragama Islam tanpa kira bangsa.

Penduduk Malaysia sedar bahawa Musa bukan seratus orang Melayu, tetapi mempunyai darah Cina, dan Mahathir pula mempunyai darah India.

Musa menyambut serangan Harun itu dengan mengisyiharkan



Musa Hitam

bahawa UMNO menumpukan perhatian kepada kebaikan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan menyatakan bahawa cadangan Harun itu bersifat perkauman — iaitu menghidupkan kembali peristiwa 1969 di Kuala Lumpur yang orang ramai percaya berlaku akibat desakan Harun ketika itu.

Mengenai soal politik Harun, Musa mengata, "Itulah sifat manusia. Setengah orang tidak mahu menyerah." Akan tetapi, Musa tidak menyatakan siapa yang menyokong siapa.

Mengikut ahli-ahli parti, penyokong-penyokong Musa adalah termasuk Menteri Pembangunan Wilayah dan Tanah, Datuk Rais Yatim, Menteri Penerangan, Datuk Adib Adam, Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dan Menteri Pembangunan Nasional dan Luarbandar, Datuk Sanusi Junid.

Penyokong-penyokong Razaleigh pula dipimpin oleh Harun, termasuk juga naib-presiden parti, Encik Ghafar Baba.

Rombakan kabinet oleh Mahathir berkait dengan perselisihan dalam UMNO dan telah menyulitkan tugasnya. Ini menjadi jelas apabila beliau menangguhkan rombakan itu dari bulan Mei ke Jun dan memberi alasan bahawa satu peristiwa penting akan berlaku pada akhir bulan Mei.

Dua peristiwa penting telah berlaku pada akhir bulan Mei. Yang pertama ialah keputusan kemalangan udara di mana hanya Tan Sri Ghazali Shafie terselamat. Keterangan Ghazali itu bertentangan dengan keterangan pihak lain di mahkamah.

Peristiwa kedua ialah lapuran odit tahunan Bank Bumiputra, yang biasanya diserahkan pada akhir bulan Mac.

Peranan Razaleigh dalam pinjaman cawangan bank itu, Bumi-putra Finance Berhad, kepada pengusaha Hong Kong Carrian, Eda dan Kevin Hsu tidak terdapat dalam lapuran itu, tetapi bank itu, sebagai institusi kerajaan adalah di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan. (sumber: FEER)

## PERTELINGKAHAN DI GERAKAN

Satu ucapan presiden Gerakan, Datuk Dr. Lim Keng Yaik di sebuah seminar politik telah membulan rasa marah penyokong naib-presiden parti itu, Datuk Michael Chen.

Mereka menganggap ucapan itu sebagai satu serangan terhadap Datuk Chen.

Datuk Chen yang menganggotai Gerakan selepas meninggalkan MCA dalam 1981 nampaknya ingin memegang jawatan timbalan presiden yang kini dipegang oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Paul Leong.

## 3 Gejala Buruk

### Masyarakat Kita

Rakyat Malaysia telah menghisap rokok berharga \$3 juta sehari dalam 1982, kenaikan sebanyak \$2 juta sejak 1979!

Orang Cina merupakan 80% daripada pemimun minuman keras. Pekerja pejabat pula merupakan 48% daripada pemimun minuman keras, di mana 43% darinya menerima upah antara \$300 hingga \$2,000.

Kajian-kajian menunjukkan bahawa 90% daripada penagih dadah di pusat pemuliharan kembali menagih dadah.

Fakta-fakta ini tercatit dalam buku *Kehidupan Manusia Terancam* yang dikarang oleh Dr. Hasbullah Hussein, terbitan Dewan Bahasa & Pustaka.

## KEMUNDURAN BANDARAYA

Masalah-masalah alam sekitar di Wilayah Persekutuan telah bertambah serius.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Dr. Neo Yee Pan berkata ia diakibatkan oleh penghijrahan kaum belia dari kawasan luarbandar ke kawasan bandar yang menyebabkan tekanan-tekanan terhadap kemudahan awam, perumahan, pengangkutan dan perkhidmatan bandar yang lain.

Di Wilayah Persekutuan sahaja, 125,000 orang dari sejuta penduduk adalah setinggan. Lebih kurang 40,000 rumah di wilayah Kuala Lumpur merupakan rumah setinggan tanpa kemudahan asas.

Kesesakan telah mengakibatkan sampah-sarap bertimbun dan sungai-sungai berlonggok dengan sampah.

Di Semenanjung Malaysia sahaja, jumlah kenderaan telah bertambah dari 73,000 dalam 1970 kepada 3 juta pada akhir bulan Mac tahun ini. Lebih kurang 30% darinya terdapat di Lembah Kelang.



# PENYELIDIKAN SAINS MESTI UNTUNGKAN ORANG RAMAI

Pakar-pakar sains telah diseru agar memainkan peranan yang lebih bermakna dalam pembangunan negara dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang memenuhi keperluan-keperluan asas sebahagian besar penduduk Malaysia.


Sahabat Alam Malaysia (SAM) membuat seruan ini berikutan satu kenyataan oleh Prof. Omar Rahman, Timbalan Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia bahawa berbanding dengan Jepun, perbelanjaan negara untuk bidang penyelidikan amatlah kecil sekali.

Pegawai penyelidikan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Dr. Martin Abraham berpendapat bahawa ahli-ahli sains tidak harus asyik dengan penyelidikan yang bersifat akademik semata-mata atau kegiatan yang hanya menguntungkan se-

bilangan kecil penduduk.

Mengikut beliau, "Memandangkan sumber kewangan yang terhad, adalah mustahak bahawa wang, masa, tenaga dan usaha yang terhad itu tidak dibazirkan untuk mencapai nilai-nilai yang sempit."

SAM merasa bahawa para penyelidik dan agensi kewangan yang sedar tentang peranan sains dan teknologi dalam memperbaiki mutu kehidupan, harus menunaikan tanggungjawab moral dan sosialnya kepada masyarakat. ●



## MALAYSIA KETINGGALAN DALAM BIDANG SAINS

Sistem pendidikan Malaysia gagal menyediakan suatu suasana saintifik yang sesuai bagi peminatan teknologi, kata Prof. Omar Rahman, Timbalan Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia.

Mengikut Prof. Omar, walaupun banyak tumpuan telah diberi kepada pelajaran sains di sekolah-sekolah, sistem gaji, pengambilan dan kenaikan pangkat sektor swasta dan awam masih berat sebelah kepada siswazah aliran Sastera.

Berbanding dengan Jepun, penglibatan Malaysia dalam bidang penyelidikan amatlah rendah, baik kerajaan maupun swasta; dan pakar-pakar sains mempunyai peluang kenaikan pangkat yang kecil sekiranya mereka tidak meninggalkan bidang penyelidikan dan memberi

tumpuan kepada pentadbiran.

Mengikut beliau lagi, ramai penuntut belajar sains kerana dipaksa. Walau bagaimanapun, mutu penuntut ini seringkali rendah dan mereka sedar bahawa ganjaran mereka nanti tidak sepadan dengan usaha mereka itu.

Sebaliknya dalam sektor awam, para pentadbir, peguam dan pegawai askar dipandang tinggi dan dibayar gaji yang lebih tinggi dari pakar sains.

Di Jepun semasa zaman Pemulihian Meiji, guru-guru sains dan mereka yang memilih kerjaya dalam bidang sains dan teknologi diberi ganjaran yang lumayan dalam usaha memodenkan Jepun.

Berbanding dengan Jepun, penyelidikan dan pembangunan infra-

struktur sains di Malaysia hanya setakat melepaskan batuk di tangga sahaja, kata Prof. Omar.

Malaysia mempunyai lebih kurang 20 buah institut penyelidikan dan pembangunan. Perbelanjaan penyelidikan hanya 0.6% daripada Pendapatan Kasar Negara (1981) berbanding dengan 2.6% di Jepun. Institut-institut yang dibiayai dengan memuaskan hanya RRI dan PORIM sahaja.

Jumlah perbelanjaan bagi penyelidikan di semua universiti dalam 1981 hanya \$3.6 juta. Setiap universiti memerlukan setengah daripada jumlah itu untuk mengelolakan penyelidikan asas.

Prof. Omar mengatakan bahawa hampir semua institut penyelidikan swasta pada masa ini menumpu perhatian kepada perusahaan perdagangan. Sekiranya lebih banyak galakan diberi kepada syarikat-syarikat swasta bagi mengadakan penyelidikan dan pembangunan, barulah pemindahan teknologi akan berkesan. ●

## Kesatuan Dalaman Akan Melemahkan

### Kuasa Pekerja Melayu

Struktur yang mengekalkan kesetiaan pekerja di Jepun tidak wujud dalam syarikat-syarikat Jepun di luar negeri, terutamanya Asia Tenggara, kata Dr. Jomo K.S.

Peguam dan ahli ekonomi, James Puthucheary dan pensyarah ekonomi, Dr. Jomo telah mengkritik konsep kesatuan dalam syarikat atau kesatuan perusahaan.

Encik Puthucheary pula telah menjelaskan bahawa gerakan kesatuan pekerja di sini telah berasal dalam perjuangan untuk kemerdekaan dan bertujuan menyatukan para pekerja agar merampas kuasa politik dari pihak pentadbiran British.

Kata Dr. Jomo, "corak perhubungan perusahaan Jepun tidak terdapat dalam firma-firma Jepun di Malaysia."

"Salah satu dari tarikan-tarikan Asia Tenggara kepada para pelabur Jepun ialah mereka dapat mengelekkan jaminan kebajikan dari majikan syarikat dan tanggungjawab lain yang telah dijanjikan kepada pekerja-pekerja Jepun."

"Apa yang disediakan untuk pekerja tempatan hanyalah benda-benda percuma dan murah seperti pakaian seragam, lagu syarikat dan kumpulan kawalan mutu, yang bertujuan untuk menambahkan pengeluaran."

"Pihak Kerajaan juga belum mengenakan jaminan kebajikan daripada majikan syarikat atau aspek-aspek sistem Jepun lain yang merupakan umpan untuk mengekalkan kesetiaan pekerja."

Mengikut beliau lagi, pengenalan kesatuan-kesatuan dalam syarikat "akan terus melemahkan lagi pergerakan kesatuan yang lemah itu."

Memandangkan bahawa bilangan pekerja Melayu sedang bertambah dengan pesat dan kebanyakannya me-

reka belum dapat menganggotai kesatuan, cadangan untuk menubuhkan kesatuan demikian akan melemahkan mereka lagi.

Mengikut Dr. Jomo pula, sistem sebesar di Jepun tidak serupa dan menarik seperti digambarkan di Malaysia.

Hanya 30% dari tenaga kerja Jepun menganggotai kesatuan dan sistem yang disampaikan itu hanya merujuk kepada sebilangan kecil pekerja industri di kilang-kilang syarikat gergasi.

Tambahan pula, sejak kenakan harga minyak pada 1973, syarikat-syarikat Jepun telah mengurangkan beberapa tanggungjawabnya; misalnya, jaminan pekerjaan seumur hidup tidak terjamin lagi. Kebajikan syarikat dari segi lain juga telah menurun dalam konteks kemelesetan ekonomi, kata Dr. Jomo.

## HANYA SATU KESATUAN!

Undang-undang Kesatuan Sekerja tidak membenarkan pembentukan dua buah kesatuan sekerja untuk mewakili pekerja yang sama dalam satu tempat pekerjaan, kata setiausaha agung MTUC, V. David.

Mengikut beliau, Kementerian Buruh tidak harus membenarkan pembentukan sebuah kesatuan perusahaan di kilang ITT Transelectronics di Pulau Pinang yang telah pun mempunyai sebuah kesatuan.

Setengah pekerja kilang tersebut telah memohon kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk membentukkan sebuah kesatuan perusahaan walaupun Kesatuan Pekerja Perusahaan Elektrik (EIWU) sudah mewakili mereka.


Pengiktirafan itu diakui oleh kementerian tersebut; setelah periksaan, majikan dapati bahawa 50.7% dari pekerja kilangnya adalah ahli kesatuan tersebut.

David berkata oleh kerana pekerja tersebut merupakan ahli EIWU, soal kesatuan kedua dalam kilang tersebut tidak patut timbul.

Beliau juga berkata jika Kementerian itu tidak memperdulikan tindakan pekerja untuk membentukkan kesatuan yang bebas, ia akan mengakibatkan keadaan kacau-bilau.

Mengikut beliau lagi, MTUC ingin mendapat penetapan Kementerian itu bahawa penubuhan satu lagi kesatuan dikilang tersebut adalah salah di sisi undang-undang.

Pendaftar Kesatuan Sekerja, Encik Leong Wing Fatt tidak memberi sebarang komen mengenai tindakan pekerja itu.



# PANDANG KE TIMUR:

## PENIAGA MELAYU KURANG PUASHATI

Apabila Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone melawat Malaysia baru-baru ini, beberapa golongan peniaga di Malaysia melahirkan perasaan tidak puas hati dengan perangai pelabur Jepun di sini.

Berbagai lapuran tentang amalan buruk setengah firma Jepun telah disiarkan dalam akhbar tempatan dari ini seolah menegur Nakasone dan kerajaan Malaysia.

Kritikan-kritikan mulanya datang dari Dewan Perdagangan dan Perindustrian Melayu dan diikuti pula oleh peniaga Melayu persendirian; kemudian, para kontraktor bumiputera pula bersungut mengenai pengalaman-pengalaman mereka dalam projek usahasama dengan syarikat Jepun di mana Jepun melayan mereka seperti adik kecil.

Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia mengemukakan kecaman yang paling tegas. Setiausaha agungnya, En. Nasir Ahmad berkata setengah kontraktor Jepun mempergunakan syarikat-syarikat Bumiputera semata-mata untuk memperolehi tender dari jabatan kerajaan.

"Apabila mereka berjaya memperolehi kontrak itu, syarikat tempatan diketepikan sedangkan syarikat Jepun menjalankan hampir

100% daripada pekerjaan itu," kata En. Nasir. Ini merupakan amalan Ali Baba bentuk baru.

Kirfi, Jepun merupakan kontraktor asing terbesar di Malaysia: mereka terlibat dalam projek-projek yang bernilai M\$4.25 bilion, termasuk dua bangunan terbesar di negara ini — kompleks Dayabumi yang berharga M\$313 juta, dan kompleks ibu pejabat Umno yang berharga M\$277 juta.

Projek-projek besar lain yang dikendalikan oleh kontraktor Jepun ialah Hotel Shangri-la \$263 juta, Lebuhraya Seremban M\$258 juta dari sebuah stesyen janalektrik di Sarawak yang bernilai M\$223 juta. (Korea Selatan pula menjalankan projek pembinaan terbesar di Malaysia, iaitu jambatan Pulau Pinang yang berharga M\$525 juta.)

Walau bagaimanapun, En. Nasir percaya bahawa faktor kelajuan telah menyingsirkan kontraktor bumiputera.

Mengikutnya, jurutera Jepun biasanya mengemukakan tiga sebab mengapa rakan-rakan bumiputera mereka diberi peranan kecil dalam menjalankan projek: menjaminkan mutu tinggi, merendahkan kos, dan menyelesaikan pembinaan mengikut jadual.

"Meskipun dalam beberapa kes

tertentu, alasan-alasan ini adalah munasabah, tetapi biasanya ini dijadikan helah untuk mengeneppikan kontraktor tempatan," kata En. Nasir.

Kini, sama ada penyataan saham bumiputera itu 30%, 51% atau 90% dalam sesebuah projek usahasama tidak bererti lagi kerana peranan sebenarnya dalam usahasama itu mungkin tiada.

Seorang kontraktor bumiputera berkata bahawa yang bersalah ialah pihak yang memberikan kontrak itu, termasuk kerajaan Malaysia sendiri.

"Persoalannya ialah sama ada kita ingi memilih pendekatan jangkamasa panjang atau pendek," katanya lagi. Dalam jangkamasa pendek, Malaysia beruntung kerana kontraktor Jepun menjalankan kerjanya dengan lebih cepat dan dengan kos yang rendah. Akan tetapi, dalam jangkamasa panjang, kita masih bergantung kepada Jepun."

Seorang pengusaha bumiputera yang lain mempersoalkan amalan dasar. "Jika perbelanjaan perlu dikurangkan, projek-projek yang tidak begitu penting boleh ditangguh atau dibatalkan."

"Masalahnya ialah: Di manakah keutamaan kita? Adakah ia untuk menyelesaikan semua projek yang telah dirancang atau untuk mem-

pastikan bahawa semua projek itu dijalankan benar-benar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru?

Pengusaha bumiputera itu berkata: "sebagai seorang kontraktor bumiputera yang kecil, saya ingin mendalam pengetahuan saya tentang bidang pembinaan. Tetapi saya hanya boleh mencapainya langkah demi langkah. Apakah salahnya?

"Sebenarnya, itulah cara bagaimana Jepun membangun. Lihatlah industri kereta mereka. Mula-mulanya, kereta-kereta mereka menjadi benda yang diketawakan oleh orang ramai. Kini, kereta mereka adalah yang terbaik."

Sebenarnya, Dr. Mahathir sendiri amat hairan kenapa kritikan-kritikan ditujukan kepada Jepun. "Apa-

bila kita minta sesuatu dari Jepun, ia akan memberikannya?" kata beliau.

"Saya tidak mempunyai sebarang masalah dengan mereka. Apabila saya berbincang dengan mereka, mereka memberi sambutan yang baik — sebenarnya sambutan mereka jauh lebih baik dari peniaga lain." (Sumber. Asiaweek)

## TULISAN DI BATU NISAN MEMBAWAH 5 TAHUN PENJARA DI SINGAPURA

Kata-kata akhir seorang yang telah mati yang tertulis di atas batu nisan dalam sebuah perkuburan telah menjadi punca heboh yang kononnya melibatkan keselamatan Singapura.

Kubur itu ialah kubur Tan Chay Wa yang digantung oleh kerajaan Malaysia kerana memiliki sepucuk pistol dengan 7 butir peluru.

Muka depan batu nisan itu menceritakan riwayat hidupnya secara ringkas, serta sebuah sajak yang ditulisnya sebelum ia digantung pada 18hb Januari 1983.

Adiknya, Tan Chu Boon telah dituduh pada 30hb Mei di sebuah mahkamah majistret Singapura di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Singapura kerana memiliki batu nisan tersebut.

Ini merupakan kes pertama di bawah ISA di mana pihak berkuasa Singapura telah menganggap sebuah batu nisan sebagai "satu dokumen subversif yang mengancam keselamatan negeri Singapura."

Malaysia dan Singapura mempunyai ISA yang sebahagian besarnya berdasarkan undang-undang penjajah untuk menghadapi ancaman komunis dalam 1950an.

Di bawah undang-undang ter-

sebut, kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa menahan tanpa pembicaraan, dan apabila kes-kes ini dibicarakan, hukumannya amat berat.

Sebarang rujukan kepada parti komunis dianggap sebagai memudaratkan keselamatan dalam negeri di bawah akta-akta itu.

Seorang majistret Singapura menahan semula Tan Chu Boon, seorang penternak ikan yang berusia 30 tahun, sambil pegawai Jabatan Penyiasatan Jenayah (CID) menyiasat kesnya.

Tan dibawa semula ke mahkamah pada 6hb Jun dan dituduh sekali lagi kerana memiliki sehelai kertas yang mempunyai perkataan-perkataan yang sama seperti diatas batu nisan itu.

Peguam terkenal dan tokoh pembangkang, J.B. Jeyaretnam membela Tan, walau bagaimana pun, Tan dihukum 5 tahun penjara atau denda sebanyak S\$10,000.

Mengikut tulisan di atas batu nisan tersebut, Tan Chay Wa berasal dari sebuah keluarga miskin dan bekerja sebagai pekerja kilang selepas menamatkan pendidikan sekolah menengahnya. Akan tetapi, akhbar tempatan ber-

kata ia adalah seorang pemandu bas di Singapura.

Tulisan itu berbunyi: "Dalam keadaan yang amat sulit, ia pernah makan sayuran hutan untuk mengatasi kelaparan. Ia memberi semua wang yang dijimatkan kepada pertubuhannya, dan ini adalah sikap mulia seorang pejuang revolusi."

Tan Chay Wa ditahan pada 2hb Jun 1979 di negeri Johor di Malaysia kerana memiliki sepucuk pistol separuh otomatik dan 7 pusingan peluru.

Ia didapati salah pada bulan Januari 1981 dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru di bawah ISA Malaysia.

Tulisan di atas batu nisan mendakwa bahawa ia dipukul semasa di penjara, tetapi telah "mati sebagai pahlawan pembebasan tanahairnya." (Sumber: FEER)



Tan Chay Wah

## KEMATIAN SEORANG NEGARAWAN THAI



Pridi Banomyong, seorang bekas perdana menteri Negara Thai dan seorang ahli politik yang terkenal di negara itu telah meninggal dunia pada usia 82 tahun pada 2hb Mei di rumahnya di Paris. Beliau yang bekerja sehingga larut malam, telah jatuh dan meninggal dunia kerana penyakit jantung.

Pridi, yang dilahirkan di ibu negara lama Negeri Thai, iaitu Ayuthaya pada 11hb Mei 1900, adalah salah seorang kumpulan pegawai awam dan tentera yang mengadakan satu rampasan kuasa pada 24hb Jun 1932 yang menamatkan sistem pemerintahan raja mutlak empayar itu.

Beliau dilantik menjadi menteri kewangan, tetapi demokratik sosial yang terdapat pada masa itu terlalu bersifat revolusi baginya; rancangan pembaharuan ekonominya yang baru dan berani telah mengakibatkan tuduhan-tuduhan bahawa ia menggalakkan komunisme.

Beliau dibuang negeri di Paris sehingga ahli-ahli pembaharuan dalam Parti Rakyat yang memerintah mengadakan satu rampasan kuasa menentang ahli-ahli parti yang lebih konservatif.

Apabila pasukan-pasukan Jepun menduduki Negeri Thai pada bulan Disember 1941, Pridi merupakan ahli tunggal Majlis Pemerintahan yang tidak menandatangani perisytiharan peperangan terhadap Britain dan Amerika Syarikat.

Pridi telah mencapai kemasyhuran kerana kegiatan-kegiatan bawah tanahnya – di bawah nama kod Ruth – dengan Sero Thai (Thai Bebas) yang bekerja dengan Pasukan British 136 dan Pejabat Perkhidmatan Strategi (OSS) Amerika.

Dalam tahun-tahun selepas perang, Pridi serta penyokong-pen-yokongnya berpeluang menggunakan kemasyhuran mereka demi mengatasi usaha cabaran untuk mengawal Negeri Thai secara ketenteraan. Tempoh 1944-47 menandakan puncak kekuasaan demokratik awam.

Pridi menjadi perdana menteri pada 24hb Mac 1946, tetapi 10 minggu kemudian, kematian Raja Ananda Mahidol telah mengakibatkan kejatuhanya. Para sejarawan berkata Pridi telah menyalahanggapkan perasaan rakyat terhadap raja itu.

Ia kemudian meletakkan jawa-tannya dan apabila pihak tentera mengambil alih kuasa dalam bulan November, 1947, beliau terpaksa meninggalkan negaranya supaya tidak ditahan.

Beliau tinggal di negeri China selama 21 tahun dan berpindah ke Paris di mana ia menetap sehingga kematiannya walaupun satu kenyataan oleh Perdana Menteri Prem Tinsulanond dalam bulan Mei 1980 berkata ia boleh pulang ke Negeri Thai pada bila-bila masa.

Kebanyakan rakyat Thai menganggap Pridi sebagai tokoh negarawan mereka dan ramai yang mengunjunginya semasa mereka ke Paris. ●



## Ladang Guthrie Di Mindanao Terancam

Sebuah projek ladang kelapa sawit Malaysia-Filipina di Mindanao terancam kerana tekanan Kerajaan British untuk menarik balik pinjamannya sebanyak £6.4 juta (\$22.4 juta). Sebabnya ialah kerana kegiatan-kegiatan penentang kerajaan yang semakin meluas.

Ramai orang sedang menentang penglibatan Perbadanan Pembela-

ngunan Commonwealth (CDC) – sebuah agensi bantuan Kerajaan British yang melabur dalam projek-projek kemajuan – dalam projek 4000 hektar di wilayah Agusan Del Sur di timur-laut pulau Mindanao.

Mereka mengelak penggunaan beberapa orang ahli kumpulan pengganas upahan *Lost Command*,

yang disyaki bertanggungjawab atas beberapa pembunuhan perogolan dan serangan, oleh majikan ladang itu.

Ladang kelapa sawit itu ialah satu usahasama 60:40 antara Syarikat Pembangunan Kebangsaan Filipina (NDC) dan Syarikat Guthries yang berpusat di Malaysia.

Dalam satu sidang akhbar, para



*Gerila-Gerila Barisan Pembelaan Kebangsaan Moro*

sukarelawan dan paderi yang telah melawat kawasan ladang itu baru-baru ini telah memberitahu tentang keganasan yang dilakukan oleh *Lost Command*, yang terdiri dari 200-300 orang bekas askar

yang terkenal dengan operasi menentang Barisan Pembelaan Kebangsaan Moro (MNLF) dahulu.

Amnesty International serta banyak pertubuhan lain juga telah menyeru kepada kerajaan Filipina

untuk menghapuskan *Lost Command*.

CDC telah membelanjakan bahan ansurannya yang pertama sebanyak £2.3 juta (\$8.05 juta). Pinjaman CDC sebanyak £6.4 juta (\$22.4 juta) merupakan 27% daripada jumlah pelaburan.

CDC dipaksa menarik balik pinjamannya apabila kegiatan-kegiatan *Lost Command* diumumkan pada tahun lalu. Sebuah rombongan CDC telah dihantar untuk menyiasat tuduhan-tuduhan itu.

Syarikat ladang itu akan menghadapi masalah serius jika CDC menarik balik pinjamannya. Ini ialah kerana pinjaman AS\$11 juta (\$25.3 juta) dan daripada International Finance Corporation — (IFC) juga akan terpengaruh kerana IFC juga telah menganak syarat-syarat yang sama ke atas pinjamannya. ●

## CADANGAN SEDERHANA DARI PHNOM PENH

Sementara Asean masih berbalah dengan Vietnam mengenai kehadiran tentera Vietnam di Kampuchea. Menteri Asing Phnom Penh, Hun Sen, telah mencadangkan rangka untuk perbincangan yang dicadangkan mengenai soal Kampuchea antara 3 buah negara Asean dan Vietnam serta Laos.

Sen berkata, "Kita harus bekerjasama dengan negara-negara Asean agar menghapuskan segala halangan kepada keamanan dan kestabilan di rantau ini."

"Kami, iaitu ketiga-tiga negara Indocina, tidak bertujuan membangkitkan masalah tentera Amerika di Filipina atau masalah Timur jika Asean menunjukkan bahawa ia adalah realistik. Kami sanggup tidak mengemukakan soal-soal yang akan menghalang kestabilan dan keamanan di Asia Tenggara."

"Mengenai perundingan antara negara-negara Asean — Malaysia, Singapura, Indonesia — dan Indocina — Vietnam dan Laos — kami memang bersetuju dengannya bagi

masa sekarang dan masa akan datang."

"Akan tetapi, jika perbincangan-perbincangan boleh diadakan antara kelima-lima negara Asean dan ketiga-tiga negara Indocina, kita akan bertindak dengan cara supaya perwakilan Kampuchea dalam perbincangan itu tidak akan mengakibatkan masalah."

"Kita sedar bahawa negara-negara Asean tidak mahu berbincang dengan kerajaan kita kerana mereka takut bahawa kehadiran kita dalam perbincangan akan dianggap sebagai pengiktirafan terhadap regim kita."

"Inilah sebab mengapa Kampuchea sanggup membuat pengoraban agar mengatasi halangan terhadap satu dialog. Kami akan diwakili oleh Vietnam dan Laos.

"Pendapat saya ialah perundingan harus diadakan atas dasar keputusan yang diluluskan di mesyuarat pergerakan negara-negara berkecuali di New Delhi."

Keputusan itu meminta 'satu penyelesaian politik komprehensif, yang akan membenarkan peng-

unduran tentera asing, dan dengan demikian, menjamin kedaulatan pemerintah, kemerdekaan dan tulisan wilayah semua negara-negara dalam rantau ini, termasuk Kampuchea.' Pengisytiharan New Delhi juga menengaskan hak rakyat Kampuchea untuk menentukan masa depan negara mereka tanpa campur tangan asing.

Sen berkata, "Mengenai agenda pula, kita sedang fikir tentang dua formula: yang pertama ialah satu mesyuarat pendahuluan yang berdasarkan persamaan antara wakil-wakil dari kedua-dua kumpulan negara untuk membincangkan agenda."

"Dengan persamaan, saya ber maksud bahawa jika Asean mengemukakan satu soalan, negara-negara Indocina akan bersetuju untuk membincangkannya, dan sebaliknya. Yang kedua ialah satu agenda terbuka. Negara-negara Asean bolehlah memilih formula yang mereka suka."

"Akan tetapi, perbincangan-perbincangan boleh diadakan antara wakil-wakil Asean — Malaysia, Singapura dan Indonesia — dan Indocina — Vietnam dan Laos — dan juga antara kelima-lima negara Asean dan ketiga-tiga negara Indocina." ●

## DARAH DAN AIR MATA: WARISAN KOLONIAL ASSAM

Indira Gandhi telah menaruhkan Assam, dan kalah. Setelah mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya di dua buah negeri selatan, perdana menteri mengadakan pilihanraya di negeri timurlaut itu di mana keadaannya amat tegang.

Parti Kongres-I Gandhi telah *menang*, tetapi hanya setelah pemulauan oleh penduduk Assam yang mengakibatkan 10% sahaja yang membuang undi.

Dan korban atas *keberanian* politiknya itu adalah mengerikan — sekurang-kurangnya 500 orang

terbunuh dalam tumpuan darah penduduk-penduduk Assam-Bengal, sementara lebih 200 orang dibunuh oleh pihak polis; 2000 orang lain telah hilang dan dianggap mati, dan lebih  $\frac{1}{4}$  juta orang menjadi pelarian.

Keputusan untuk mengadakan pilihanraya itu merupakan hasil dari satu persengketaan zaman-berzaman yang berakar umbi dalam sejarah kolonial India yang lepas.

Di Assam, pilihanraya telah menjadi simbol ketidakadilan yang dialami oleh penduduk-penduduk negeri itu yang berbahasa Assam.

Satu pergerakan militan yang popular makin bertambah kuat dalam tahun-tahun kebelakangan ini dengan tuntutan supaya orang-orang Benggali dikeluarkan secara ramai-ramai dari senarai mengundi (yang mana Parti Konggres tidak mengenakan syarat-syarat kelayakan yang ketat ke atas mereka) dan, sebagai matlamat terakhir, penghalauan 4 juta orang Benggali, yang telah berhijrah ke Assam sejak tahun 1961.

Dengan pilihanraya yang akan diadakan itu, pergerakan ini dengan serta merta tenggelam dalam



Tentera India Dengan Mangsa-Mangsa Perkauman



Pelarian Kaum Benggali

perasaan marah yang meluap, dan keganasan.

Apakah yang membawa kepada tuntutan-tuntutan ini, dan kemudiannya, kepada keadaan yang dahsyat di mana berlaku pembunuhan beramai-ramai kanak-kanak dan pembakaran kampung-kampung?

Pertengangan utama yang mencetuskan bantahan-bantahan di Assam ini berunsur perkauman, iaitu kecurigaan yang terdapat pada penduduk-penduduk Assam bahawa mereka akan ditindas dari segi kebudayaan, ekonomi dan politik oleh orang-orang Benggali.

Dalam tahun 1975, terdapat kira-kira 12 juta orang yang berbahasa Assam di negeri itu, dengan lebih dari 130 juta orang yang berbahasa Benggali di Assam, negeri Bengal yang berdekatan dan Bangladesh.

Punca utama ketegangan itu, sepetimana juga halnya dengan kebanyakkan ketidaksamaan dan penindasan lain di India, terletak pada corak pembangunan yang tidak seimbang yang dilaksanakan.

#### Sejarah

Penduduk-penduduk Assam di Sempadan Timur-laut India muncul agak lewat — sebagai satu bangsa apabila pengembangan agama Hindu dijalankan ke atas seluruh India pada abad ke17.

Akan tetapi, unsur-unsur yang ditinggalkan oleh masyarakat suku (bangsa) itu — termasuklah amalan

bertani cara menebang-dan-membakar yang meluas serta jumlah penduduk yang agak kecil — terus kekal.

Sebaliknya, kawasan Benggali yang berhampiran merupakan budaya feudal yang maju, berpusat di kawasan-kawasan muara Sungai Brahmaputra dan Ganga di mana terdapat pertanian padi yang amat maju dan penduduk yang ramai.

Perbezaan-perbezaan ini bagaimanapun hanya menjadi kontraksi di bawah pemerintahan kolonial.

Negeri Bengal merupakan kawasan pertama yang dijajah oleh British dan rampasan kekayaan negeri itu yang berlaku kemudiannya membantu perkembangan industri di Eropah, akan tetapi telah menyebabkan kebuluran dahsyat ke atas penduduk Bengal.

Seramai 10 juta orang dianggar telah mati akibat kebuluran dalam tahun-tahun 1770an.

Pembekuan pertanian yang berterusan di bawah pemerintahan imperialis menyebabkan berlakunya *letusan penduduk* — dan kaum tani yang hidup melerat miskin di barat Bengal itu telah mencari jalan keluar dengan berhijrah beramai-ramai ke hulu Sungai Brahmaputra dan masuk ke kawasan negeri Assam.

Di sana mereka sedikit demi sedikit mengambil alih tanah dari orang-orang Assam, — yang dari segi ekonomi adalah mundur — dan dari petani-petani suku.

Pada masa yang sama, Assam telah dimasukkan pada tahun 1926 ke dalam Wilayah Bengal, dan ia telah dibanjiri oleh ramai orang Bengal dari kelas pertengahan yang mendapat faedah dari pendidikan Inggeris yang terdahulu dalam kawasan mereka.

Pendatang-pendatang ini dapat memonopoli kebanyakkan pekerjaan yang terdapat di Assam dan telah menunjukkan apa yang dianggap oleh orang-orang Assam sebagai keangkuhan kebudayaan, yang tidak dapat diterima.

Pada mulanya, bahasa Benggali telah dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah baru.

Oleh itu, selama zaman penjajahan itu, penduduk-penduduk Assam terlibat dalam dua perperangan. Terdapat pergerakan militan kaum Assam, dan kemudiannya juga oleh kelas pertengahan yang menentang pemerintahan British.

Sementara itu, orang-orang Assam juga cuba mempertahankan tanah dan bahasa mereka dari belenggu Bengal.

Pertubuhan-pertubuhan kebudayaan Assam berkembang pesat dan satu sistem, — yang telah diterima oleh Parti Konggres dan golongan kiri India, — telah dilaksanakan dalam usaha untuk menentukan kawasan-kawasan di mana kaum pendatang tidak dibenarkan campurtangan.

Ketika ini, Parti Konggres menggalakkan kesetiaan penduduk Assam kerana ia telah memimpin perjuangan anti-imperialis dan juga telah menerima bangsa sebagai asas sebuah pertubuhan.

Pihak kiri pula telah turut sama mendapat sokongan dan tempat bertapak, terutama di kalangan petani dan pekerja Bengal.

Terdapat sebilangan kecil sahaja perusahaan di Assam, dan pekerjaan-pekerjaan kelas pekerja dipegang oleh pendatang yang bukan berketurunan Assam, yang juga menyediakan kebanyakkan tenaga buruh di ladang-ladang teh.

Juga pemimpin kaum petani yang paling terkenal pada masa itu, Maulana Bhasbani mempertahankan kepentingan petani Bengal yang beragama Islam tinggal di mana juga mereka pilih.

Penduduk Assam menjadi gempar sekali lagi semasa kemerdekaan dalam 1947 apabila canagan untuk membahagikan India menurut peratusan penduduk majoriti yang menganut ugama Hindu atau Islam, pada mulanya memasukkan Assam ke dalam kawasan yang kebanyakannya adalah kawasan orang Islam Bengal.

Hanya bantahan-bantahan orang-orang Assam yang baru dan campurtangan Mahatma Gandhi menyelamatkan mereka dari dimasukkan akhirnya ke dalam Pakistan Timur.

Perkembangan-perkembangan selepas kemerdekaan tidak menghapuskan ketakutan, yang wujud di kalangan penduduk Assam, yang mereka akan kehilangan identiti mereka.

Pergerakan orang-orang Assam telah dipimpin kebanyakannya oleh kelas pertengahan dan kumpulan-kumpulan pelajar, yang pada mula-nya mengikut ideologi dan dasar *tiada-keganasan* Mahatma Gandhi.

Elemen-elemen chauvanisme serta keberanian yang jelas terhadap orang-orang Bengali turut juga wujud, tetapi selama lebih setahun, semasa 1980-81, kemarahan orang-orang Assam telah ditujukan terutamanya kepada kerajaan India melalui pergerakkan-pergerakkan tidak berkerjasama besar-besaran yang mendapat sokongan meluas.

Keengganan perdana menteri yang berterusan untuk menyelesaikan masaalah tersebut telah mengakibatkan kekecewaan yang getir di Assam.

Pada tahun lalu, penindasan, termasuklah penahanan pemimpin-pemimpin Assam di sana-sini telah musnahkan semua pergerakan-pergerakan massa — malah satu bantahan melalui permainan layang-layang oleh kanak-kanak yang dirancangkan pada Hari Tahun Baru telah diharamkan oleh pihak tentera.

Kemarahan yang meluap-luap ini dengan keputusan untuk mengadakan pilihanraya berdasarkan daftar mengundi yang tidak disemak, yang dipenuhi dengan nama-nama orang Bengali, yang kebanyakannya tidak berkelayakan.

Kerajaan dan orang-orang lain telah menuduh pergerakan di Assam itu sebagai perkauman, terutama merupakan perjuangan yang dikuasai oleh orang-orang Hindu menentang orang-orang Bengali beragama Islam.

Ramai dari mereka juga menuduh bahawa pergerakan itu melibatkan kelas pertengahan dan kasta atasan, yang mendapat sedikit sokongan dari orang-orang Assam kasta bawahan.

Pembunuhan besar-besaran di desa-desa itu melibatkan kebanyakannya orang suku bangsa Assam yang

menyerang kampung-kampung orang-orang Bengali yang beragama Hindu dan juga Islam yang telah mengambil tanah-tanah mereka.

Pembunuhan yang dilakukan semata-mata atas perasaan perkauman turut berlaku; tetapi bilangannya amat kecil.

Di antara orang-orang yang mati adalah orang-orang Assam yang membantah, yang dibunuh oleh pihak polis. Terdapat juga serangan-serangan secara individu oleh orang-orang Assam terhadap sebarang percubaan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat pilihanraya.

Pemulauan pilihanraya hampir 100% berjaya dalam kawasan-kawasan yang didiami oleh orang-orang Assam.

Keseluruhan daerah yang mempunyai majoriti penduduk orang Assam kini telah diisyitihar dengan resmi sebagai "Kawasan yang kucarkacir", satu kategori di mana di antara lain, pihak polis dan tentera diberikan hak untuk menembak apabila ternampak tinggal buat sementara dimana sahaja dan menahan sewenang-wenangnya. Tindakan ini juga memberi keutamaan kepada pihak tentera keatas pentadbiran awam.

Kawasan-kawasan penduduk-penduduk suku bangsa yang berdekatan dengan Assam, seperti Tanah Naga, Manipur dan Mizoram, telah pun diletakkan di bawah pemerintahan tentera secara *de facto* selama beberapa tahun, se pertimana halnya dengan beberapa bahagian di negeri-negeri lain, seperti di daerah-daerah Andhra Pradesh di mana pergerakan-pergerakan tani haluan kiri aktif.

Kini, satu suku bangsa yang besar bilangannya mengalami penindasan yang sama; tetapi tindakan itu tidak mungkin mencapai sebarang hasil di Assam yang lebih baik dari yang tercapai di kawasan-kawasan lain di negeri yang penuh dengan kekacauan ini.

Satu ramalan yang menyediakan bagi negeri Assam membayangkan akan berlakunya pemisahan yang lebih besar, dan lebih banyak pertumpahan darah. ●

## RANCANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN UNTUK PEKERJA DI SWEDEN

Sebuah rancangan pembahagian keuntungan yang radikal telah diluluskan oleh suruhanjaya kerajaan untuk mengatasi masalah pelaburan yang rendah dalam perusahaan-perusahaan Swedan.

Sekim itu mencadangkan bahwa firma-firma harus menyumbangkan 20% dari keuntungannya kepada tabung-tabung yang akan melabur dalam perusahaan.

Salah seorang jurucakap majikan menggambarkan rancangan itu sebagai "satu lagi ancaman besar kepada kebebasan di Sweden"!

Pada pihak lain, kesatuan-kesatuan sekerja harap bahawa tuntutan-tuntutan mereka untuk melibatkan diri dengan lebih giat dalam pengurusan perusahaan akan tercapai.

Mereka sedang mengkaji rancangan itu secara terperinci untuk menentukan sama ada mereka akan mencapai tujuan-tujuan mereka.

Ahli-ahli Parti Sosial Demokrat, yang kini memerintah di bawah pimpinan Perdana Menteri Olaf Palme, dan kesatuan-kesatuan sekerja berkempen untuk menubuhkan tabung-tabung bersama, di mana beberapa peratus dari keuntungan firma dan gaji para pekerja akan disimpan untuk membeli saham dalam syarikat yang didaftarkan dalam pasaran saham.

Idea itu yang telah dibincangkan selama beberapa tahun adalah untuk memberi peluang secara tidak langsung kepada para pekerja dalam bidang ekonomi sambil memberi peluang pelaburan demi pertumbuhan industri. ●

# PERJANJIAN ISRAEL - LUBNAN

Perjanjian antara Israel dan Lubnan bulan Mei lalu terang-terang menguntungkan strategi Zionis untuk bertapak di Lubnan. Pertamanya, kerajaan Amin Gemayel mengiktirafkan Israel dan terpaksa berdamai dengannya, dengan itu, ia berpecah dari barisan bersatu negara Arab.

Kedua, Amin Gemayel menerima pendudukan Israel di Lubnan Selatan dan memberi pengesahan kepada kuasa boneka Israel, iaitu Mejar Saad Haddad, untuk memerintah di wilayah selatan. Hakikatnya, kerajaan Beirut telah kehilangan kuasa dan wilayah kepada pihak Zionis.

Kemenangan politik untuk Begin banyak. Ia berjaya mengasingkan Lubnan dari barisan dunia Arab dan memecahkan perpaduan Arab, seperti pada ketika Kem David dulu.

Dengan pengunduran tentera Israel, tentera asing, seperti Syria, juga dikehendaki ikut sama — termasuk juga tentera PLO, yang selama ini menetap di Lubnan.

Sejak awal-awal lagi, Begin mahu diberi kuasa meronda di kawasan sempadan Lubnan hingga ke bandar Sidon. Tuntutan ini telah diterima oleh perjanjian itu, tambahan lagi, tentera Lubnan, yang sedang dilatih oleh Amerika Syarikat, akan mengawal kawasan itu bagi mengawal sebarang kegiatan gerila PLO yang menentang Israel.

Selain itu, tentera Lubnan dikehendaki memberi maklumat kepada tentera Israel apabila melihat "kegiatan-kegiatan ganjil," iaitu yang melibatkan Syria dan PLO. Lubnan juga tidak boleh membenarkan penempatan senjata-senjata berat yang boleh menentang Israel, meskipun pihak Zionis tidak dikenakan apa-apa syarat pun.

Bagi mengambil kesempatan dari pendudukannya di Selatan Lubnan, Israel telah membuka syarikat-syarikat perdagangan yang bertapak di ekonomi Lubnan.

Perjanjian itu juga mewajibkan Beirut mengadakan perhubungan ekonomi dan pertukaran barang-barang antara kedua-dua buah negara itu. Tidak syak lagi, langkah ini akan menjerat Lubnan lagi dalam cengkaman Israel.

Perjanjian itu mewajibkan Beirut menyertai satu

Selain dari PLO, perjanjian itu juga mengancam kedudukan Syria. Presiden Hafez-al Assad mendakwa bahawa perjanjian itu telah membenarkan tentera Yahudi bergerak sehingga sempadan Syria. Selanjutnya, kerajaan Damsyik menolak perjanjian itu.

Tindakan Syria ini membolehkan Israel mengekalkan pendudukannya sebab Israel tidak akan berundur selagi tentera Syria dan PLO masih ada. Kini, Washington berusaha kuat untuk memujuk dan menekan Syria agar mematuhi persetujuan itu.


Namun begitu, Syria tidak berganjak dan menolak lawatan Utusan Khas Philip Habib dari Washington. Selagi perdamaian tidak tercapai, pendudukan Israel juga tidak selamat. Seringkali, gerila PLO menyerang tentera Zionis di Lubnan menyebabkan Israel sentiasa bersedia dan mengalami kecederaan dan kematian.

Tidak hairanlah sekiranya Begin merancang untuk menyerang tentera Syria dan PLO di Lembah Beka bagi mengusir mereka dari bumi Lubnan. Bagaimanapun, tidak mungkin Begin berpuas hati setelah mencapai kejayaan dengan Amin Gemayel buat ketika ini. Semenara itu, pergolakan di Lubnan telah mengalihkan perhatian dunia dari Tebing Barat di mana Israel sedang mengambil langkah untuk menaklukinya.

Jawatankuasa Perhubungan, yang terdiri dari Lubnan, Israel dan Amerika Syarikat. Tujuan kalimat ini ialah bagi meletakkan asas di mana suatu hari nanti Beirut akan membuka perhubungan diplomasi dengan Tel Aviv. Selanjutnya, masing-masing dibolehkan membuka pejabat konsul sebagai permulaan.

Sebagai satu syarat penting, Beirut dikehendaki membatalkan segala perjanjian yang bertentangan dengan perjanjian itu. Ini bermakna segala persetujuan dengan negara-negara Arab lain untuk menentang Zionisme terpaksa dimansuhkan. Akibatnya, Lubnan akan terputus dari bantuan negara-negara Arab dan akan terus di pengaruhi oleh Israel dan Amerika Syarikat.

Sambutan dari negara-negara Arab berbelah-bahagi. Arab Saudi dan negara-negara Teluk tidak menentang, manakala Mesir, Jordan dan Iraq memujinya secara terbuka. Akan tetapi, Libya, Syria dan Yemen Selatan mengutuknya sebagai satu pengkhianatan. ●



# PRETENCE AT WILLIAMSBURG

## Arms, Elections Dominate Economic Summit

This year's Western summit turned out to be much more a platform for justifying the Reagan administration's nuclear arms buildup than a vehicle for solving any of the world's economic problems.

At Williamsburg, Va., the leaders of the seven main capitalist countries, dominated by conservatives, put on a 3-day show of working together to defend and revive the weakened system of the Western world.

In reality, however, the heads of government focused more on mutual accommodation and tradeoffs to enhance their political prospects back home. Four of them — including, of course, host President Ronald Reagan — soon face elections.

Neither the statesman-like nor political-campaigner approach offered anything more than glitterless generalities for the 22 million jobless in the summit countries or the devastated and debt-ridden peoples of the third world. One conference participant conceded that the third world would be "furious" at the inaction.

The summit was billed as an economic event, the ninth in an annual series. But it was soon and somewhat surprisingly side-tracked by nuclear missile enthusiasts Reagan and British Prime Minister Margaret Thatcher into the related political issues of deployment and disarmament.

As a result, the first statement from the conference was unexpectedly a Text on Arms Policy, followed May 30, at the end of the sessions, by the Williamsburg Declaration on Economic Recovery.

The statement on arms was a significant gain for Reagan, widening international support for the NATO plan to deploy more nuclear missiles in Europe this year and for his hardline bargaining position in the Geneva negotiations with the Soviet Union.


The nuclear arms talk, however, was not easily contained within the allotted dinner-time. After dinner, Reagan, apparently elated with victory, dashed with his notes into the nearby room where Secretary of State George Shultz was dining with the foreign ministers. Reagan said the leaders wanted to issue a statement.

"Then he handed me a sheaf of notes," Shultz said next day, "and it was on the basis of those notes that we constructed a statement about what had happened in a meeting that we didn't attend."

It expressed "the strong wish that a balanced [intermediate range nuclear missile] agreement be reached shortly" but warned that if this did not occur, "the countries concerned will proceed with the planned deployment of the U.S. systems in Europe at the end of 1983."

By "balanced" the seven meant to count only U.S. and Soviet weapons. "The deterrent forces of third countries, such as those of France and the United Kingdom" have "no place" in the negotiations, they said.

The USSR and many others see the French and British missiles as an integral part of the nuclear arms force available to the Western powers for use against



# For a Refreshing First Strike Capacity



**WARNING:** Launching may be hazardous to your planet.

the Soviet Union. And that view was reinforced by the summit statement that "the security of our countries is indivisible and must be approached on a global basis."

Several participants had objected to earlier drafts. Canadian Prime Minister Pierre Elliott Trudeau, no doubt wary of the burgeoning Canadian anti-nuke movement, took exception to the hardline exclusion from negotiations of French and British missiles. And Kohl also was said to fault the combative tone of the first draft.

Mitterrand was irritated at the start by the proposal to issue a political statement before agreement had been reached on economic matters, perhaps fearing a loss of leverage if he gave too much too early. More importantly, early drafts contained apparent references to NATO; France withdrew years ago from NATO's military wing in a fierce assertion of its independence on defense matters.

But in the end, social democrat cold warrior Mitterrand went along with his right-wing peers, lining up against the world peace movement and the Soviet Union.

Japanese adherence to the Reagan doctrine on missiles was a sharper precedent than the French, but perhaps more predictable. It was the latest step in the long U.S. campaign to get Japan to take over the anti-Soviet defense of the Western Pacific and to rearm for that purpose. Hawkish Prime Minister Nakasone Yasuhiro had his private pre-summit session with the President in Washington and came out boosting Reagan's arms policy.

But the solid backing Reagan was able to drum up for his arms policy fell apart when it came to Reaganomics. In welcoming his guests to "the beautiful village of the past," he said, "Today America is leading the world into an economic recovery that's already being felt in many of the other countries represented here." But they neither recognized the recovery nor U.S. leadership.


Instead, they stressed in their declaration the need to "insure that the recovery materializes and endures." The 10 points they agreed on to reach those objectives were largely warmed-over platitudes concerning "appropriate monetary and budgetary policies," "closer consultations on policies affecting [foreign] exchange markets," commitments to "halt protectionism and.... to reverse it" (not now but "as recovery proceeds"), "Adequate" financing for debtor nations.

On close examination, it seems evident that the seven still believe that unemployment and third world poverty are peripheral; inflation, money supply growth and budget deficits central.

In the weeks before the summit, there was considerable speculation that if this one were as divisive or useless as last year's it might be the last. It wasn't as divisive: Reagan has become less confrontational and more subtle or devious in his reach for control over his allies.

And they behaved amiably; Mitterrand at least had been expected to kick up a fuss but U.S. administration officials reported with relief that he turned out to be "boring." The deep national divisions, of course, were still there, but they were papered over.

The economic sessions were probably close to useless and some of the participants afterwards displayed a realistic lack of seriousness about the outcome.



# More Maggi Mee: Five More Years Of The 'Iron Lady'

One of the most radically rightist administrations in modern British history won reelection in nationwide voting June 9.

Prime Minister Margaret Thatcher and her Conservative (Tory) Party were supremely confident of victory despite a record rate of unemployment and a broad-based antinuke campaign that warned of heightened war dangers should these unbridled Reagan enthusiasts be returned to office.

Thatcher made the most of her modest political assets by calling an election 11 months before her full 5-year term expires. Election week marked for example, the first anniversary of the British victory over Argentina



in the Falklands/Malvinas conflict — a confrontation that stirred popular nostalgia for the days of empire and enabled the prime minister to embellish her "Iron Lady" image.

The Tories had been riding high in the polls ever since that 1-sided shootout.

They got about 42% of the vote (397 seats) compared to around 29% for the Labour Party (209) and 25% for the Alliance of the Liberal and (23 seats),

with 21 seats going to others.

In addition, Thatcher is finally able to point to a few small bright spots in a generally dark economic scene. Thanks to her unstinting attacks on working people's incomes, inflation has now fallen to a 5% mark, about half of what it was when the Conservatives took over in 1979.

Unemployment figures also showed a minuscule dip in April to the 3.2 million (13%) level, primarily because the government changed the accounting procedure to eliminate men over age 60 from the official jobless statistics.

Thatcher's opponents however, made the timing of the election an issue in itself. Noting that even the Tories' own projections assume an increase in both unemployment and inflation later this year, Labour and the Alliance both referred to the June 9 balloting as a "cut and run" maneuver which took cynical advantage of temporary — and illusory — hints of a recovery and which also contradicted the prime minister's self-touted "resolute approach."

For all their electoral arrogance, the Tories did not back awaiting an inevitable triumph. Instead, they conducted an aggressive, well-financed, U.S.-style advertising campaign which presented Thatcher as an atypical politician who keeps her promises and exhibits the courage of her stern convictions. Four years of undiluted monetarism were characterized in this media blitz as "strong medicine" which Britain had to swallow in order to "return to economic health."

Tory advertisements also depicted Labour as a wildly radical party that would bankrupt the country overnight. Indeed, Thatcher herself described the voting as an opportunity for Britons to dispel the "dark, divisive clouds of Marxist socialism" and let in the sunshine of "economic and social freedom."

Those poison barbs were aimed particularly at Labour leader Michael Foot, a 69-year-old peace campaigner who approximates the stereotype of the "dishevelled professor." With his white mane flying in the wind and his somewhat informal dressing style, Foot is contrasted negatively to the prim and proper Thatcher who had her teeth straightened and took elocution lessons to modulate her naturally shrill speaking manner.

In matters of substance, Labour formulated one of the most progressive campaign manifestos in its 65-year history. Entitled "New Hope for Britain," this lengthy

document represented a victory for the party's left-of-center forces.

Moderate Labourites gave way on almost every issue in order to avoid another damaging intra-party squabble in which they would be accused of ignoring the clear sentiments of rank-and-file members.

Traditional social democrats also decided to call a truce in their 2-year squabble with socialist activists because of two other assumptions: first, that Labour would lose the election, thus setting up the left for recriminations; and, second, that in the unlikely event of a triumph over the Tories, the ensuing Labour government would be dominated by old-school "pragmatists" who would proceed to disregard the manifesto's main points.

These stalwarts had good reason to be discomfited. Labour's economic and military program was well to the left of that currently espoused by any mass-membership party in the major capitalist nations.

#### 'NON-NUCLEAR DEFENSE'

A "non-nuclear defense policy" was proposed whereby Britain would refuse to accept the 160 U.S.-built cruise missiles due to be deployed at Greenham Common by December.

The party also promised to rid the country of all existing British and NATO nuclear weapons. Somewhat paradoxically, however, Labour pledged to maintain Britain's membership in that U.S.-led military alliance.

The party's rather unequivocal no-nukes stand won support from the Campaign for Nuclear Disarmament (CND), the 250,000-member peace organization.

While not exactly underplaying the defense issue, Labour focussed more intensively on the unemployment crisis. Foot and his fellow candidates emphasized that dole queues have more than doubled since the advent of Thatcherism. They pointed out that the jobless rate stood at about 5% when the last labour administration left office in 1979.

To bring the unemployment total back down to that 1979 plateau, the party proposed a 5-year, £10 billion investment and tax incentive program to create some 2 million jobs. It also called for British withdrawal from the 10-nation Common Market on the grounds that this capitalist combine cause jobs to be exported and that its "free market" rules frustrated an interventionist approach by a single member country. Labour likewise said it would renationalize the industries "privatized" by Thatcher and would place several other sectors under public ownership as well.

These measures were denounced by the Alliance of the 2-year-old Social-Democratic Party (SDP) and the long-established Liberals. This amalgamation of right-wing Labour defectors and perennial centrists plummeted in the polls following a euphoric period at the time of the SDP's formation when it seemed that the Alliance might actually supplant the two main parties.



Mrs Thatcher and the Tory leadership reached down into the very sewers of life and came up with the twin themes of law and order and racism. Playing on vile prejudices and on the fears and confusion of the electorate is the Tories' usual ploy as they attempt to hide their real programme of attacks on working people and win votes by deceit.

Although they abandoned hope of winning the election, Alliance strategists still believed that there was a broad opening between Thatcher's far-right record and Labour's progressive promises.

Thatcher meanwhile plans to administer more of the same 'shock treatment' now that she has been reelected, although the Tory manifesto does not prescribe specific dosages. Few Britons doubt that monetarism will continue unabated if Thatcher wins, and many expect her to launch an all-out assault on the welfare state and on trade union rights.

Inroads were made in both those areas during the past four years, but the prime minister has herself stated that she will need two full terms in office to fulfill all her ambitions.

Her undisguised loathing for people unable to make it in a technocratic Britain accounts to some degree for Thatcher's seemingly inexplicable popularity. The Tories pander to the relatively prosperous southern half of the country where there is less fear of unemployment and where suburbanites and wealthy Londoners laud her anti-inflation policies and her "go-it-alone" sermonizing.

Indeed, the conservatives gained at least 20 additional parliamentary seats solely because of recently redrawn district boundaries that give added clout to suburban areas.

The largely deindustrialized north of England, along with much of Scotland and ravaged inner-cities throughout the country, voted for Labour. That outpouring of rage against Thatcher were not sufficient, however, to offset the status quo predilections of the complacent and comfortable British middle class.

## IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN JEPUN TIDAK ADIL

Jepun mempunyai lebihan perdagangan dengan Malaysia dan harus membuka pasaran-pasarananya kepada hasil-hasil pengeluaran negara-negara membangun, terutamanya Malaysia, kata Dr. Afifudin, pengurus besar KEDA.

Mengikut Dr. Afifudin lagi, "bantuan ekonomi tidak cukup untuk memperbaiki perhubungan antara dua negara sekiranya struktur perdagangan tidak adil."

Encik Sakamoto, wakil Pertubuhan Perdagangan Asing Jepun (JETRO), berkata perdagangan antara Jepun dan Malaysia lebih

berat sebalah kepada Malaysia; jika barang Malaysia yang di eksport melalui Singapura diambil kira, Malaysia mempunyai kelebihan. Tetapi Sakamoto pula tidak mengambil kira impot dari Jepun ke Malaysia melalui Singapura.


Cukai-cukai tarif telah dikurangkan kepada hanya 2% yang jauh lebih kurang dari yang terdapat di negara OECD lain, mengikut Sakamoto.

Masalah sebenar bagi pengeluar Malaysia yang mahu masuki pasaran Jepun bukanlah tarif, tetapi sekatan terhadap barang asing yang kononnya tidak bermutu tinggi.

Encik Clifford Herbert dari Perbendaharaan menjelaskan bahawa imbangan perdagangan lebih berat ke sebelah Malaysia sejak Malaysia mula mengeksport minyak ke Jepun.

Beliau berkata, "masalahnya bukanimbangan, tersebut tetapi struktur perdagangan pada keseluruhannya."

Tambahan pula, soal tarif yang rendah mengelirukan, kerana seperti negara-negara maju yang lain, Jepun mempunyai banyak halangan bukan tarif yang menghadkan kemasukan ke pasaran Jepun. ●



### Prestasi Pelaburan Jepun Di Malaysia

Y.B. Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, berkata bahawa terdapat lebih kurang 600 buah syarikat Jepun di Malaysia dan

pelaburan mereka berjumlah AS\$650 juta di mana hampir 2/3 darinya adalah dalam sektor pengeluaran.

Satu kajian baru-baru ini menunjukkan bahawa pelaburan Jepun di Malaysia tertumpu kepada perusahaan-perusahaan intensif buruh, terutamanya tekstil, elektronik dan pemasangan jentera serta alat mudah.

Kajian itu juga mendedahkan bahawa dari segi sumbangannya, lebih 80% daripada syarikat-syari-

kat tersebut menyatakan sumbangan mereka kepada Malaysia adalah dari segi peluang pekerjaan baru, dan hanya setengah dari syarikat tersebut mendakwa bahawa Malaysia telah memperolehi keuntungan dari segi pemindahan teknologi.

Apa yang penting ialah semua pelaburan itu telah menghasilkan keuntungan. Dasar Pandang Ke Timur, mengikut Datuk Abdullah, harus melibatkan faedah bagi kedua-dua pihak. ●

# BAGAIMANA JEPUN MEMBANGUN

Dalam seminar mengenai *Pengalaman Jepun: Tunjuk Ajar Untuk Malaysia* di Pulau Pinang pada penghujung bulan Mei, sebuah panel keadaan sejarah yang membawa perindustrian Jepun telah dipersetujui, tetapi tiada persetujuan sama ada Malaysia boleh dan harus mengikuti langkah tersebut.


Apabila Jepun mula maju ke arah permodenan semasa Pemulihian Meiji 1868, peringkat pendapatannya hampir sama dengan India dalam 1960, kata seorang pensyarah Universiti Kyoto, Dr. Yoshihara Kunio.

Akan tetapi, sebab utama mengapa Jepun membangun dan negara-negara Asia yang lain tidak ialah kerana Jepun bukan sebuah tanah jajahan.

Pengeluaran berlebihannya tidak disalurkan kepada kuasa penjajah dan orang-orang asing tidak membentukkan fahaman, mentaliti dan institusi yang telah melambatkan pembangunan negara-negara Asia lain.

Walau bagaimanapun, perbezaan Jepun dengan Negeri Thai, yang juga tidak pernah dijajah, menunjukkan bahawa syarat-syarat lain perlu di samping kebebasan dari pentadbiran asing.

Di Jepun kelas *Samurai* yang berpendidikan sedia menerima pembaharuan dan mengusahakan permodenan ekonomi.



Satu unsur lain yang amat penting dalam kejayaan Jepun ialah fahaman *perkumpulan* — kedua-dua pihak pekerja dan majikan digalakkan percaya bahawa mereka mempunyai takdir yang terikat.

Jika ciri-ciri seperti *perkumpulan* adalah istimewa kepada kebudayaan Jepun, kata Prof. Lee Poh Ping dari Universiti Malaya, maka kita tidak harus berbicara tentang sebarang usaha untuk memindahkanya ke Malaysia.

Akan tetapi, jika ia merupakan akibat keadaan susunan masyarakat, maka kita boleh cuba menirukannya.

Kesetiaan pekerja Jepun yang kononnya tidak berbelah bagi, terhadap majikan mereka diberi ganjaran kebendaan. Kesetiaan para pekerja dibalas dengan gaji yang tinggi, bonus, kemudahan kebajikan dan jaminan pekerjaan seumur hidup oleh pihak majikan syarikat.

## Apakah Jepun Patut Ditiru?

Encik Martin Khor dari Persatuan Pengguna Pulau Pinang pula mempersoalkan sama ada pengalaman Jepun harus diikuti oleh Malaysia.

Beliau berkata kejayaan Jepun memang terkenal, tetapi kita perlu sedari keburukan-keburukan Jepun — penyakit-penyakit perusahaan..

nya, kadar membunuh diri, tekanan melampai terhadap prestasi penuntut sekolah, kekurangan perumahan dan pencemaran alam sekitarnya.

Walaupun masalah-masalah ini wujud dalam semua masyarakat industri, ia lebih serius di Jepun. Keburukan-keburukan tersebut telah dikemukakan oleh Dr. Kunio sendiri dalam sebuah buku lain, walaupun ia tidak menyebutnya dalam seminar tersebut, kata Encik Khor.

Di bawah Shogun Tokugawa, masyarakat Jepun telah kenal huruf. Tambahan pula, pendidikan adalah sekular serta rasional dan menumpukan perhatian kepada penggunaan sains amali.

Pemulihan Meiji yang mulakan usaha memodenkan Jepun telah menghapuskan sistem kelas feudal yang diwarisi dan membolehkan orang ramai memajukan diri mengikut keupayaan dan bakat sendiri.

Sungguhpun begitu, oleh kerana zaman Meiji adalah zaman pemulihan dan bukan zaman revolusi bermakna bahawa setengah tradisi telah dikekalkan dan digunakan untuk memodenkan ekonomi.

Kerajaan pusat pula telah menambahkan kekuasaannya.

Dr. Yoshihara berkata, "peranan Kerajaan telah membantu Jepun menambahkan pengeluaran semasa dan menyertai industri-industri pertumbuhan tinggi dan mengelakkan pelaburan yang menindih."

Sebahnya, ekonomi Malaysia pula masih terus bergantung kepada pelaburan asing untuk kewangan, teknologi dan pemasaran.

Mengikut Encik Khor lagi, kebanyakkan peniaga tempatan masih merupakan saudagar ataupun pemilik tanah atau bangunan.

Hanya sebilangan kecil pengusaha tempatan yang aktif dalam bidang industri. Faktor-faktor ini sudah tentu akan menghalang pertumbuhan industri. ●

## Jawapan kepada soalan objektif:

- |      |       |      |      |
|------|-------|------|------|
| 1. a | 2. d. | 3. c | 4. c |
| 5. c | 6. d  | 7. c | 8. c |

# SYARIKAT JEPUN DIKUTUK

Persekutuan tenaga buruh Filipina mengkritik syarikat-syarikat gergasi Jepun kerana mendiskriminasikan pekerja Filipina dan mengaku diri mereka sebagai pengusaha industri, sedangkan mereka hanya 'orang tengah' yang berkecimpung dalam perdagangan.

Kritik-kritik ini dikemukakan apabila 10 buah syarikat perdagangan Jepun yang mempunyai cawangan di Manila memohon kepada Biro Pekerjaan Tempatan untuk melonggarkan undang-undang mengenai pengambilan pegawai Jepun dalam cawangan mereka di Manila.

Rayuan itu memohon agar permit kerja asing yang dipegang oleh pegawai Jepun dilanjutkan dari 3 bulan ke 2 tahun, dan agar mereka dikecualikan dari melatih orang Filipina untuk menggantikan mereka.

Persekutuan Kesatuan Pekerja Filipina dalam Syarikat Gergasi Jepun mengkritik syarikat-syarikat Jepun itu kerana mengamalkan

diskriminasi terhadap pekerja Filipina dan terus menggunakan pengurus Jepun dalam kilang mereka di Manila.

Dalam satu kertaskerja yang menentang rayuan Jepun itu, persekutuan itu memberitahu bahawa firma Jepun tidak melayan pekerja Filipina dengan adil sungguhpun pekerja Filipina telah menunjukkan kebolehan mereka dalam tempoh perkhidmatan yang panjang.

Mengikut kertaskerja itu, jawatan-jawatan tertinggi yang dipegang oleh orang Filipina dalam firma-firma ini ialah sebagai timbalan atau penolong pengurus setelah bekerja selama 10 tahun.

Sebenarnya, jawatan-jawatan tersebut tidak memberi sebarang kuasa pengurusan kepada pegawai-pegawai Filipina.

Persekutuan itu juga mendakwa bahawa firma-firma Jepun adalah pengusaha palsu yang hanya ingin merebut keuntungan dan menunjukkan bahawa syarikat-syarikat tersebut adalah "orang tengah" yang terlibat dalam perdagangan.



## Amerika Syarikat Enggan Membantu Dunia Ketiga

Amerika Syarikat menolak cadangan-cadangan Dunia Ketiga di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) untuk membantu ekonomi negara-negara miskin dan mengkaji semula sistem perdagangan dan kewangannya.

Timbalan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Kenneth Dam berkata ekonomi dunia akan pulih dengan sendirinya, dan mendakwa bahawa masa depan Dunia Ketiga akan bertambah baik apabila ekonomi barat pulih.

Rombongan-rombongan negara miskin merayu agar bantuan diberi kepada Dunia Ketiga yang menghadapi masalah harga barang utama yang rendah dan hutang yang berat.

Pegawai-pegawai Dunia Ketiga diberitahu oleh Amerika Syarikat bahawa negara mereka akan membangun jika mereka bergantung kepada pasaran dan menggalakkan pelaburan asing.

Diplomat-diplomat barat lain menganggap kenyataan Encik Dam sebagai sikap tegas A.S. yang telah pun kelihatan dalam persidangan antarabangsa lain.

## UNTUNG BANK BERTAMBAH

Timbalan Gabenor Bank Negara, Dr. Lin See Yan berkata walau-pun kita menghadapi kemelesetan, bank-bank telah mencatatkan keuntungan yang memuaskan "yang sukar diterangkan kepada orang ramai."

Tahun lalu, bank-bank perniagaan menunjukkan keuntungan selepas cukai 72% lebih tinggi dari 1981. Bank-bank lain pula telah menambahkan keuntungan mereka tidak kurang dari 20%.

# SYARIKAT ASING HANCURKAN KESATUAN

Pemimpin MTUC, P.P. Narayanan telah menyeru kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk menjalankan satu kajian mengenai usaha 'menghancurkan kesatuan' dan mengambil langkah untuk menghelangnya.

Narayanan telah mengutuk syarikat asing (MNC) sebagai majikan yang paling bertanggungjawab ke atas tindakan demikian.

Dalam satu ucapan di persidangan ILO di Geneva, beliau berkata, "Negara-negara membangun yang bergantung kepada modal asing melalui MNC seringkali ditekan oleh mereka untuk menerima dasar-dasar anti-kesatuan."

Mengenai cara-cara yang digunakan untuk memecah-belahkan kes-

satuan, Narayanan berkata, "Ia dijalankan dengan cerdiknya oleh pihak majikan. Mereka menggaji 'penasihat buruh,' peguam dan profesional lain untuk menghancurkan kesatuan-kesatuan dengan cara yang tidak adil, termasuk kuasa dan pengaruh politik.

"Terdapat kes di mana kesatuan-kesatuan dihancurkan oleh majikan dan penasihat mereka."

"Satu teknik yang popular ialah penerimaan konsep kesatuan dalam."

Negara-negara yang memecahbelahkan pergerakan buruh mereka mendedahkan pergerakan buruh mereka kepada bahaya-bahaya manipulasi oleh "oportunis politik" dalam masyarakat.


Narayanan juga merayu kepada

ILO untuk menjalankan kajian tentang kegiatan Kawasan Perdagangan Bebas (FTZ), yang ditubuhkan oleh kebanyakan negara-negara membangun untuk menarik MNC.

FTZ telah membawa keuntungan kepada MNC, dan beliau tidak pasti sama ada mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara-negara membangun.

Perindustrian cara demikian telah mengakibatkan kesan-kesan sosio-ekonomi yang merbahaya kepada kemakmuran negara-negara membangun.

Beliau berkata, "Perhatian kurang diberikan kepada kesan-kesan alam sekitar, keselamatan dan kesehatan."



# PRESTASI EKONOMI 1982

## MURAM:

### Apakah Kemelesetan Sudah Tamat?


ahlibahasa: Prof. Madya Dr. Toh Kin Woon  
Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam laporan tahunannya, Bank Negara Malaysia telah memberi gambaran buruk mengenai prestasi ekonomi Malaysia pada 1982.

Setelah kejatuhan sederhana dalam kadar pertumbuhannya dalam 1981, ekonomi Malaysia telah mengalami impak penuh kemelesetan dinegara-negara maju utama dalam tahun lepas.

Bank Negara mengatakan bahawa harga-harga sebenar bagi barang-barangan eksport yang penting telah jatuh kepada tingkat-tingkat yang paling rendah dalam tempuh 30 tahun, dan ini telah membawa kepada kejatuhan yang curam dalam syarat perdagangan dan kekurangan yang paling teruk dalamimbangan pembayaran.

Permintaan tempatan pada keseluruhannya telah banyak berkurangan dan kerajaan telah dipaksa mengurangkan perbelanjaannya.



Walau apa pun, adanya juga beberapa tanda yang agak menggalakkan. Kadar pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) hanya 4.6%, hasil daripada pertambahan dalam pengeluaran barang-barangan utama yang telah melebihi kejatuhan harganya.

Inflasi dan kadar bunga telah jatuh, sedangkan wang pinjaman bank telah berkembang. Ciri-ciri ekonomi ini telah mendorong Bank Negara membuat ramalan cerah untuk ekonomi Malaysia bagi 1983.

Memandangkan jauh ke depan, Bank Negara mengatakan bahawa suatu penyusunan semula ekonomi, yang meliputi banyak bidang, adalah perlu sekiranya ulangan masalah-masalah yang dihadapi dalam dua tahun yang lepas akan dielakkan.

Walaupun sektor eksportnya telah dipelbagaikan ekonomi Malaysia masih amat terbuka sehingga tidak dapat mengelakkan pasang surut ekonomi antarabangsa.

#### Negara Maju Bertanggungjawab

Mengikut pandangan Bank Negara, "dasar-dasar fiskal dan kewangan yang ketat" yang diamalkan oleh negara-negara maju adalah bertanggung jawab ke atas sebahagian besar dari kesulitan ekonomi yang dialami Malaysia dalam 1982.

Dasar-dasar ini telah menyekat permintaan dan memangguhkan pemulihan. Kadar-kadar bunga yang tinggi telah meninggalkan kesan-kesan besar terhadap pasaran-pasaran barang.

Ini adalah kerana kos yang tinggi untuk memegang stok telah mengurangkan stok pada tingkat yang lebih rendah daripada tingkat biasa setelah permintaan berkembang semula.

#### Harga Merosot

Akibatnya ialah suatu kejatuhan purata sebanyak 4% dalam harga-harga eksport Malaysia yang – walaupun tidak sebegini teruk apabila dibandingkan dengan kejatuhan sebanyak 13% dalam tahun 1981 – telah pun mengikis syarat-syaratnya sebanyak 5%, berbanding dengan jumlah pemberian sebanyak 32% dalam syarat perdagangan dalam lima tahun yang lepas.

Dalam 1982, harga-harga purata bagi semua barang-barangan eksport Malaysia penting telah banyak jatuh – kecuali untuk kayu balak dan kayu balak yang digergaji, yang telah meningkat naik sedikit kalau dibandingkan dengan harga tahun lepas, akibat terutamanya daripada potongan-potongan dalam jualan oleh Indonesia dan Filipina.

Akan tetapi, kejatuhan harga kayu balak yang telah berlaku pada penghujung tahun 1982 telah mengimbangi apa jua kenaikan yang telah berlaku pada tahun itu.

Minyak mentah, yang telah menjadi barang eksport Malaysia terpenting sejak 1980, telah mengalami kejatuhan dalam harganya buat pertama kali dalam tempuh lima tahun, sedangkan harga-harga bijih timah tetap rendah.

**Jadual 1**  
**Imbangan Pembayaran**

M\$ juta	1981	1982
Eksport Dagangan (f.o.b.)	26,964	28,054
Import Dagangan (f.o.b.)	26,993	29,486
Imbangan Dagangan	(29)	(1,432)
Penerimaan khidmat	5,082	5,409
Bayaran khidmat	10,425	11,699
Imbangan Perkhidmatan	(5,353)	(6,290)
Pindahan bersih	(105)	(103)
Imbangan barang perkhidmatan & pindahan	(5,487)	(7,825)
Aliran masuk modal resmi jangka panjang	2,915	4,379
Pinjaman	2,941	4,671
Lain-lain	(26)	(292)
Pelaburan syarikat bersih	2,833	3,095
Kredit perdagangan bersih	101	362
Jumlah aliran masuk modal jangka panjang bersih	5,849	7,836
Imbangan asas	372	11
Aliran masuk modal swasta bersih	86	933
Bank perdagangan	643	(557)
Lain-lain	(557)	1,490
Kesilapan & Ketinggalan Bersih	(1,551)	(1,558)
Imbangan Keseluruhan	(1,093)	(614)

Sumber: Bank Negara

Harga-harga benar minyak kelapa sawit dan getah, yang mempengaruhi pendapatan sebahagian besar dari pekebun kecil, telah jatuh kepada tingkat yang lebih rendah daripada apa yang terdapat dalam kemelesetan dalam 1975.

Seperti dengan bijih timah, harga minyak sawit telah mencapai titik yang tertinggi dalam Februari sebelum jatuh kepada harga paling rendah sebanyak M\$809 setan cif (harga yang terdapat di Barat Laut Eropah) pada Oktober.

Harga-harga getah telah terus berkurang sejak Januari, dan kejatuhan ini bertambah dalam Mei akibat pengurangan dalam bezantora harga bilamana Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa akan campurtangan.

Pada hujung tahun, harga gred getah yang paling tinggi, RSS-1 telah jatuh kepada tingkat yang paling rendah dalam tempuh tujuh tahun.

Harga koko telah jatuh lima tahun berturut-turut (dalam 1982, harganya ialah hanya 40% daripada harganya dalam 1977), sedangkan harga-harga untuk tembaga dan minyak isi kelapa sawit telah jatuh untuk dua tahun berturut-turut.

Walau apa pun, kejatuhan keseluruhan dalam harga-harga eksport sebanyak 5% telah diatasi oleh suatu kenaikan dalam kuantiti eksport sebanyak 10%.

Di antara tiga sektor eksport utama, barang-barang perkilangan telah mencapai pertumbuhan yang paling tinggi. Barang-barang ini telah meningkat kepada M\$7.61 ribu juta, suatu kenaikan sebanyak 18.7%.

Jualan barang-barang elektrik telah bertambah sehingga hampir separuh daripada jumlah. Sebahagianya disebabkan oleh pengeksportan semula komponen yang diimport dari negara-negara tetangga untuk diuji di sini yang semakin meningkat.

Jualan barang-barang kimia dan petrolium juga telah banyak meningkat tetapi jualan barang-barang logam, kayu dan makanan semua jatuh.



#### Import Terus Bertambah


Import kasar telah bertambah naik dengan kadar dua kali lebih tinggi daripada eksport dalam 1982. Kadar kenaikan import dalam 1982 ialah 8.7%, berbanding dengan kadar kenaikan sebanyak 13.7% dalam 1981, yang pada asasnya disebabkan oleh harga-harga import yang lebih tinggi.

Dalam 1982, walaupun harga-harga import hampir sama, namun kuantitinya telah meningkat. Sebahagian besar daripada kenaikan dalam kuantiti import ini terdiri daripada kenaikan dalam import kapal terbang, kapal, kelengkapan keretapi dan bahan pembinaan, sedangkan import minyak mentah telah banyak jatuh.

Jumlah import dagangan (termasuk kelengkapan menggali minyak di luat) ialah M\$29.49 ribu juta.

Kekurangan keseluruhan dalam imbangan pembayaran sebanyak M\$614 juta telah dibiayai dengan penggunaan kemudahan pembiayaan stok-penimbal lama Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebanyak M\$152 juta dan kejatuhan sebanyak M\$462 juta dalam simpanan antarabangsa bersih kepada M\$933 ribu juta — cukup untuk memperolehi import selama empat bulan.

Walaupun simpanan asing telah berkurang, nilai ringgit Malaysia berbanding dengan nilai matawang negara yang mempunyai hubungan perdagangan yang rapat dengan Malaysia, telah meningkat sebanyak 1.6%.



Pertambahan dalam pengeluaran barang eksport — khasnya minyak sawit dan minyak mentah — bertanggung jawab atas kenaikan dalam KDNK tahun lepas yang, mengikut Bank Negara, merupakan suatu pencapaian yang agak menggalakkan, lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan "pertumbuhan pengeluaran yang kosong atau negatif di kebanyakan ekonomi-ekonomi industri utama."

Dalam 1982, KDNK Malaysia, yang bernilai M\$66.52 ribu juta, telah meningkat sebanyak 9.8% dari segi harga semasa dan 4.6% dari segi harga benar, yang merupakan kadar pertumbuhan tahunan benar yang paling rendah sejak 1975.

Kadar yang telah dicapai dalam 1981 ialah 6.7%, sedangkan Rancangan Malaysia Keempat telah menetapkan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 7.6% sebagai sasaran bagi tempuh 1981-85.

Keluaran Nasional Kasar per kapita sebenar, yang bernilai \$4,090, telah bertambah dengan kadar 1.5%.

#### Pengeluaran Terus Meningkat

Pengeluaran semua sektor dalam ekonomi Malaysia telah bertambah dalam 1982.

Pengeluaran di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan telah meningkat 5.2%, pengeluaran sektor perlombongan telah meningkat 8.8%, sedangkan pengeluaran sektor perkilangan telah bertambah 4.1%.

Pengeluaran minyak sawit telah bertambah sebanyak 25%, terutamanya akibat dari pertambahan keluasan kawasan pokok matang, dan juga peningkatan hasil yang disebabkan oleh penggunaan serangga untuk meningkatkan pengeluaran.

Pengeluaran minyak isi kelapa sawit telah bertambah dengan kadar lebih daripada 50%, sedangkan pengeluaran kacang koko telah meningkat 30%.

Pengeluaran getah telah berkurang sedikit apabila dibandingkan dengan paras pada 1981, sebahagian besar daripada kejatuhan terus menerus dalam pengeluaran estet diimbangkan oleh pengeluaran tertinggi sebanyak 943,500 tan daripada pekebun kecil.

Walaupun demikian, Malaysia tetap merupakan pengeluar getah terbesar di dunia, dengan sumbangan 41.7% daripada pengeluaran getah sedunia.

Pengeluaran beras telah bertambah sebanyak 1.5% kepada lebih dari 1.3 juta tan, cukup untuk memenuhi hampir 82% daripada keperluan-keperluan kebangsaan,

Pertanian	Jadual 2 Eksport Malaysia			
	Nilai (M\$ juta)		Kuantiti ('000 tan)	
	1981	1982	1981	1982
Kayu Balak	2,473	3,393	15,816	19,377
Minyak sawit (mentah dan yang diperoses)	2,824	2,776	2,492	2,861
Getah	3,712	2,655	1,485	1,378
Kayu balak yang digergaji	1,120	1,184	3,030	3,193
Minyak isi kelapa sawit	298	334	242	334
Koko	171	198	42	58
Galian	9,332	9,306	n.a.	n.a.
Petroleum mentah	6,918	7,578	211	245
Bijih timah	2,138	1,484	66	49
Tembaga	174	156	128	122
Barang				
Barang-barang perkilangan	6,412	7,611	n.a.	n.a.
Total*	27,100	28,195	n.a.	n.a.

Sumber: Bank Negara, Jabatan Perangkaan

\* Lebih daripada jumlah nilai di atas — kategori "lain-lain" ditinggalkan.

meskipun terdapat keadaan kemarau di kawasan-kawasan penanaman dua kali setahun di Kedah dan Kelantan.

Pengeluaran kayu balak yang digergaji telah meningkat 4.6% kepada 31.6 juta meter padu, hasil daripada peningkatan dalam kadar pembalakan di Sarawak.

Hasil dari pembukaan empat perigi minyak baru di laut serta aliran lebih minyak dari perigi-perigi yang sedia ada, pengeluaran petroleum mentah telah bertambah sebanyak 17.7% kepada 14.5 juta tan, atau 303,101 tong sehari.

Pada masa yang sama, pengeluaran bijih timah telah jatuh kepada 52,342 tan, tingkat yang paling rendah dalam tempuh 23 tahun.

Namun demikian, peratus dari pengeluaran bijih timah sedunia dari Malaysia dipertahankan pada paras 35.7%.

Kejatuhan dalam permintaan dari pasaran asing serta kelembapan dalam permintaan pengguna di ekonomi tempatan telah menjatuhkan kadar pertumbuhan sektor perkilangan, kata Bank negara. Hanya penapisan minyak kelapa sawit dan petroleum menunjukkan kenaikan pengeluaran yang besar.

Potongan dalam perbelanjaan infrastruktur oleh kerajaan dan pengurangan dalam bilangan projek perumahan telah menyebabkan kejatuhan dalam nilai tambahan di perusahaan pembinaan.


Pertumbuhan tempatan yang tercapai dalam 1982 didorong terutamanya oleh sektor awam. Jumlah permintaan tempatan benar — jumlah permintaan sektor swasta dan awam — telah meningkat hanya pada kadar 4.5% saja.

Di antaranya, perbelanjaan sektor swasta telah bertambah hanya sebanyak 8.6%, sedangkan perbelanjaan benar sektor awam telah bertambah pada kadar yang lebih rendah, iaitu 2.7%.



Sementara itu, kekurangan belanjawan keseluruhan sebanyak \$9.74 ribu juta dibiayai melalui peningkatan sebanyak 48.1% dalam peminjaman tempatan bersih kepada \$6.08 ribu juta dan kenaikan sebanyak 60.1% dalam peminjaman asing kepada \$4.66 ribu juta — satu rekod.

Penggunaan kemudahan kredit baru dan yang sedia ada telah meningkatkan hutang asing yang belum selesai



kepada \$13.09 ribu juta, kenaikan sebanyak 58.1%, sedangkan nisbah penjelasan — hutang asing telah dipertingkatkan daripada 2.6% pada hujung 1981 kepada 4.5% setahun kemudian.

Kadar inflasi telah jatuh, nisbah harga pengguna untuk Semenanjung Malaysia meningkat hanya sebanyak 5.8% dalam tempuh setahun berbanding dengan kenaikan sebanyak 9.7% dalam 1981.

Kenaikan upah juga adalah lebih rendah dalam 1982 apabila dibandingkan dengan apa yang terdapat dalam 1981, akibat kejatuhan dalam permintaan untuk buruh.

#### Ramalan Untuk 1983

“Pada hujung suku tahun yang pertama dalam 1983”, kata Bank Negara, “keadaan telah bertambah baik. Prospek untuk mengurangkan kadar inflasi nampaknya cerah, permintaan untuk eksport telah meningkat, dan oleh sebab itu, kedudukan sektor asing dijangka akan bertambah kukuh, sementara prospek untuk suatu pemulihan ekonomi yang sederhana adalah baik.”

Ramalan Bank Negara yang baik untuk 1983 adalah berasaskan petunjuk-petunjuk yang semakin menunjukkan bahawa suatu pemulihan ekonomi akan berlaku, khasnya di Amerika Syarikat, Jepun dan juga di Eropah Barat, walaupun darjah pemulihan di sini adalah lebih rendah.

Bank Negara meramalkan bahawa kadar pertumbuhan benar yang akan dicapai oleh anggota-anggota OECD pada tahun ini adalah di antara 2—2.5% saja, sungguh pun OECD sendiri hanya meramalkan kadar sebanyak 1.5% saja.

Apabila industri kereta moto di Amerika memulih kembali, kata Bank Negara, harga getah akan bertambah baik, sementara permintaan untuk kayu balak dari Malaysia akan meningkat apabila industri perumahan di Amerika Syarikat dan Jepun mula berkembang.

Kuantiti minyak sawit, petroleum mentah, bijih timah dan bahan elektronik yang dieksport dari Malaysia dijangka akan bertambah.



Hal ini akan menghasilkan kenaikan sebanyak 11.3% dalam eksport barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan tahun ini kepada \$37.2 ribu juta dan kejatuhan selari dalam kekurangan akaun semasa kepada \$6 ribu juta.

Aliran masuk modal, mengikut Bank Negara lagi, akan meningkat semula, dan kedudukan simpanan antarabangsa Malaysia akan tetap kukuh.

Pertumbuhan berdasarkan eksport ini patut meningkatkan KDNK sebanyak 5%, dan KNK per kapita benar sebanyak 2%. Namun demikian, jumlah permintaan dalam negeri benar dijangka meningkat hanya 1.1% saja, dengan perbelanjaan sektor awam sebenar berkurangan. Inflasi akan dipertahankan pada kadar 5-6%.

#### Ramalan Bank Negara Terlalu Cerah?

Pada keseluruhannya, Bank Negara kali ini adalah lebih optimistik daripada Kementerian Kewangan, yang telah meramalkan kadar pertumbuhan pengeluaran sebanyak 4.9%, suatu kadar pertumbuhan eksport sebanyak 10.1% dan suatu kejatuhan dalam kekurangan imbalan pembayaran kepada hanya M\$6.67 ribu juta, pada masa Belanjawan 1983 dibentangkan.

Pada pertengahan Mac, Petronas telah mengurangkan harga minyaknya sebanyak AS\$5.60 pada puratanya bagi setiap tong, kejatuhan sebanyak 15.4%, mulai 1hb Februari.

Pada tingkat eksport semasa sebanyak 270,000 tong sehari, pemotongan harga ini akan mengakibatkan suatu kejatuhan dalam pendapatan eksport-minyak sebanyak \$1.3 ribu juta bagi tahun ini.

Ianya akan juga mengurangkan pendapatan dari loji gas asli cecair (LNG) di Bintulu, yang telah memulakan pengeluaran pada hujung Januari sebanyak M\$80 juta (anggaran) kerana harga-harga LNG terikat kepada harga-harga minyak mentah.

Hasil kerajaan persekutuan mungkin juga akan dikurangkan sebanyak hampir M\$400 juta.

Bank Negara juga memberi amaran bahawa pemulihan

yang dijangkakan dalam ekonomi mungkin akan memengaruhi kerajaan dari dasar mengurangkan perbelanjaannya.

Kerajaan bercadang memotong kekurangannya tahun ini kepada M\$8.48 ribu juta melalui peningkatan dalam hasil daripada cukai tak langsung dan pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan.

Kekurangan ini, kata Bank Negara, akan dibiayai melalui peminjaman dalam dan luar negeri yang sederhana serta pengurangan dalam harta kerajaan yang boleh ditunaikan.

Bagi tahun ini, Malaysia telah mendapat pinjaman sebanyak AS\$550 juta, yang telah diselaraskan oleh Bank Bumiputra dan Citicorp.

Dalam jangkamasa panjang, menambah Bank Negara lagi, "lebih banyak perlu dibuat lagi mengawal keadaan fiskal secara menyeluruh apabila ekonomi berkembang."

Langkah-langkah mesti juga diambil bagi mengatasi apa yang digelarkan oleh Bank Negara sebagai kelemahan struktur di ekonomi Malaysia agar kemelesetan tidak akan berulang lagi.

Walaupun prestasi ekonomi dalam penghujung tempuh 1970an merupakan suatu punca kegembiraan, namun, kata Bank Negara, barang tradisional Malaysia selain dari minyak "tidak mempunyai dinamisme" untuk beberapa tahun, sedangkan asas sektor perkilangan masih terlampaui sempit dan terlalu bergantung kepada elektronik dan teknologi bagi pertumbuhannya.

Agar ekonomi Malaysia dapat terus maju dalam dekad lapan puluhan, suatu dekad di mana perdagangan dunia dan permintaan antarabangsa untuk barang dijangka akan bertambah secara sederhana saja.

Bank Negara telah mengesyorkan empat "jentera pertumbuhan tempatan" — sektor pembinaan, khasnya dalam perumahan harga rendah dan kilang kecil, perkilangan (sama ada berdasarkan sumber untuk eksport atau pemberorientasikan pengguna tempatan untuk penggantian import), pengeluaran makanan untuk penggunaan tempatan dan eksport, dan penanaman semula getah dan hutan. ●

# PERHUBUNGAN MALAYSIA— AMERIKA SYARIKAT: MALAYSIA TIDAK PATUT BERGANJAK

*Business Times* (BT) mendapati bahawa hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat telah diperbaiki setelah beberapa mesyuarat di Washington antara pegawai-pegawai kanan Amerika dan sebuah rombongan Malaysia yang melawat Amerika secara sulit pada bulan Mei lalu.

Rombongan itu yang ditubuhkan oleh sektor swasta dikatakan telah pergi ke Washington atas permintaan Dr. Mahathir Mohamad.

Pelombong-pelombong bijih timah yang pada masa lampau menyalahkan Amerika kerana menjual simpanan timahnya pun telah mengubah pendapat mereka, kata BT.

Pada 1981, 84 lombong telah berhenti operasinya dan hampir 7,000 orang kehilangan pekerjaan; akibat kemerosotan harga itu, terdapat juga kehilangan tukaran asing dan pendapatan kerajaan.

Dr. Mahathir pernah mengaku bahawa perhubungan antara kedua-dua negara itu tidak begitu baik. Beliau dikatakan benci sikap Amerika dan sikapnya tentang masalah-masalah negara membangun.

Dr. Mahathir merupakan pemimpin Asean tunggal yang masih belum melawat Amerika sungguhpun beliau itu telah berucap dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Golongan pro-Amerika pula mendakwa bahawa hubungan dengan Amerika itu tidak harus berdasarkan soal barang sahaja.

Pelaburan Amerika pun telah berkurangan kecuali dalam sektor tenaga.

Mengikut angka-angka MIDA, modal terbayar bagi pelabur-pelabur Amerika telah menurun dari \$165 juta pada akhir 1978 ke \$162 juta pada akhir 1980.

Secara perbandingan, aliran masuk modal dari Singapura, Britain, Jepun dan Hong Kong telah bertambah pada tempoh yang sama. Sekarang, Amerika hanya adalah sumber pelaburan yang kelima di Malaysia ●

## DUNIA KETIGA MENGUTUK AMERIKA SYARIKAT

Rombongan dari kebanyakan negara membangun mengutuk pendirian Amerika Syarikat terhadap Tabung Bersama untuk barang utama.

Sebahagian besar rombongan *Kumpulan 77*, yang mewakili Dunia Ketiga, itu mengharapkan bahawa Amerika akan melonggarkan pendiriannya terhadap pengesahan tabung tersebut.

Pengarah barang UNCTAD, Encik Alex Ashiabor memberitahu bahawa "Amerika tidak akan mengubah sikapnya. Banyak negara membangun tidak puas dengan sikap itu."

"Apakah patut Amerika Syarikat mendakwa bahawa ia tidak percaya kepada sekim kestabilan harga, sedangkan ia sendiri melakukannya dalam permagaan gandum?

"Kita dapat bahawa makin susah bagi Dunia Ketiga untuk berpegang teguh kepada jaminan-jaminan Amerika. Sebenarnya, kita tidak tahu apakah yang boleh diperolehi dari Amerika."

### Sikap Malaysia

Encik Ashiabor juga bercakap tentang kedudukan Malaysia. Dua tahun lalu, Malaysia menyokong

tabung itu sepenuhnya.

Malaysia telah menandatangani perjanjian untuk meneruskan tabung itu pada 30hb Disember 1980, tetapi sehingga kini, ia masih belum memberi pengesahannya terhadap perjanjian itu.

Encik Ashiabor menegaskan bahawa Malaysia harus memainkan peranan asalnya sebagai penyokong tabung itu dan tidak patut bermain mata dengan rombongan lain di sidang antarabangsa.

Sehingga kini, 97 buah negara lain telah menandatangani perjanjian untuk menujuhkan Tabung Bersama. ●

# CARA SISTEM PASARAN BERGERAK

ISHAK SHARI  
Profesor Madya,  
Fakulti Ekonomi,  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

## 3.1. Pengenalan

Dalam siri kedua-dua jenis pasaran telah diperincangkan — pasaran barang dan pasaran faktor — serta kaitan di antara dua pasaran itu dalam sistem pasaran. Dalam siri ini, kita akan mengkaji kegiatan-kegiatan dalam pasaran barang sahaja dengan lebih terperinci.

Sebenarnya, pasaran barang bukanlah satu perkara yang asing kepada semua orang. Hampir setiap hari para pengguna terlibat dalam pasaran sebagai pembeli dengan tujuan membeli berbagai jenis barang. Namun demikian, adalah wajar di peringkat ini untuk kita memahami dengan sepenuhnya kegiatan-kegiatan pasaran ini. Untuk mencapai objektif ini, kita akan mengkaji, antara lain:

- (a) Bagaimana harga-harga barang ditentukan melalui interaksi di antara permintaan dan penawaran individu-individu dan firma-firma, dan
- (b) Bagaimana harga-harga itu menjalankan tugas mengedarkan barang dalam seluruh sistem pasaran.

## 3.2 Keadaan Permintaan dan Penawaran

Telah banyak kali dinyatakan bahawa harga barang dalam sistem pasaran ditentukan oleh interaksi di antara permintaan dan penawaran. Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini? Untuk mendapat keterangan yang jelas mengenai kenyataan itu, adalah lebih baik jika kita mengkaji apa yang berlaku apabila seorang individu membeli dan menjual barang di pasaran.

Bila seseorang individu membeli belah, ada dua faktor yang akan menentukan sama ada ia akan membeli sesuatu barang ataupun tidak. Faktor pertama ialah kemahuan dan citarasanya. Jika barang yang dilihatnya di pasaran itu secocok dengan citarasanya, kemahuan itu untuk membeli barang tersebut adalah tinggi, walaupun kadangkala harga barang itu tinggi. Tetapi, jika barang tersebut tidak secocok dengan citarasanya, ia tidak akan membelinya walaupun harga barang itu rendah.

Walau bagaimanapun, citarasa dan kemahuan sahaja tidak mencukupi kerana tanpa faktor kedua, iaitu keupayaan untuk membeli, kemahuan untuk membeli barang yang dikehendakinya akan tinggal sebagai angangan sahaja. Sebaliknya, dengan adanya keupayaan membeli, iaitu wang yang cukup, kemahuan untuk

membeli barang yang disukainya akan tercapai.

Harus ditekankan di sini bahawa kemahuan dan keupayaan seorang individu untuk membeli sesuatu barang bergantung kepada harga barang itu. Malahan, jumlah yang akan dibelinya juga akan berubah mengikut perubahan harga.

Sebagai contoh, kalau seorang pekerja melihat sepasang kasut di sebuah kedai berharga \$100, ia bukan sahaja tidak mahu membeli, malahan tidak berupaya membeli kasut semahal itu. Tetapi, kalau harga kasut itu diturunkan kepada \$15 sepasang mungkin ia akan membeli sepasang. Seterusnya, jika harga kasut itu berharga \$7 sepasang, mungkin ia akan membeli dua pasang pula.

Keadaan yang sama juga berlaku apabila seorang penjual menjual barangnya. Berapa banyak barang yang akan dijual akan ditentukan juga oleh kemahuan dan keupayaannya untuk menjual pada harga-harga tertentu. Ramai penjual mungkin mahu menjual barang mereka pada harga-harga tertentu, tetapi tidak mempunyai keupayaan berbuat demikian oleh kerana beberapa sebab, seperti kekurangan kemahiran ataupun sumber pengeluarannya tidak mencukupi.

Penjual yang lain pula mungkin mempunyai keupayaan untuk menjual barang tersebut pada harga-harga tertentu, tetapi tidak mahu berbuat demikian mungkin kerana takut mengalami kerugian. Sekali lagi, harga menjadi faktor yang penting dalam membuat keputusan.

Sebagai contoh, kalau sepasang kasut berharga \$100 (manakala kos membuatnya hanyalah \$15), mungkin banyak firma (atau penjual) yang ingin mengeluarkan dan menjual kasut. Tetapi kalau harga sepasang kasut jatuh kepada \$18, kecenderungan firma untuk mengeluarkan dan menjual kasut itu akan berkurangan. Malahan, jika harga kasut itu jatuh kepada \$10, tiada firma yang mahu mengeluarkan dan menjual kasut.

Dari perbincangan di atas, kita dapat bahawa permintaan merujuk kemahuan dan keupayaan seseorang itu membeli sejumlah barang pada harga-harga tertentu sementara penawaran pula merujuk kepada kemahuan dan keupayaan seseorang penjual untuk menjual barang pada harga-harga tertentu juga. Oleh itu, permintaan dan panawaran adalah konsep yang menghubungi kegiatan pasaran (iaitu turun naiknya kuantiti barang yang dibeli dan dijual) dengan harga.

Untuk memudahkan lagi pemahaman tentang konsep permintaan dan penawaran ini, adalah baik jika kita mengambil satu contoh yang mudah. Andaikan satu pasaran di mana terdapat satu barang (katakan kasut), seorang pembeli dan seorang penjual. Permintaan terhadap kasut dan bilangan pasangan kasut yang ditawarkan oleh penjual adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Permintaan dan Penawaran Kasut

Harga	Kuantiti diminta (pasang kasut)	Kuantiti ditawar (pasang kasut)
\$40.00	1	11
\$30.00	4	9
\$20.00	7	7
\$10.00	10	5

Dari Jadual ini, kita dapat melihat bagaimana permintaan dan penawaran kasut berubah mengikut perubahan dalam harganya. Apabila kita melihat ruang kuantiti yang diminta, kita akan dapat bahawa apabila sepasang kasut berharga \$40, pembeli akan membeli sepasang kasut sahaja. Tetapi apabila harga kasut itu menjadi \$30, pembeli akan membeli 4 pasang dan seterusnya.

Apabila kita melihat ruang kuantiti yang ditawar pula, kita dapat melihat keadaan yang berlainan; kuantiti yang ditawar akan berkurangan dengan kejatuhan harga. Apabila harga sepasang kasut ialah \$40, penjual sanggup menjual sebanyak 11 pasang. Tetapi, apabila harganya jatuh kepada \$30, penjual hanya sanggup menjual

sebanyak 9 pasang sahaja dan seterusnya.


Keadaan yang dibincangkan dalam contoh mudah kita ini boleh juga dipersembahkan dalam bentuk gambarajah. Gambarajah 1a menunjukkan keadaan permintaan melalui kelok permintaan, manakala gambarajah 1b menunjukkan keadaan penawaran melalui kelok penawaran.

Rajah 1c pula menunjukkan keadaan pasaran kasut di mana kedua-dua kelok dipersembahkan secara bersama. Dari sini, agak mudah untuk kita menduga apa yang akan berlaku seterusnya. Oleh kerana kelok permintaan dan kelok penawaran mempunyai arah yang bertentangan, kita dapat menjangka bahawa satu *keseimbangan* di antara permintaan dan penawaran akan tercapai hasil dari interaksi kedua-dua kuasa tersebut.


Dalam contoh kita, keadaan keseimbangan antara permintaan dan penawaran kasut tercapai apabila sepasang kasut berharga \$20. Harga ini dipanggil harga keseimbangan. Pada harga ini, jumlah permintaan adalah sama dengan jumlah penawaran, iaitu 7 pasang kasut.

### 3.3 Permintaan Pasaran Individu dan Permintaan


Walaupun contoh kita – yang hanya melibatkan satu barang, seorang pembeli dan seorang penjual – tidak begitu realistik, namun ia dikatakan dapat menunjukkan intipati kepada proses yang berlaku di pasaran barang-barang dalam sebuah sistem pasaran. Untuk perbincangan selanjutnya kita harus pula merujuk kepada permintaan (dan penawaran) untuk satu-satu barang pada keseluruhannya, iaitu permintaan pasaran (dan penawaran pasaran). Selalunya, kemauuan dan keupayaan pembeli-pembeli di pasaran berbeza-beza.



Rajah 1.a. Kelok Permina



Rajah 1.b. Kelok Penawaran



Rajah 1.c. Keseimbangan pasaran

Sebagai contoh, lihat jadual 2, di mana kita mengandaikan sebuah ekonomi yang mengandungi tiga orang pembeli pula. Walaupun demikian, untuk mendapat kan permintaan pasaran terhadap satu-satu barang, kita hanya perlu mencampurkan kesemua permintaan pembeli itu pada harga-harga tertentu. (sebagaimana dilakukan dalam jadual 2 dan rajah 2).


Dengan menggunakan cara yang lebih kurang sama juga, kita boleh mendapatkan jumlah penawaran pasaran kasut pada harga-harga tertentu. Walaupun demikian, kita akan menangguhkan perbincangan mengenai aspek penawaran ini sehingga siri lain. Untuk meneruskan perbincangan, kita akan mengandaikan bahawa jumlah-

Jadual 2: Permintaan Pembeli Secara Individu dan Permintaan Pasaran


Harga sepasang kasut	Permintaan pembeli pertama (1)	Permintaan pembeli kedua (2)	Permintaan pembeli ketiga (3)	Permintaan kasut di pasaran (1+2+3)
\$40.00	1	0	2	3
\$30.00	4	2	6	12
\$20.00	7	5	9	21
\$10.00	10	8	12	30

jumlah kasut yang ditawarkan pada harga-harga tertentu di pasaran sudah diketahui.


Rajah 2: Kelok Permintaan Individu dan Pasaran




Kelok Permintaan Individu Pertama



Kelok Permintaan Individu Kedua



Kelok Permintaan Individu Ketiga



Kelok Permintaan Pasaran

### 3.4 Keseimbangan antara Permintaan dan Penawaran Pasaran

Jadual 3 dan Rajah 3 menunjukkan keadaan permintaan dan penawaran pasaran untuk kasut. Seperti perbincangan kita dalam kes individu di atas tadi, kita dapat melihat reaksi yang berlainan di antara pembeli (yang dicerminkan melalui kuasa permintaan) dan penjual (yang dibayangkan melalui kuasa penawaran).

Apabila harga kasut tinggi, kuantiti yang diminta berkurangan, manakala kuantiti yang ditawarkan pula meningkat. Sebaliknya, apabila harganya rendah, kuantiti yang diminta meningkat, manakala kuantiti yang ditawarkan berkurangan.


Untuk mengelak keadaan ini berterusan, penjual-penjual itu terpaksa merendahkan harga jualannya. Apabila harga jualan turun, permintaan untuk kasut akan bertambah. Katakan harga kasut itu diturunkan kepada \$30 sepasang. Pada harga ini, kuantiti yang diminta ialah 40,000, manakala penawarannya ialah 70,000. Dengan itu, jumlah lebihan berkurangan menjadi 30,000 (Dalam rajah 3, kuantiti di titik D tolak kuantiti di titik C).

Hanya pada harga \$25 sehelai sahaja, penjual-penjual akan mendapati ke semua kasut mereka habis dijual kerana di peringkat harga ini, jumlah permintaan adalah sama dengan jumlah penawaran.

Jadual 3: Permintaan dan Penawaran Pasaran

Harga	Kuantiti diminta ('000 yunit)	Kuantiti ditawarkan ('000 yunit)	Lebihan (+)/(-) ('000 yunit)
\$50.00	2	125	123
\$45.00	12	117	105
\$40.00	21	102	91
\$35.00	32	88	56
\$30.00	40	70	30
\$25.00	50	50	0
\$20.00	65	43	-22
\$15.00	74	28	-46
\$10.00	85	12	-73
\$ 5.00	100	0	-100

Rajah 3: Keseimbangan Permintaan dan Penawaran Pasaran



Tetapi apabila kita melihat Jadual 3 dan Rajah 3 secara keseluruhan, kita akan mendapatkan satu harga di mana kuantiti yang diminta adalah sama dengan kuantiti yang ditawarkan. Harga keseimbangan di pasaran ini ialah \$25 di mana kuantiti yang diminta adalah sama dengan kuantiti yang ditawarkan, iaitu 50,000 helai. Harga inilah yang terdapat di pasaran apabila orang membeli dan menjual kasut.

Bagaimakah harga keseimbangan ini ditentukan oleh interaksi antara permintaan dan penawaran? Untuk menjawab soalan ini, rujuk kembali kepada contoh kita di atas.

Katakan harga pasaran sepasang kasut ialah \$40. Pada harga ini bilangan pasangan kasut yang diminta hanya 21,000, manakala kuantiti yang ditawarkan ialah 102,000. Dalam keadaan ini, penjual akan mendapati sebanyak 91,000 pasang kasut tidak dapat dijual (Dalam rajah 3, kuantiti di titik B tolak kuantiti di titik A).

Proses yang sebaliknya pula akan berlaku apabila harga di pasaran adalah lebih rendah daripada harga keseimbangan. Cuba anda ramalkan apa yang akan berlaku apabila harga kasut di pasaran ialah \$10.00 sepasang.

### 3.5 Peranan Persaingan

Kita telah melihat bagaimana harga pasaran barang ditentukan oleh interaksi kuasa permintaan dan kuasa penawaran. Tetapi, di sini harus ditekankan bahawa penentuan harga seperti yang dibincangkan di atas hanya akan berlaku dalam keadaan pasaran persaingan sempurna. Sebuah pasaran dipanggil pasaran persaingan sempurna apabila syarat-syarat berikut terdapat:

- Pembeli dan penjual adalah ramai. Setiap pembeli atau penjual tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keadaan pasaran pada keseluruhannya secara persendirian.
- Terdapat kebebasan untuk keluar masuk di pasaran

iaitu pembeli dan penjual tidak dikenakan apa-apa sekatan untuk masuk kepasaran untuk membeli dan menjual. Mereka juga bebas meninggalkan pasaran apabila mereka mendapati yang mereka tidak mampu membeli, atau tidak mahu menjual di pasaran itu.

- c. barang yang dijual-beli adalah barang serupa atau sejenis;
- d. pembeli dan penjual mempunyai pengetahuan lengkap mengenai harga barang yang dijual-beli.

Tanpa persaingan, iaitu tanpa empat syarat yang disebutkan ini — di pasaran, penentuan harga tidak mungkin mengikuti proses yang telah dibincangkan semungkin mengikuti proses yang telah dibincangkan setakat ini.

Sebagai contoh, jika di sebuah pasaran, ada seorang atau sekumpulan penjual yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi harga, dan ada pula sekatan-sekatan yang menghalang penjual-penjual baru menyertai pasaran, harga tidak akan ditentukan oleh interaksi permintaan dan penawaran. Sebaliknya, ianya akan ditentukan oleh penjual atau penjual-penjual yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi harga pasaran.

Ini dengan jelas menunjukkan bahwa persaingan memainkan peranan penting dalam sistem pasaran. (Di samping pasaran persaingan sempurna, terdapat juga lain-lain sifat pasaran, seperti monopoli, oligopoli, monopsoni, oligopsoni dan lain-lain. Bentuk-bentuk pasaran yang lain ini akan dibincangkan dalam salah satu siri akan datang. Dalam siri ini dan beberapa siri yang akan datang, kita akan membuat andaian yang sifat pasaran yang wujud adalah pasaran persaingan sempurna.)

### 3.6 Harga dan Pembahagian Barang

Sebagaimana yang dinyatakan dalam siri awal dulu, dua andaian utama ekonomi moden ialah sumber-sumber ekonomi adalah terhad, manakala kemahanuan anggota masyarakat tidak terhad. Oleh itu, masyarakat terpaksa menentukan cara pembahagian barang untuk anggotanya, yang merupakan pengguna.

Dalam sistem pasaran, proses membahagikan barang-barangan ini ditentukan oleh harga. Oleh itu, setelah mengkaji bagaimana harga ditentukan dalam

sistem pasaran, sekarang kita akan mengkaji pula bagaimana harga membahagikan barang kepada pengguna dalam sistem pasaran. Kita akan melihat bagaimana harga menentukan siapakah yang dapat memperolehi sesuatu barang dan siapa pula yang tidak akan dapat barang tersebut.

Untuk perbincangan selanjutnya, andaikan satu pasaran barang '(katakan kasut lagi) yang mempunyai lapan orang pembeli di mana setiap pembeli hanya sanggup membeli satu unit barang tersebut (sepasang kasut), tetapi dengan keupayaan membeli yang berbeza-beza bergantung kepada harga. Andaikan keadaan dalam pasaran ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Dari jadual ini, kita dapat bahawa harga keseimbangan di pasaran ialah \$14. Di harga ini, terdapat 4 orang pembeli yang mahu dan berupaya membeli sepasang kasut setiap seorang dan 4 orang penjual yang sanggup dan berupaya menjual sepasang kasut setiap orang. Dengan penentuan harga ini di pasaran, sistem pasaran menentukan hanya 4 orang pembeli sahaja yang dapat membeli kasut, manakala 4 orang pembeli lagi tidak dapat berbuat demikian.

Pembeli-pembeli yang dapat membeli kasut itu terdiri daripada pembeli-pembeli yang sanggup dan berupaya membelinya dengan harga \$14 ke atas sahaja. Pembeli yang hanya sanggup membeli kasut itu kalau harganya kurang daripada \$14 sepasang tidak mendapatkaninya.

Di harga itu juga, hanya 4 orang penjual yang sanggup menjual barang mereka. Penjual-penjual ini terdiri daripada mereka yang sanggup dan berupaya menjual barang mereka, walaupun harganya \$14 sahaja. Penjual-penjual yang hanya sanggup menjual apabila harga kasut itu melebihi \$14 terpaksa keluar dari pasaran itu (4 orang kesemuanya).

Inilah caranya bagaimana sistem pasaran membahagikan barang kepada para pengguna. Cara pembahagian seperti ini ada kebaikannya dan ada juga keburukannya. Kebaikannya ialah:

- a. sistem ini boleh berjalan dengan sendirinya tanpa badan atau sistem pentadbiran untuk mengendalikannya.
- b. sistem ini membenarkan perubahan-perubahan berlaku di dalamnya. Sebagai contoh, kalau berlaku kekurangan dalam sesuatu barang, harga barang itu akan terus meningkat dan dengan itu, kuantiti yang diminta akan berkurangan. Harga akan terus meningkat sehingga keseimbangan yang baru antara permintaan dan penawaran dapat dicapai.

Salah satu keburukannya ialah sistem ini tidak dapat menyerap unsur-unsur nilai ke dalamnya. Sebagaimana yang ditunjukkan di atas tadi, hanya mereka yang mempunyai kuasa beli — iaitu wang — yang cukup sahajalah yang boleh memperolehi sesuatu barang di pasaran, manakala mereka yang miskin tidak mampu membeli kebanyakan barang dalam ekonomi itu.

Sistem pasaran tidak akan mempersoalkan sama ada keadaan ini baik atau tidak. Dengan itu, jika penduduk di sesebuah ekonomi diagih secara tidak samarata, di mana sebahagian besar rakyatnya miskin

Jadual 4

Harga kasut	Bilangan pembeli yang mahu dan berupaya membeli	Bilangan penjual yang mahu dan berupaya menjual
\$ 18	8	8
17	1	7
16	2	6
15	3	5
14	4	4
13	5	3
12	6	2
11	7	1
10	8	0

dan hanya sebilangan kecil sahaja yang kaya, sistem pasaran sudah tentu akan menafikan sebahagian besar daripada rakyat menikmati kebanyakan barang berkenaan.

Oleh kerana itulah, semakin banyak Kerajaan yang mengamalkan sistem pasaran terpaksa campurtangan dalam ekonomi mereka dengan tujuan untuk mempengaruhi agihan kebajikan di kalangan masyarakat.

### Bahan Untuk Perbincangan

#### A. Soalan-soalan yang memerlukan jawapan berbentuk esei.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan "harga keseimbangan", dan bagaimanakah harga keseimbangan ditentukan dalam pasaran persaingan sempurna?
2. "Sistem harga merupakan satu sistem pembahagian yang hanya menguntungkan mereka yang berada sahaja". Bincangkan.

#### B. Soalan objektif

Pilih satu jawapan yang paling sesuai untuk setiap soalan.

1. Syarat utama dalam pasaran persaingan sempurna ialah
  - a. tidak seorang pun daripada ramai penjual dan pembeli yang boleh mempengaruhi keadaan pasaran.
  - b. pengeluar mestilah mengeluarkan barang pertanian.
  - c. pengeluar-pengeluar mementingkan keuntungan sahaja.
  - d. setiap pengeluar tidak menghiraukan harga.
2. Jika seorang penjual cuba menjual barangnya dengan harga yang lebih tinggi daripada penjual-penjual lain yang menjual barang yang serupa, jualannya akan berkurangan kerana
  - a. penjual-penjual lain akan bertindak balas.
  - b. pembeli tahu bahawa barang yang dijual dengan harga mahal itu lebih baik.
  - c. hukum permintaan.
  - d. barang penjual-penjual lain adalah pengganti sempurna untuk barangnya.
3. Jadual berikut menunjukkan keadaan permintaan dan penawaran kamera

Harga	kuantiti diminta ('000)	kuantiti ditawarkan ('000)
\$600	14	44
\$500	21	41
\$400	28	38
\$300	35	35
\$200	42	32
\$100	49	29
	56	26

Harga dan kuantiti keseimbangan dalam contoh di atas ialah:

- A. \$300 dan 38,000 yunit.
- b. \$400 dan 35,000 yunit.
- c. \$300 dan 35,000 yunit.

#### 3.7 Rumusan

Siri ini telah menunjukkan dengan lebih terperinci bagaimana harga ditentukan dalam sistem pasaran sempurna, dan bagaimana pula harga-harga yang ditentukan itu membahagikan barang di kalangan pengguna. Dari perbincangan di atas juga, kita dalam sistem pasaran. Oleh kerana ini, kadangkala sistem pasaran dienaliti juga sebagai sistem harga. ●

- d. \$200 dan 42,000 yunit.
- e. \$400 dan 28,000 yunit.
4. Dari jadual dalam soalan 3, jika harga pasaran satu kamera ialah \$500, apakah yang akan berlaku di pasaran itu?
  - a. jumlah kamera diminta berlebihan sebanyak 20,000 yunit berbanding dengan jumlah yang ditawarkan.
  - b. jumlah kamera diminta berkurangan sebanyak 7,000 yunit berbanding dengan jumlah yang ditawarkan.
  - c. jumlah kamera yang ditawarkan berlebihan sebanyak 20,000 yunit berbanding dengan kuantiti yang diminta.
  - d. keseimbangan pasaran tercapai.
  - e. jumlah yang ditawarkan oleh penjual berkurangan sebanyak 20,000 yunit.
5. Harga keseimbangan tercapai apabila
  - a. berlaku kekurangan dan tidak ada lebihan.
  - b. kuantiti barang sama dengan harga.
  - c. tiada lebihan atau kurangan dalam pasaran.
  - d. kuantiti diminta dan ditawarkan tidak sama.
  - e. pasaran stabil.
6. Dalam sistem pasaran, harga memainkan peranan penting. Salah satu di antara kenyataan di bawah ini tidak merupakan peranan yang dimainkan oleh harga dalam sistem pasaran, iaitu
  - a. menentukan siapa yang mendapat barang dan siapa yang tidak.
  - b. menentukan siapakah yang akan menawarkan barang di pasaran.
  - c. membahagi-bahagikan barang kepada pengguna.
  - d. menentukan sama ada kerajaan harus campurtangan atau tidak dalam keputusan untuk mengeluarkan sesuatu barang.
7. Kelok permintaan pasaran didapati dengan
  - a. mencampuri kelok permintaan semua firma dalam pasaran.
  - b. mencampuri kelok permintaan sektor swasta dan sektor awam.
  - c. mencampuri kelok permintaan semua individu dalam pasaran.
  - d. mencampuri kelok permintaan Kerajaan dan pengguna.
8. Dalam gambarajah di atas, harga keseimbangan ialah
  - a. OP1
  - b. OP2
  - c. OP3
  - d. OQ0
  - e. OQ1

Jawapan Ada Di M.S. 34

# Dunia Ketiga dan Pembangunan

Prof. Madya H.M. Dahlan  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam perbincangan bulan lalu, kita tumpukan perhatian pada Dunia Ketiga. Khususnya, kita bincangkan tentang pengertian dan masalah Dunia Ketiga. Di antara perkara-perkara penting yang telah dibangkitkan ialah:

1. Dunia Ketiga boleh didapati di lingkungan sistem kapitalis, juga sistem sosialis.
2. Negara-negara Dunia Ketiga pada keseluruhannya adalah miskin dan mundur dari segi ekonomi,
3. Kemunduran ekonomi mereka adalah satu warisan penjajahan kuasa-kuasa Barat.
4. Ada satu kecenderungan bagi negara-negara ini untuk menjadi terlalu bergantung kepada negara-negara maju-industrial, terutamanya dari segi mendapatkan bantuan.
5. Dikatakan ada tiga kategori negara-negara Dunia Ketiga, iaitu
  - a. negara-negara yang telah menolah segala rupa penjajahan melalui pertumpahan darah atau revolusi untuk memulakan peralihan ke arah masyarakat yang adil dan saksama, biasanya — tetapi tidak semestinya — atas nama sosialisme
  - b. negara-negara yang kini telah memilih sistem ekonomi kapitalis, ataupun sistem ekonomi campuran, dan sekarang ujud sebagai negara-negara pinggiran atau negara-negara pelanggan, dan
  - c. negara-negara yang terkenal sebagai negara-negara *populist*, atau perantaraan (*intermediate*) yang memperjuangkan politik anti-imperialis dan berkecuali, tetapi mengelakkan perjuangan kelas walaupun menggunakan cogankata sosialisma.

Dalam perbincangan itu, juga telah ditegakkan bahawa satu-satunya masalah besar yang kini dihadapi oleh setengah negara Dunia Ketiga ialah mereka terlalu bergantung kepada bantuan dari negara-negara maju-industrial, terutama sekali, bantuan dalam bidang ekonomi. Mengapakah keadaan itu dikatakan satu masalah besar?

Negara-negara yang terlalu bergantung kepada negara-negara lain kurang mampu menyediakan diri sendiri menjadi berdikari dan benar-benar bebas dari campur-tangan kuasa-kuasa asing dalam hal ehwal dalam negeri dalam bidang politik dan sosial.

Satu Kertas Puteh yang disediakan oleh Kerajaan British beberapa tahun dulu, mengenai Pembangunan Luar Negeri menyatakan tujuan-tujuan bantuan luar negeri adalah seperti berikut:

“Untuk melakukan apa yang terdaya dalam kuasa kita bagi membantu negara-negara sedang membangun men-

yediakan penduduk-penduduknya dengan kesempatan-kesempatan material atau kebendaan untuk mereka mempergunakan kemahiran-kemahiran mereka, untuk mereka mencipta satu kehidupan yang penuh dan bahagia, dan memperbaiki nasib mereka.”

Falsafah mengenai pemberian bantuan ini kepada Dunia Ketiga oleh negara-negara maju-industrial masih sama kini, akan tetapi, bahasa yang begitu optimis telah kehilangan. Ini disebabkan tujuan-tujuan yang hendak dicapai melalui pemberian bantuan itu masih jauh lagi untuk tercapai.

Barangkali lebih tepat kalau dikatakan sudah ujud satu rasa kehampaan: usaha pembangunan dalam Dunia Ketiga adalah lebih sukar daripada yang dijangkakan — dan negara-negara dalam Dunia Ketiga sendiri mendapati usaha itu bukannya mudah.

Sekurang-kurangnya ada dua fenomena dalam Dunia Ketiga yang kini menarik perhatian seluruh dunia: pertamanya, pengangguran massa, dan *keduanya*, perpindahan massa ke bandar-raya dan bandar-bandar besar. Dan bagi kira-kira dua-pertiga dari jumlah manusia kini, matlamat untuk mencipta “suatu kehidupan yang penuh dan bahagia”

Serta lantas itu membaiki nasib mereka, masih menjadi impian semata-mata.

*Mengenai dua fenomena yang kini menimpa Dunia Ketiga: pertama, pengangguran massa, dan kedua, perpindahan massa ke bandar-raya dan bandar-bandar besar. Bagaimana masalah-masalah ini dapat dihubungkan dengan kegagalan rancangan-rancangan pembangunan dalam Dunia Ketiga?*





Mula-mula kita harus beri perhatian kepada kenyataan tentang ekonomi duaan (*dualist*) dalam negara-negara Dunia Ketiga. Dengan ekonomi duaan dimaksudkan bahawa dalam satu sistem atau negara, ada ujud dua pola kehidupan yang begitu berbeda, serta pula, antara satu dengan lain begitu terpisah sehingga tiap satunya merupakan dunia yang berasingan.

Dalam ekonomi duaan bagi satu-satu negara yang sedang membangun, lazimnya terdapat 15% daripada penduduknya di sektor moden, yang cuma terletak di beberapa buah bandar-bandar-raya atau bandar-bandar besar.

Yang baki 85% pula, terdapat di kawasan-kawasan luar-bandar dan di pekan-pekan kecil.

Dengan demikian, hakikat ekonomi duaan itu memperlihatkan operasi dua sistem ekonomi dan cara hidup yang berbeda dalam sebuah negara yang sama: satu sistem terdapat di sektor moden di kawasan bandar-raya atau bandar-bandar besar, dan satu sistem lagi di kawasan-kawasan luar-bandar.

Sebahagian besar, atau sejumlah besar daripada penduduk dalam negeri itu terdapat di kawasan-kawasan luar-bandar.

Kalau keutamaan mengikut perhitungan ekonomi, adalah lebih mudah menumpukan usaha pembangunan di kawasan-kawasan bandar kerana risikonya tidaklah sebegini besar kalau usaha yang serupa dijalankan di kawasan luarbandar.

Akan tetapi, kalau semua usaha pembangunan di curahkan di sektor bandar sahaja, tidakkah ini bererti 85% daripada jumlah penduduk akan diketepikan dari arus pembangunan itu?




Oleh demikian, usaha pembangunan yang begitu berat sebelah atau cenderung pada sektor bandar telah menimbulkan satu persoalan moral dalam pembangunan Dunia Ketiga.

Terdapat pandangan bahawa pembangunan tidak patut direncanakan semata-mata untuk tujuan-tujuan ekonomi; akan tetapi, adalah sama pentingnya difikirkan tentang pembangunan sosial, di mana pembangunan itu patut melibatkan pengorakan sosial secara menyeluruh tentang sistem masyarakat yang hendak dibangunkan.

Tumpuan pada pengorakan sosial secara menyeluruh adalah penting demi menyekat pembangunan yang cuma terpusat di sektor bandar sahaja, sedangkan sektor-sektor lain di kawasan luar-bandar terbiar.

Kalau penyekatan ini tidak dilakukan, maka tiba-lah suatu masa nanti apabila penduduk-penduduk di sektor mundur di kawasan-kawasan luar-bandar akan berhijrah ke bandar-bandar untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan, dan keadaan inilah telahpun berlaku, seperti disebutkan awal tadi, iaitu pengangguran massa, dan perpindahan massa ke bandar-raya dan bandar-bandar besar.

*Dapatkan kita buat satu kesimpulan iaitu: kalau kenyataan-kenyataan ekonomi duaan dalam negara sedang membangun tidak diambilkira secara sesungguh-sungguhnya, maka akan terus berlaku dua fenomena yang buruk akibatnya: pertama, pengangguran massa,*



*dan kedua, perpindahan massa ke bandar-raya dan bandar-bandar besar. Dan, lebih penting lagi, keadaan-keadaan ini akan berterusan menjadi buruk.*

Kesimpulan itu adalah tepat. Seorang ahli ekonomi, E.F. Schumacher, pernah memperkatakan bahawa: "...ekonomi duaan, kecuali ianya diatasi secara sedar, mengakibatkan apa yang saya katakan "proses saling-meracun", di mana pembangunan perindustrian yang berjaya di bandar-raya memusnahkan struktur ekonomi di kawasan pendalaman, dan kawasan pendalaman melepaskan dendamnya dengan cara perpindahan massa ke bandar-raya, meracuni mereka dan membikin mereka tak terkawal."

## Rumusan

Setakat ini, perkara-perkara yang berikut telah ditimbulkan:

1. Ujudnya ekonomi duaan dalam negara sedang membangun, atau di Dunia Ketiga amnya,
2. Ada kecenderungan bagi usaha-usaha pembangunan terpusat di bandar-bandar sahaja, iaitu di mana terletaknya sektor moden dalam negara-negara Dunia Ketiga.
3. Akibat dari pemusatan usaha-usaha pembangunan di sektor bandar, maka berterusan kemunduran di sektor luar-bandar, di mana terhimpunnya kira-kira 85% daripada jumlah penduduk Dunia Ketiga.
4. Dikatakan, sekiranya ekonomi duaan itu tidak diatasi dengan sesungguhnya, maka akan berterusan dua fenomena yang buruk akibatnya: iaitu pengangguran massa, dan perpindahan massa ke bandar-raya dan bandar-bandar besar.

*Adakah pendekatan lain yang pernah disyorkan bagi pembangunan dalam Dunia Ketiga?*

Mesti ditegakan bahawa negara-negara sedang membangun perlukan sektor moden, terutamanya pusat yang mengawal hubungan secara langsung dengan negara-negara maju.

Akan tetapi, apa yang perlu dipersoalkan ialah andaian secara tersirat bahawa sektor moden itu harus diperluaskan kerana perkembangan sektor itu akan dapat menyerap seluruh penduduk dalam semua segi kehidupan.

Sepatutnya, kita harus bertanyakan soalan-soalan seperti: apakah masalah-masalah genting yang kini dihadapi oleh negara-negara Dunia Ketiga? Di manakah letaknya masalah-masalah itu? Sejauhmanakah sektor luar-bandar keciran dari pembangunan sektor-sektor moden yang terdapat di kawasan bandar?

Memang tidak dapat dinafikan akan permustahaknya negara-negara ini meningkatkan usah untuk mengujudkan infrastruktur perindustrian; akan tetapi negara-



negara itu juga perlu memberikan keutamaan yang tinggi kepada permodenan pertanian dan kebaikan kehidupan luar-bandar kerana sejumlah besar dari penduduknya tinggal di kawasan luar-bandar.

Jadi, apa yang harus menjadi titik-mula dalam pertimbangan ialah kemiskinan, ataupun lebih tepat lagi, kadar kemiskinan. Tugas utama dalam pembangunan seharusnya adalah memahami kemiskinan itu.

*Dua perkara atau masalah besar yang kini dihadapi oleh Dunia Ketiga telah disebutkan: pertamanya, masalah meningkatkan proses pemodenan pertanian di kawasan luar-bandar, dan keduanya, usaha membaiki taraf hidup di luar-bandar. Juga saudara tegaskan bahawa titik-mula dalam semua pertimbangan seharusnya adalah kemiskinan, yakni memahami dan memastikan tekanan-tekanan dari kadar kemiskinan yang terdapat dalam negara-negara Dunia Ketiga.*

Yang mustahak dikira di sini bukannya semata-mata memahami kadar kemiskinan yang terdapat dalam negara-negara tersebut; lebih penting dari itu adalah usaha mempastikan persoalan pokok dalam pembangunan.

Persoalan pokok dalam pembangunan telah ditimbul-



kan. Saya kira, ada dua perkara yang telah dibangkitkan: pertama, perkara yang berkaitan dengan apa yang dikatakan falsafah pembangunan; dan keduanya, perkara yang berkaitan dengan konsep pembangunan itu sendiri.

Mengenai perkara yang pertama dulu i.e. falsafah pembangunan. Kalau kita berbalek kepada Kertas Puteh mengenai pemberian bantuan luar negeri oleh Kerajaan British yang dirujukkan awal-awal tadi, iaitu "Untuk melakukan apa yang terdaya dalam kuasa kita bagi membantu negara-negara sedang membangun menyediakan penduduk-penduduknya dengan kesempatan-kesempatan material atau kebendaan....", maka adalah jelas bahawa di sebalik tujuan pembangunan itu, terdapat suatu falsafah yang begitu menekankan kebendaan secara yang amat kasar sekali, dan falsafah inilah yang memberikan ilham paling kuat kepada usaha-usaha pembangunan seterusnya. Oleh yang demikian, usaha-usaha pembangunan mendapatkan gerakuasa yang terkuat sekali dari pertimbangan-pertimbangan ekonomik.

Apa yang harus disedari ialah faktor-faktor ekonomi sahaja tidak mengujudkan satu-satu sistem, walaupun sistem itu sistem ekonomi. Faktor-faktor lain yang bukan-ekonomik juga memainkan peranan yang sama pentingnya dalam mencorakkan bentuk terakhir sebuah sistem itu. Untuk menjelaskan lagi perkara ini, mari kita ambil kes kemiskinan.

Sebab-sebab kemiskinan ada yang bersifat kebendaan dan juga bukan-kebendaan. Faktor-faktor kebendaan, antara lainnya, mungkin kekurangan kekayaan semula-jadi, atau kurangnya modal atau kurang-lengkapnya infrastruktur, sementara faktor-faktor bukan kebendaan adalah kekurangan dalam pendidikan, organisasi, dan sosialisasi.

Sekarang saya cuba jelaskan perkara yang kedua, i.e. konsepsi pembangunan itu sendiri. Harus diingatkan bahawa pembangunan tidak bermula dengan benda-benda: ianya bermula dengan orang, i.e. manusia dengan latarbelakang pendidikannya, organisasinya, dan sosialisasinya, seperti yang telah dimungkinkan oleh sistem masyarakatnya.

Tanpa ketiga-ketiga perkara ini paling kurangnya, segala sumberjaya-sumberjaya yang ada akan menjadi potensi yang tidak dipergunakan sepenuhnya.



Apa yang lazim berlaku di Dunia Ketiga ialah sumber-jaya-sumberjaya ini dieksploitasi oleh modal dari luar-negeri, dan di situ tidak ada kawalan yang cukup atas cara bagaimana eksplotasi itu dijalankan.

Harus dinyatakan bahawa kemasukan modal dari luar, tanpa kawalan yang cukup, akan mengakibatkan kemasukan secara berleluasa institusi-institusi, organisasi dan teknologi, juga pegawai-pegawai dari luar. Kadangkalanya, buruh pun diimpot dari luar.


Pendekatan semacam ini kepada pembangunan tidak menguntungkan masyarakat tempatan, lebih-lebih lagi kalau usaha pembangunan itu terpusat pula di sektor ekonomi kawasan bandar.

Pembangunan semacam itu akan menangguhkan usaha-usaha untuk melengkapkan keperluan-keperluan pendidikan, organisasi, dan sosialisasi yang diperlukan oleh rakyat tempatan, terutamanya rakyat yang tinggal di kawasan luar-bandar.

Dengan lain-lain perkataan, kurangnya usaha untuk menyediakan rakyat tempatan dengan peranan-peranan yang mereka harus mainkan dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi mereka sendiri. Di sinilah, terletaknya persoalan pokok dalam pembangunan di Dunia Ketiga.

*Tadi saudara menyebutkan bahawa pembangunan harus bermula dengan manusia yang telah lengkap dari segi pendidikan, organisasi, dan sosialisasi, seperti yang dimungkinkan oleh sistem masyarakatnya. Kalau ini hendak berlaku dengan jayanya, proses perubahan itu adalah berlaku secara evolusi. Jadi, apakah saudara menyarankan bahawa proses pembangunan yang berkesan bagi Dunia Ketiga memerlukan proses evolusi?*

Ya, saya percaya itulah satu-satunya cara yang termungkin bagi Dunia Ketiga. Misalnya, pernah difikir-



kan bahawa pembangunan dapat ditingkatkan melalui pemindahan teknologi dari negara-negara maju ke negara-negara sedang membangun.

Tetapi, hasilnya bukan seperti diharapkan. Dalam hal ini, apa yang tidak disedari oleh kebanyakan orang ialah tiap-tiap teknologi itu bukannya benda semata-matanya: lebih dari itu, ianya mengandungi nilai pendidikan, organisasi, dan sosialisasinya yang tersendiri.

Jadi, penggunaan teknologi itu secara yang berkesan sudah tentunya memerlukan kefahaman pada nilai pendidikan, organisasi dan juga pendedahan kepada sosialisasi yang cukup, yang berkaitan dengan penciptaan dan penggunaan teknologi itu.

Tanpa mengetahui aspek-aspek bukan-kebendaan pada teknologi itu, pastinya negara yang mengimpor teknologi itu akan terus mengimpor; lantaran itu, terus bergantung pada institusi, organisasi — dan pegawai asing, untuk memberikan negara penerima itu segala yang berkurangan dalam menggunakan teknologi itu. Bak kata E.F. Schumacher, seorang ahli ekonomi: "Pendidikan tidak 'melompat'; ianya adalah satu proses yang *gradual*. Organisasi tidak 'melompat'; ianya mesti berkembang secara evolusi setara dengan keadaan sekitaran yang berubah."



Dan saya ingin tambah: demikian juga halnya dengan sosialisasi. Ketiga-tiga perkara ini, pendidikan, organisasi, dan sosialisasi, seharusnya berkembang secara evolusi, tahap demi tahap, dan tugas paling utama dalam pembangunan seharusnya adalah untuk mempercepatkan evolusi ini.

Lebih penting lagi, ketiga-tiga perkara bukan-kebendaan ini seharusnya menjadi hak bukan bagi segelintir manusia bertuah, yang biasanya hidup mewah di bandar-bandar atau di sektor moden; ianya semestinya menjadi hak semua rakyat dalam negara itu.



*Apakah pemikiran sekarang terhadap bantuan asing dalam pembangunan di Dunia Ketiga?*

Tentang perkara bantuan asing sebagai punca pembangunan di Dunia Ketiga, memang panjang perdebatannya, dan perdebatan itu masih lagi belum selesai.

Dalam hal ini, ada dua pandangan: satu pandangan menekankan bahawa bantuan asing itu adalah sangat perlu bagi pembangunan di Dunia Ketiga.

Pandangan yang satu lagi mendakwa bantuan asing itu cuma akan mengekalkan, lantas memburukkan lagi pergantungan Dunia Ketiga kepada negara-negara yang telah maju yang memberikan bantuan itu; lantaran itu, ianya akan meneruskan lagi keadaan kemunduran dalam negara-negara Dunia Ketiga.

Ini adalah satu-satunya persoalan pembangunan di Dunia Ketiga. Berhubung dengan hal ini, saya lebih menyokong pandangan yang menegaskan bahawa yang menjadi persoalan pokok di sini ialah pola pembahagian bantuan asing itu.

Misalnya, siapa yang menentukan pola pembahagian bantuan itu? Dalam penentuan itu, sejauhmanakah kepentingan negara penerima dilingungi melalui penyertaan negara penerima itu sendiri?

Ini bererti, sebanyak manakah peranan negara penerima dalam proses membuat keputusan mengenai bantuan itu? Pada pandangan saya, negara penerima harus memainkan peranan utama dalam proses membuat keputusan itu.

Akhir sekali, ingin saya menutup perbincangan ini dengan menegaskan bahawa adalah salah untuk mengandaikan: "Apa yang baik bagi yang kaya semestinya baik belaka bagi yang miskin."

Seperti yang telah ditegaskan, pembangunan seharusnya bermula dengan manusia; dari itu, ianya mesti mengambil kira tentang kebijakan manusia.

Mengapa demikian? Kerana manusia adalah sumber-jaya mereka diabaikan oleh pakar-pakar dan perancang-perancang pembangunan sama ada secara sedar atau tidak, maka manusia sendiri, tak kira apa darjatnya, harus bersedia menerima akibat apabila yang terbiar menuntut keadilan dalam cara yang cuma dilakukan oleh orang-orang yang terdesak dan tertindas.

# AL-FAUZ' UL-KABIR

Mohd. Affandi Hassan



Perbualan di kedai kopi kampung itu, biasanya, diakhiri dengan pertanyaan yang entah sudah berapa ratus, mungkin ribu, kali diulang-ulang:

“Bila Hilmi akan dilepaskan?”

Petang itu pun pertanyaan yang sudah menjadi tradisi dalam perbualan orang kampung itu terus ditanyakan.

“Sudah lama betul Hilmi dikurung,” keluh seorang.

“Lama. Lama betul. Entah dia tak kenal lagi anak bininya,” sela yang lain.

“Kenal. Baru-baru ini mereka pergi menemuinya di khemah tahanan.” kata yang lain.

“Apa kabar dia? Kau tak tanya isterinya?”

“Kata isterinya, dia kurus benar sekarang. Banyak berfikir dan sedikit tidur barangkali,” jiran itu menjelaskan.

“Apa salahnya dia dikurung lama-lama?” seorang mengulangkan pertanyaan yang sudah beratus dan beribu kali ditanyakan.

“Rahsia. Masih rahsia, kata isterinya. Tak boleh diberitahu kepada sesiapa pun. Tak siapa pun tahu. Hanya pihak yang berkuasa saja yang tahu,” jiran itu menjelaskan lagi.

Semua menggelengkan kepala mereka, kesian dan kesal kerana orang yang mereka anggap paling baik di kampung mereka kelakuan dan budi pekertinya, orang yang warak dan ahli agama pula, tiba-tiba menjalani hukuman begitu lama, di atas tuduhan rahsia yang tak dapat diberitahu kepada sesiapa pun.

“Aku sekarang sudah lima puluh tahun,” kata seorang memberitahu, sambil mengingat cerita-cerita lama. “Hilmi kawan sebayaku. Kami hampir sama tua, barangkali tua dia lebih sikit saja dariku. Aku ingat waktu dia masuk dulu, anak lelakinya, anaknya yang ketiga, baru berumur satu tahun. Sekarang budak itu sudah 16 tahun. Kakaknya sudah dewasa, 22 tahun. Cuba hitung, berapa lama Hilmi sudah tidak bersama anak-anaknya di rumah!”

Semua orang kampung di dalam kedai kopi itu diam berfikir, atau mengingat sesuatu.

“Bininya sungguh sabar,” tiba-tiba seorang bersuara.

Tidak ada yang memberi sambutan segera. Hanya seketika kemudian baru seorang bertanya:

“Siapakah perempuan itu? Anak siapa?”

Lalu mereka berbicara tentang ibu bapa isteri Hilmi.

“Patutlah sabar. Anak orang alim,” seorang menyimpulkan.

“Dia menangis bila Hilmi hendak ceraikan satu waktu dulu,” seorang memberitahu.

“Hilmi nak ceraikan? Mengapa?” seorang bertanya heran.

“Hilmi tidak mau isterinya menderita lama-lama. Dia mau isterinya kawin lain dan hidup bahagia. Hilmi tidak tau bila dia akan dilepaskan.”

Para penghuni kedai kopi itu diam mendengarkan maklumat itu, yang sebahagian dari mereka sudah tahu, tetapi bagi sebahagian yang lain masih samar-samar.

“Dia tidak patut buat begitu,” tiba-tiba isteri tuan kedai yang turut mendengar perbualan itu dalam kesibukan melayan, mencelah.

Semua mata tertumpu kepada perempuan yang sederhana itu.

"Mengapa tidak patut?" seorang lelaki bertanya.

"Bini yang setia mesti dihargai," kata perempuan itu. "Semua perempuan setia, jika dihargai."

"Tidak patut perempuan menanggung beban lelaki, mencari rezeki dan memelihara anak pinak," kata seorang seakan-akan membantah.

Tidak ada yang menyahut bantahan itu.

"Sekarang dua orang anak perempuan Hilmi sudah bekerja. Yang tua akan kawin tak lama lagi, aku dengar kabar. Jika berita itu betul, tentu Hilmi gembira akan dapat cucu. Moga-moga cucu lelaki, baik macam datuknya juga."

"Betul," celah isteri tuan kedai. "Hilmi akan dapat menantu yang baik. Ustaz lulusan Mesir. Pemuda itu sendiri yang pergi minta pada Hilmi."

"Mana kau tau?" serentak orang kampung bertanya. "Betul?"

Isteri tuan kedai tersenyum megah, kerana ternyata padanya dia seoranglah yang tahu kisah itu.

"Ini urusan orang perempuan," kata perempuan itu tersenyum. "Ustaz itu pergi minta terus pada Hilmi kerana dia sudah lama kenal Hilmi dan ingin jadi keluarganya."

Makin hairan orang kampung.

"Siapa pemuda itu? Anak siapa?" bertalu-talu mereka bertanya.

"Bukan orang sini."

"Bagaimana dia kenal Hilmi kalau bukan budak sini?"

"Dia baca buku Hilmi," jawab perempuan itu ringkas, lalu terus ke dalam membuat kerjanya.

Orang kampung yang belum mengerti sepenuhnya hanya mengangguk-anggukkan kepala. Kelihatannya mereka gembira mendengar berita itu, cuma rasa terbuku kerana tidak tahu siapakah bakal menantu Hilmi nanti. Bagaimana pun mereka senang hati, kerana yang akan jadi jiran baru mereka nanti seorang ustaz.

Bagi orang-orang kampung itu, Hilmilah pemimpin mereka, harapan mereka, bintang hidup mereka, pembela mereka. Dialah anak kampung itu yang mula-mula masuk universiti, dan lulus dengan cemerlang pula. Pengaruh dari pendidikan tingginya itulah yang membuat dia memilih jalan hidup yang amat aneh bagi orang kampungnya. Hilmi tidak bekerja dengan kerajaan, seperti kawan-kawannya. Dia bekerja sambilan sebagai penjual kain, penjual kitab Jawi, penjual barang-barang keperluan dapur, atau sebarang kerja tidak tetap yang sempat dibuatnya. Hidupnya amat sederhana, dengan keperluan yang amat sedikit. Dia banyak mengembara ke seluruh tanahair, tidak saja untuk menjual barang-jualannya, tetapi yang lebih penting untuk memperkenal dan menjual fikiran-fikirannya dan cita-cita perjuangannya. Di mana saja dia pergi, dia bertindak sebagai guru, mengajar rakyat erti keadilan dan bagaimana mencapai serta mempertahankannya. Dia menjadi penceramah negara yang tidak diberi gaji oleh sesiapa pun. Dia berbicara di mana saja ada kesempatan, memberitahu rakyat tentang tugas mereka untuk memilih pemimpin yang benar-benar jujur, ikhlas dan rendah

diri. Dalam kesibukan menjalankan tugas tidak resmi ituulah dia menulis dan menerbitkan buku. Tidak ada penulis dan penerbit buku yang paling murah menjual hasil karyanya daripada Hilmi. Malah dia mencetak buku-bukunya di atas kertas yang paling murah, supaya dapat dijual dengan harga yang sehabis murah, dan dapat dipunyai oleh semiskin-miskin rakyat.

Orang yang tidak mengenalnya menganggapnya sebagai seorang kampung biasa yang buta huruf, jika dilihat dari pakaiannya. Tetapi orang kampungnya yang tahu kepandaianya, merasa sangat takjub melihat gaya hidupnya yang aneh itu, seolah-olah telah menyanyikan segala kelulusan tingginya, membuat kerja-kerja yang boleh dibuat oleh orang-orang buta huruf saja.

"Saya ingin menjadi jurubicara rakyat yang berpengetahuan, jika pun tidak yang lebih berpengetahuan dari orang lain," Hilmi memberitahu orang kampung satu ketika dulu. "Rakyat perlu jurubicara mereka yang hidup seperti mereka, merasa seperti mereka, berfikir seperti mereka, tetapi bijak mengucapkan segala perasaan dan kehendak mereka dalam bahasa yang boleh mereka mengerti dan dihormati oleh musuh-musuh mereka."

Sejak itu orang-orang kampung menerima kehadirannya dengan rasa bangga dan hormat serta sayang. Mereka tidak merasa aneh lagi bila melihat Hilmi dalam keadaannya, malah mereka berharap akan ada anak cucu mereka menjadi seperti Hilmi.

Mulalah Hilmi menjadi orang yang berpengaruh. Namanya sering disebut dengan penuh hormat di mana saja ada perhimpunan rakyat, membicarkan fikiran dan pandangan jurubicara mereka yang terpelajar tetapi merendah diri itu. Kerana Hilmi suka bercerita, maka rakyat yang pernah mengenalnya gemar sekali mendengar cerita dan bercerita. Mereka berminat kembali mendengar kisah Dewa Muda, setelah dihurai dengan menarik oleh Hilmi. Mereka mula faham mengapa dicipta wau bulan, dalam bentuknya yang aneh itu.

"Itulah negara tuan-tuan, wau bulan itu," kata Hilmi dalam setiap ceramahnya. "Itulah Nusantara. Itulah cita-cita politik Raja Ahmad, si Dewa Muda itu. Dia berjuang untuk menegakkan sebuah Nusantara Islam yang sama besarnya dengan empayar Roma, India, China. Wau bulan .... itulah cita-cita politik nenek moyang kita dulu. Sebuah negara Islam Nusantara...."

Bingung orang kampung mendengar kisah itu, sebab bagi kebanyakan mereka Dewa Muda hanyalah cerita dongeng belaka, dilakukan di dalam Mak Yong atau permainan peteri. Tidak ada orang kampung yang tahu kisah sebenar Dewa Muda, yang bernama Raja Ahmad itu.

"Nenek moyang kita menjadikan perjuangan Raja Ahmad ini cerita Mak Yong dan permainan, untuk menghidupkan cita-cita politiknya, perjuangannya. Tetapi tuan-tuan tidak membaca sejarah lagi, tidak mengenal sejarah yang sebenarnya. Wau bulan yang mendengungkan busurnya yang merdu itu sedang memanggil kita semua untuk melanjutkan satu perjuangan yang hebat

dan agung. Nusantara, negara kita, bersempadan dengan China, meliputi Kemboja dan daerah sekitarnya, melampaui pesisir Afrika. Luas. Hebat. Itulah mimpi nenek moyang kita dulu. Yang tinggal hanya wau bulan, dan kisah Dewa Muda. Fahamilah wau bulan itu, dan kisah Dewa Muda.....”

Pada mulanya orang menganggap Hilmi sudah tidak siuman lagi, mempercayai kisah dongeng sebagai satu kejadian sejarah. Tetapi akhirnya mereka jadi yakin, apabila Hilmi terus menerus menghuraikan erti tradisi nenek moyang bangsanya yang tidak difahami lagi oleh kebanyakan orang, yang diajarkan oleh sarjana-sarjana baru sebagai dongeng belaka kerana mereka pun tidak mengerti juga, tidak dapat memahami tradisi bangsa sendiri.

---

“Karut. Bodoh. Tolol. Gila,” tengking para anggota LEMPANG. “Siapa suruh awak buka cerita karut ini pada rakyat? Anasir mana? Berapa banyak upah awak dapat?”

---

Tiba-tiba wau bulan menjadi lambang satu perjuangan, dan Dewa Muda menjadi pahlawannya. Tiba-tiba orang tidak bermain wau bulan untuk hiburan semata-mata, tetapi untuk menyuarakan satu perjuangan besar yang sekian lama ditenggelamkan oleh para pemimpin yang timbul kemudian yang tidak pernah memahami sejarah bangsa sendiri.

Mereka mengadakan perhimpunan besar di sawah padi yang baru saja dituai padinya. Beribu-ribu orang kampung keluar anak beranak melihat temasya orang menaikkan wau bulan raksasa. Beratus-ratus wau bulan yang besar-besar berlenggar dengan gagah di angkasa, melenggang dengan megah sambil mengaumkan bunyi busur yang kuat lantang. Tiga hari Hilmi menceritakan kisah perjuangan Dewa Muda. Tiga hari beratus-ratus wau bulan melaungkan perjuangan Dewa Muda. Tiga hari rakyat membangkitkan semangat perjuangan yang hampir luput itu:

“Nusantara, Negara Kami.”

“Nusantara Islam Perjuangan Kami.”

“Ya Allah, Berkati Perjuangan Kami.”

Kemudian hiduplah kembali cerita-cerita Dewa Muda dalam bentuknya yang asal, sebagai seorang pejuang Islam yang gigih, yang bernama Raja Ahmad berasal dari Kemboja, yang cita-citanya hendak menegakkan sebuah empayar Islam di sebelah Timur, mengimbangi empayar Islam di sebelah Barat.

Pada waktu rakyat mula faham cerita dongeng mereka, Hilmi pun ditangkap.

Hilmi diberi satu senarai kesalahan yang lengkap, yang tak pernah dilakukannya. Dia disuruh mengaku salah. Hilmi dihadapkan kepada LEMPANG (Lembaga Penyoal Orang-Orang Tahanan).

“Awak sudah gilakah, percayakan cerita dongeng dan suruh rakyat percaya pula,” kata LEMPANG.

Hilmi tersenyum.

“Cerita itu bukan dongeng, tuan-tuan. Hanya kita

tidak faham saja masa ini kerana puncanya disembunyikan,” kata Hilmi dengan nada suara yang yakin dan tegas.

“Karut. Bodoh. Tolol. Gila,” tengking para anggota LEMPANG. “Siapa suruh awak buka cerita karut ini pada rakyat? Anasir mana? Berapa banyak upah awak dapat?”

Hilmi membisu.

“Awak mengaku salah atau tidak? Sudah baca senarai itu?”

“Bagaimana saya akan mengaku salah, kerana saya tidak bersalah,” jawab Hilmi berani.

LEMPANG jadi marah, lalu menyemburkan maki hamun selama kira-kira lima minit.

Hilmi duduk tenang, mendengar segala maki hamun itu kerana tidak ada pilihan lain lagi.

“Kalau kamu tidak mengaku salah, kamu akan ditahan hingga reput di sini,” LEMPANG I memberi amaran, sambil meludah ke muka Hilmi.

Hilmi terperanjat sekali menerima ludahan itu, kerana tidak disangkanya samasekali hal itu masih boleh terjadi dalam sebuah negara yang mendokong adab dan adat yang sopan. Dalam keadaan tak berdaya hendak melawan itulah dia berdoa kepada Tuhan supaya tidak ada anak buahnya, kaum keluarganya, dan orang kampungnya, yang menganggotai LEMPANG kemudian hari. Terlalu hina pekerjaan yang mereka lakukan, hingga tidak sudi dia meletakkannya di bawah kelakuan syaitan atau binatang sekalipun.

Hilmi yang belum ada pengalaman, berkata berani:

“Saudara-saudara harus mempunyai harga diri sebagai anggota LEMPANG yang berkuasa. Saudara sekarang berdepan dengan orang yang tidak diberi hak apa-apa pun juga, termasuk hak mempertahankan diri dan maruah. Hendaknya saudara tidak merendahkan kedudukan saudara begitu rupa dengan ludahan air liur yang di dalam mulut menjadi bersih, tetapi menjadi amat kotor apabila diludahkan keluar. Bukan air liur itu yang kotor, tetapi orang yang meludahkannya.”

Plaap! Jatuh lagi ludahan baru ke muka Hilmi.

“Kami bosan mendengar falsafah,” tengking LEMPANG II. “Kami tak jadi bijaksana dengan falsafah pengkhianat sepertimu. Tui!”

“Kebijaksanaan hanya didapat oleh orang yang bersedia dan sanggup menerimanya, tidak yang mencemuhnya,” kata Hilmi tenang. “Falsafah tidak pernah ditujukan kepada binatang atau syaitan, tetapi hanya kepada orang-orang beradab saja.”

Sindiran Hilmi yang tajam itu membuat anggota LEMPANG bertambah marah.

“Yang layak memberi ajaran bukanlah pengkhianat negara seperti kamu,” tengking mereka. “Kamu adalah kotoran masyarakat yang menggunakan kebodohan rakyat untuk kepentingan jahat kamu sendiri. Jangan cuba mengajar kami. Kami tidak menerima ajaran dari orang-orang biadab.”

Hilmi segera insaf betapa sia-sianya berbahas dengan para anggota LEMPANG yang diberi kuasa penuh untuk menghina dan menyiksa orang-orang tahanan sepertinya. Dia sedar tingkat pelajaran yang tinggi

para anggota LEMPANG itu; tetapi dia terharu bila mengingat akan bertapa *sophisticatednya* latihan untuk menjadi binatang dalam zaman moden ini, hingga untuk menjadi manusia yang biadab dan tidak sopan, orang perlu ke universiti dan pusat-pusat latihan khas, belajar dengan pakar-pakar dan mahaguru dan membaca buku-buku besar. Itulah yang telah dilakukan oleh anggota LEMPANG, menurut perhitungan Hilmi dari pengalamannya.

Hilmi diberi bilik kecil, semuat-muat badannya saja, dengan tinggi tak lebih dari tiga kaki.

Tiga bulan dia tidak diberi lampu. Dia mendapat cahaya dari kurnia Tuhan semata, dari matahari yang sentiasa ditunggu terbitnya setiap pagi. Tetapi penungguan itu sia-sia belaka, kerana cahaya matahari pun tidak diberikan kepadanya. Selama tiga bulan permulaan itu, dia diberi air sekendi kecil satu hari, untuk keperluan biasa seorang manusia.

Hilmi dinapikan segala yang perlu ada pada seorang manusia. Bila dia meminta supaya diberi bekalan air lebih sedikit untuk keperluannya mengambil wuduk, bekalannya dikurangkan lagi. Tiga empat hari dia disoal tidak putus-putus, hingga tertidur lesu di atas kerusi di depan LEMPANG — untuk jaga menghadapi soalan lagi.



Tetapi selepas enam bulan, layanan yang diterimanya bertambah baik. Air sudah cukup untuk keperluan mengambil wuduk dan mengerjakan taharah. Dia dibenarkan mendapat cahaya matahari dua jam sehari, tetapi api terus dinapikan. Biliknya tetap yang kecil dan rendah itu. Tetapi kali ini tiba pula gangguan baru yang lebih dahsyat: bunyi bising yang memekakan, dengan sinaran lampu di tengah sunyi malam waktu dia sedang nyanyak tidur. Hampir pecah gendang telinganya mendengar bunyi bising dengan maki hamun yang garang dan kejam, diikuti suara nyaring meninggi dengan hilai ketawa atau jeritan ketakutan. Dua kali dia jatuh pengsan menerima gangguan itu, kerana gendang telinganya hampir-hampir pecah. Dia sedar untuk mendapati dirinya diletakkan di atas ketul air batu, telanjang bulat.

Selepas mengalami penyiksaan itu Hilmi insaf bahawa pendengarannya menjadi semakin tumpul. Soalan-soalan dari anggota LEMPANG dirasanya semakin sayup. Jauh dibawa angin, perlahan seperti bisikan, samar bagi desir angin di daunan yang tak dapat ditafsir buah butirnya. Dia belum pekak betul, tetapi disedarinya pendengarannya sudah rusak.

“Tuan mau mengaku untuk mendapat layanan baik, atau terus degil dan diberi layanan buruk hingga mengaku,” pelawa anggota LEMPANG. “Jangan jadi bodoh, degil tak bersebab, menyiksa diri sendiri.”

Hilmi memandang tepat satu persatu ke lima-lima orang anggota LEMPANG di hadapannya. Mereka selalu bertukar ganti, sebab tidak mungkin orang yang sama ingin melalui bersama penyiksaan yang dikenakan ke atasnya. Orang-orang gagah itu pun tahu penat, fikir Hilmi.

Pertanyaan amaran yang berupa pelawaan itu di-dengarnya sayup-sayup, tetapi jelas, mungkin sudah menjadi refleks kepadanya kerana pelawaan serupa itu sudah beribu kali memulai soal jawab yang lama antaranya dengan anggota-anggota LEMPANG.

“Mengaku? Mau buat pengakuan?” desak anggota LEMPANG.

“Saya mengaku tidak bersalah dan tidak melakukan apa yang saudara-saudara tujuhan kepada saya,” jawab Hilmi tegas, jawapan yang sudah diulangnya entah berapa puluh kali.

“Degil. Jadi kamu terus degil, tidak mau menyelesaikan masalah kamu sendiri. Baiklah, jika kamu terus degil. Kita lihat nanti siapa yang lebih degil antara kamu dengan kami.”

Hilmi dibawa pengawal, dimasukkan ke dalam satu tong kecil bulat, lalu digulingkan menurun bukit kecil, ditarik lagi dengan alat yang memakai mesin. Kemudian digulingkan lagi. Hilmi ingin menjerit, meledakkan kemarahannya. Tetapi tidak ada gunanya, kerana dia yakin kemarahannya itu akan menikam dirinya lebih dahsyat lagi. Sia-sia meluahkan kemarahan kepada orang yang tidak tahu erti marah. Jadi dia terus diam, memejamkan matanya, membiarkan saja diguling berpuluhan kali turun naik. Bila dia dikeluarkan dari tong itu, dia sudah tidak sedarkan dirinya.

Kemudiannya semua yang dilihatnya berpusing-

pusing belaka. Segala-galanya tidak tetap lagi. Semuanya berpusing, bergerak pantas dalam bulatan yang tak putus-putus. Hilmi terhuyung hanyang tiga empat hari, kerana gangguan pertimbangan deria otaknya.

"Mengaku dan selesaikan penderitaan bodoh yang tak perlu ini," desak anggota LEMPANG.

Hilmi membisu. Dia belum pulih betul lagi.

"Jika kamu mengaku, kami akan bebaskan kamu hari ini juga. Kami sudah sediakan ucapan pengakuan kamu lama dulu. Kami juga sudah sediakan keperluan rakaman radio dan tv. Kamu mengaku sekarang?"

Apakah erti kebebasan sebenarnya? Tanya Hilmi dalam hati. Jika kebebasan itu hanya keluar dari bilik kecil, sedangkan segala-galanya ditentukan garis dan batasannya, maka adanya aku dalam bilik kecil tidak bererti aku tidak bebas, kerana ini membuat aku makin insaf kepada kekuasaan dan kebesaran Tuhan, semakin yakin kepada keadilan dan sifat Rahman dan Rahim Nya. Itulah kebebasan yang hakiki, yang mungkin tidak didapat di dunia luar yang lapang luas tetapi penuh pancaroba itu. Yang tidak ada padaku sekarang bukan kebebasan, tetapi hanya ruang yang cukup untuk bergerak dalam jarak yang agak jauh dan luas lingkungannya. Hanya gerakan, *movement*, itulah yang disebut orang sebagai kebebasan selama ini, padahal itu bukan kebebasan yang hakiki. Kebebasan begitu diikat oleh syaitan, cuma manusia saja tidak sedar. Aku telah bebas, aku kira, kerana aku sudah betul-betul yakin, tidak ada syak lagi, bahawa yang kualami sekarang hanyalah sebahagian daripada cubaan-cubaan yang menguji kekuatan imanku. Jika aku tewas dalam cubaan kecil ini, maka aku akan terkurung selama-lamanya dalam neraka dan kutukan. Tidak ada yang bebas di sana. Itulah kutukan yang sebenarnya. Itulah kehilangan kebebasan yang hakiki.

Hilmi mendongak kepada anggota LEMPANG. Tersenyum. Anggota-anggota itu juga turut tersenyum, kerana sangka mereka Hilmi sudah mengambil keputusan dalam menungan yang lama itu untuk mengaku salah dan minta dibebaskan.

"Saya sudah bebas, saudara-saudara," kata Hilmi tenang dan perlahan. "Janganlah bicara pasal kebebasan lagi. Saya sudah bebas. Hatiku sudah yakin seyakin-yakinnya, tidak goncang lagi, kepada kekuasaan Tuhan yang mencipta saudara-saudara dan aku. Jika kebebasan yang saudara-saudara maksudkan itu ialah keluar dari bilik kecil dan khemah tahanan ini, saya tolak kebebasan itu, kerana tidak ada ertinya samasekali bagi saya. Saya sudah bebas kerana yang kuingat sekarang hanyalah kekerdilan kewujudanku dan kebesaran serta keagungan Allah subhanahu wa ta'ala yang berhak dan boleh melakukan apa saja mengikut kehendak Nya. Saya terima semua ini dengan rela. Saya maafkan saudara-saudara, di sini dan di tempat yang kekal nanti. Apakah yang lebih besar dari pengakuan: Tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan Nabi Muhammad itu rasul Allah? Ambillah keputusan berdasarkan pengakuan itu, jika saudara-saudara benar-benar menghargai kebebasan dan keredhaan. Itulah pengakuanku yang saudara-saudara minta. Jangan di-

minta lagi pengakuan yang lain dari itu. Aku tidak akan memberinya, kerana aku tidak mau mengaku selain dari pengakuan yang satu itu. Seluruh perjuanganku selama ini pun untuk menyempurnakan pengakuan itu-lah saja. Tak lebih, tak kurang. Perjuangan ini akan kuteruskan, dan akan kuwariskan kepada orang-orang selepasku. Kemenangan yang sebenar, kemenangan yang besar, tidak ditentukan manusia. Kemenangan yang besar itu kepunyaan Allah yang Maha Esa. Dan tempatnya bukan di sini."

Mulut Hilmi kumat kamit, membaca sesuatu yang tidak didengar oleh anggota-anggota LEMPANG. Sekarang sudah jelas kepada mereka bahawa Hilmi sudah gila. Dari satu segi, mereka bangga kerana sudah berjaya memecahkan satu peribadi yang kuat. Tetapi dari segi yang lain, dari segi mendapatkan maklumat yang mereka yakin Hilmi memang mempunyainya, mereka merasa rugi besar. Perisyiharan yang dibuat Hilmi dirasa mereka akan menutup terus segala kemungkinan untuk mendapatkan maklumat itu.

Tiga empat minggu juga Hilmi tidak diganggu lagi, hingga dia dibawa menemui LEMPONG (Lembaga Penapis Orang Tahanan). Anggota-anggota LEMPONG nampaknya lebih siuman. Cakap mereka agak lembut dan memujuk. Tidak ada kekerasan digunakan, tetapi masih tetap penuh dengan amaran dan ugutan.

"Sia-sia saja perjuangan Encik Hilmi ini," kata para anggota LEMPONG. "Apa faedahnya membangkitkan cerita dongeng lama yang karut itu? Mana ada Dewa Muda dalam sejarah? Karut. Cerita khayal pemain Mak Yong saja. Mana ada Raja Ahmad? Pelik kami fikirkan bagaimana Encik Hilmi boleh sangkutkan per-

---

Wan bulan yang sejak beberapa lama jadi permainan kegemaran rakyat, tiba-tiba Encik Hilmi kata manifestasi politik nenek moyang. Mana logiknya?

---

mainan wau bulan dengan perjuangan politik. Wau bulan yang sejak beberapa lama jadi permainan kegemaran rakyat, tiba-tiba Encik Hilmi kata manifestasi politik nenek moyang. Mana logiknya? Inilah yang mengelirukan rakyat. Encik Hilmi bukan tak tau, hampir terjadi perkelahian besar kerana wau bulan. Tidakkah gila menyuruh rakyat beratus-ratus, beribu-ribu, menaikkan wau bulan besar-besar, kononnya nak tunjukkan semangat perjuangan asli sudah hidup semula? Kami dukacita sekali Encik Hilmi menggunakan kebijaksanaan dan kepintaran Encik Hilmi untuk menyesatkan rakyat. Bertobatlah. Mengaku salah. Selesaikan perjuangan sia-sia ini dengan menarik balik segala buah fikiran karut Encik Hilmi."

Hilmi tersenyum tawar. Terasa betapa malasnya bercakap, dan lebih malas lagi mendengar ucapan-ucapan seumpama itu.

"Encik Hilmi akan membawa kuasa luar menguasai negara ini dengan fikiran karut ini," kata anggota LEMPONG seterusnya bila melihat Hilmi membisu saja. "Dengan meluaskan sempadan negara Islam Nusan-

tara Encik Hilmi hingga ke negeri China, Encik Hilmi telah menarik minat Russia untuk memperalatkan pemikiran politik yang karut itu. Inilah yang jadi bahaya kepada negara kita. Kami beri jawatan penting kepada Encik Hilmi jika Encik Hilmi tarik balik fikiran karut itu, mengaku salah dan bertobat. Bagaimana?"

Anggota-anggota LEMPONG merenung Hilmi seketika, menunggu reaksi kepada cadangan itu. Hilmi terus tersenyum. Seketika kemudian dia berkata.

"Terima kasih atas ingatan tuan-tuan," kata Hilmi seolah-olah menyindir. "Saya tidak perlu apa-apa jawatan dari tuan-tuan dan wakil tuan-tuan atau pihak yang tuan wakili. Berilah kepada yang inginkan jawatan. Tentu masih ramai. Saya juga tidak perlu menapikan apa yang tuan-tuan tuduhkan kepada saya, kerana selain dari saya telah menapikannya seribu kali sebelumnya, tuduhan-tuduhan itu hanya cerita lama yang diulang-ulang kepada semua orang tahanan yang berlainan. Saya tidak perlu pengesahan tuan-tuan untuk menegakkan kebenaran pendapat dan perjuangan saya. Tuan boleh menangkap dan menyiksa sesiapa juga yang tuan mau, tetapi tak mungkin dapat mengalahkan pemikirannya. Tak ada sesiapa pun yang dapat mengalahkan satu pemikiran, lebih-lebih lagi jika pemikiran itu berasaskan kebenaran sejarah. Manusia boleh hancur dan dikalahkan, tetapi tidak pemikirannya. Gunung boleh diruntuhkan, malah boleh digali dan dijadikan tasik. Tetapi orang yang pernah tahu bahwa sebuah gunung tinggi pernah berdiri gagah di situ, akan tetap berkata: Di sini pernah berdiri sebuah gunung. Jika dia merasa gunung itu harus ditegakkan lagi di situ, kerana sebab-sebab tertentu, maka dia boleh melakukannya. Mungkin akan diikuti orang lain. Jika sejuta orang telah menimbus tasik buatan itu, untuk mengembalikan gunung yang asal, maka siapa dapat menahannya? Hanya Tuhan Yang Maha Kuasa saja yang berkuasa menentukan sesuatu. Itulah keyakinan saya. Sebab itu saya akan meneruskan perjuangan saya, walau hanya dalam dongeng, seperti yang telah terjadi kepada Dewa Muda."

Hilmi terhenti sejenak, seakan-akan dipengaruhi semangat Dewa Muda. Dia kelihatan terharu; sementara anggota-anggota LEMPONG nampaknya terpesona juga dengan huraian Hilmi yang dilakukan begitu bersungguh-sungguh dan yakin.

"Sultan Zainal Abidin itu ada, dan Siti Zubaidah itu pernah wujud," Hilmi meneruskan. "Mereka adalah pejuang. Mereka bukan tokoh dongeng, walaupun kisahnya kita baca dalam *Syair Siti Zubaidah dan Perang China*. Syair itulah warisan politik nenek moyang kita. Perlu kita baca kembali, perlu kita fahami kembali. Bangsa yang besar dan bermaruah tidak harus takut kepada sejarahnya. Hanya pengkhianat saja yang takutkan sejarah. Mengapa tuan dan penaung tuan-tuan takutkan sejarah? Nusantara adalah negara kita. Nusantara akan lahir bila tiba waktunya. Itulah penyelesaian politik kita. Nusantara yang Islam. Nusantara yang diredhai Allah. Itulah perjuangan saya, dan bangsa saya yang insaf. Tidakkah tuan mau ikut serta dalam pembinaan sejarah gemilang kita kembali?"

Pastilah orang ini sudah tidak siuman lagi, kata para anggota LEMPONG di dalam hati. Alangkah ruginya, kerana orang sebijak itu digilakan oleh satu dongeng. Para anggota LEMPONG menggeleng-gelengkan kepala masing-masing, antara kasihan dan benci, tetapi jelas mereka juga jadi terpesona dengan pernyataan sikap Hilmi yang begitu tegas, berani, dan yakin. Tetapi mereka kasihan, kerana bagi mereka Hilmi adalah tokoh politik yang paling bodoh, kerana begitu berterus terang menyatakan ide perjuangannya. Orang-orang begitu, bagi mereka, hanya akan menjadi bahan dongeng kemudian hari, tak mungkin bertapak sebagai pemimpin yang sah.

"Encik Hilmi pandai bercakap," kata para anggota LEMPONG jujur. "Kami terpesona seketika mendengar penerangan yang begitu jelas dan berani. Tetapi yang menentukan kemenangan bukan kata-kata, tetapi kuasa. Encik Hilmi dan para penyokong Encik Hilmi, jika ada, tak akan mendapat kuasa itu, sebab rakyat yang aman makmur sekarang merasa takut kepada mimpi karut Encik Hilmi tentang Nusantara yang tak pernah wujud. Kami beri peluang terakhir. Bertobatlah. Mengaku salah. Tempat ini amat memilukan untuk dihuni oleh orang-orang yang cerdik dan bijak seperti Encik Hilmi. Fikirlah baik-baik."

Hilmi menjawab pantas, ringkas, tegas: "Terima kasih. Saya teruskan perjuangan saya. Di sini. Di mana-mana saja."

Anggota-anggota LEMPONG memerhati Hilmi sambil menggeleng-gelengkan kepala, kesal dan kecewa.

Kemudian terjadilah pertapaan yang panjang bagi Hilmi di dalam tahanan itu. Dia dipindahkan ke tempat yang lebih baik, dibenar bergaul sesama orang tahanan, dan diberi kebebasan membaca buku-buku yang dibenarkan. Dia diizinkan menulis di bawah pengawasan. Ini didapatinya tidak memuaskan, lalu dia berhenti menulis. Dia hanya menceritakan secara lisan apa yang sepatutnya ditulisnya. Dia juga menjadi guru agama, dan menjadi imam berjumaah. Dengan lekas saja dia dapat menarik minat para tahanan dan beberapa orang pengawal serta pegawai khemah itu yang memang tertarik kepada peribadi Hilmi. Dan mereka lebih seronok lagi mendengar kisah-kisah sejarah yang selama ini tidak pernah mereka dengar. Sejak itu orang yang pernah mendengar cerita Hilmi mula membuat tafsiran baru kepada cerita-cerita yang dianggap dongeng selama ini, dan mula memahami sejarah wau bulan. Sejak itu wau bulan menjadi lambang cita-cita dan harapan mereka. Setiap perhimpunan mereka diakhiri dengan seruan:

"Teruskan perjuangan kita. Di sini. Di mana-mana saja."

Seruan itu, walaupun dibisikkan sesama sendiri saja, dengan segera sampai kepada para pengawal dan penguasa khemah tahanan itu. Hilmi dilarang dari menjadi imam dan mengajar agama. Malah tidak ada lagi sembahyang jumaah, kerana pihak berkuasa menganggap perhimpunan ibadat itu menaikkan semangat orang-orang tahanan yang sudah kemasukan pengaruh Hilmi.

*Sambung Bulan Depan*

# THE VERDICT: PAUL NEWMAN TRIES FOR AN OSCAR

There's a lot wrong with *THE VERDICT*, the latest Paul Newman vehicle that (according to many critics) assures him an Academy award in 1984.

The movie concerns a malpractice case: two eminent physicians at the well-respected St. Catherine's Hospital in Boston have apparently incorrectly administered anaesthetic to a pregnant woman whose brain died as a result — leaving her a vegetable.

St. Catherine's is a Catholic hospital, and the archdiocese wants the incident hushed up. The victim's sister applies to Frank Galvin (Newman), a hard-drinking, ambulance-chasing attorney, to take the case.

Galvin is also an ex-liberal who lost his faith after being jailed unfairly on a jury-tampering charge. Frank the Faithless senses a shot at redemption and decides, against the wishes of his clients, to try the case in court rather than accept a fat insurance payoff from the defendant.

Galvin is a fine zealot but a lousy lawyer. His best witness is paid off by the defendants; he forgets to tell his clients that he's decided to take their case to court; he lies continually in his single-minded quest for truth; he's inept at jury selection; he alienates potential witnesses by screaming at them and disbelieves the ones he manages to obtain.

Abrasive and insensitive, Galvin treats everyone with contempt except his good-guy sidekick, Mickey (Jack Warden). He's not a lawyer — or a man — anyone could like, much less trust, but he's the hero. What's going on?

Clearly, the white-knight-against-the-system formula retains its mass appeal. But it's a strain to keep the formula intact in this film because the hero is, in turn, brash, self-serving, and childish (Galvin is given to tantrums when things don't go his way).

To make their myth work, director Sidney Lumet and scriptwriter David Mamet have a foolproof plan: they play their dubious hero off against a cast of characters considerably worse than he is. In a world that stinks from top to bottom, Galvin comes off smelling like a rose.


At the top, the ruling class fares miserably. The doctors, lawyers, and priests couldn't be sleazier. Milo O'Shea as a corrupt judge is usually eating something drippy (fried eggs, thick soup); James Mason as the defendant's attorney Conncannon oozes condescension, never loses his cool, and is served tea by a black man.

Both O'Shea and Mason have foreign accents; in fact, all major players in the film have accents. Except Newman, of course, who therefore comes across as

the only real American in the crowd. Indeed, it seems he is the only real man in Boston: his upper-crust opposition is feminized by accent, appearance, and mannerism. This is especially evident in the depiction of men of the cloth: a couple of altar boys look like fresh-faced young girls. But Galvin, gravel voiced and abrupt, is a man for all seasons.

The film goes still further in its struggle to keep the white knight on his charger. While Galvin beats the upper class by dint of greater virility, he gets the dispossessed — blacks, working-class people, women — on the strength of his own considerable credentials. He's white, good-looking, well-educated, male. He's not rich anymore but he sure used to be.

This little twist signals the hypocrisy at the movie's core. The film's attitude toward the people it purports to help is a queasy mixture of contempt and misapprehension. In *THE VERDICT*, the good guys are just as awful as the bad guys.



There is one black person in the film: a doctor who has come to testify for Galvin. When Concannon hears that Galvin's only witness is a black man, he snickers and tells assorted sycophants to "get a black attorney to sit at our table."

But the side of right is just as wrong: Mickey refers to the black man as a "witch doctor" because, it seems, he got his degree at a women's college and works on the staff there. Calvin concurs and sets out to find a more "credible" witness.

To make matters worse, the script saddles the black doctor with an additional liability: he has testified at twenty-seven negligence trials. At best, then, the black doctor is a well-meaning but dubious witness; at worst, he's out to make a buck like everyone else.

The working-class characters don't shine either, although the really fine acting in these roles gives the film its few moments of authenticity. Kevin, the brother-in-law of the victim is being transferred to Arizona by his company and hired Galvin simply to mediate the settlement payoff.

When he learns that Galvin turned down the money in favour of a trial, he's furious. It's an interesting scene: Kevin's rage, his punching Galvin, who, penitent, apologizes for "not informing" Kevin of the change and promises him he'll win the case.

Kevin is shot in close-up here and looks ominously large. (In fact, Newman is frequently dwarfed by buildings and characters.... clearly, all the world is out to get him!) Kevin's plaid lumber jacket and heavy shoes are clumsy beside Galvin's well-tailored suit, and the working man's rage is terrifying compared to Galvin's self-control. Kevin becomes a materialistic brute, incapable of understanding Galvin's quixotic quest for justice.

This despite the fact that he and his wife have spent two years at the comatose woman's bedside, shedding real tears, waiting for her to awaken. The insurance payoff was their only way out of an interminable nightmare.

Laura says little, broods a lot, and sleeps with Galvin. She is so thin that she's good advertisement for America's soaring anorexia rate. Later in the film, we learn that she is a spy for the other side.

When Galvin discovers her betrayal, he punches her (hard) in the mouth. "Let him alone," she says, obviously feeling she got what she deserved.

In fact, she was going to confess to Galvin before the KO and tries to talk to him several times after that. But he has decided he will never speak to her again. In the last shot of Laura, she lies on her bed, awash in tears and liquor, a phone receiver at her breast.

Galvin, on the receiving end of the call, watches the ringing phone and looks very vindicated. Apparently, real men not only hit women these days, they also don't accept apologies.

As Laura's decline suggests, when women aren't tempting and betraying men, they are absolutely helpless. Laura is not going to pull herself together and punch Galvin back. In fact, semi-comatose on the bed, she recalls Debra Ann Kay, the negligence victim who will spend the rest of her life curled up in a fetal position. Galvin's all Debra Ann had in the way of defense, and this is what he said of her:

.... that poor girl put her trust in the hands of two men who took her life.... and the people who should care for her — her doctors, you and me — have been bought off to look the other way.....

We are all each other's keepers, but this paternalistic line in the film, keeps us all safely in our places. The "weak" don't need the Galvins of this world to fight for them; they can fight for themselves and should be encouraged to do so, every minute of every day. Fairy tales, even inconsistent ones like this, are bad for everybody.

Says Mickey to Galvin of the other side, "How do you think they wound up with all that money? From doing good?" Meanwhile, Lumet, Newman and company are laughing all the way to the bank. ●

SINCE 1980, I HAVE BEEN AND THROUGH CALM ANALYSIS,  
REFLECTING ON AMERICA'S CONTEMPLATION AND  
FUTURE AND OUR PLACE IN SERIOUS STUDY...  
THE WORLD...



I HAVE DEVELOPED  
A NEW APPROACH TO  
OUR ECONOMIC PROBLEMS-



# SEJUK~SEJUK PANAS...

## OLEH MALIM DEMAM

### Bomoh Untuk Sukan?

Sejak akhir-akhir ini imej sukan di negara kita nampaknya merosot sekali. Prestasi kita di Sukan SEA di Singapura baru-baru ini memalukan sekali. Dan pentadbiran beberapa persatuan sukan kita tampaknya terus menerus kucar-kacir.

Sebagaimana biasanya, bila keadaan di bumi nyata ini kucar-kacir dan tak dapat difahami dan dikuasai dengan waras, maka kuasa dari alam ghaib pun dilibatkan. Demikian pulalah dunia sukan kita. Sejak akhir-akhir ini menurut pandangan Malim suasana dunia sukan kita sering dihubungkan dengan kuasa ghaib.

Bila pasukan bolasepak kita tidak memperlihatkan mutu permainan yang dijangkakan, maka dikatakan Dewi Takdir (*Lady Luck*) tidak bersama kita. Bila pasukan itu akhirnya kalah kepada pasukan Thai maka pasukan lawan kita itu dikatakan menggunakan tangkal. Bila tingkah-laku Misbun' tidak dapat difahami lagi, maka pegawai-pegawai persatuan badminton sibuk pula memperkatakan tentang pemain itu telah kena pembenci.

Banyak langkah telah dicadangkan untuk meningkatkan mutu sukan kita, antaranya memperolehi jurulatih-jurulatih luar negeri. Pada pendapat Malim sendiri, jika kita begitu yakin tentang pengaruh kuasa ghaib mengapa bersusah-payah membawa jurulatih luar negeri dengan gaji yang begitu besar. Negeri kita tidak kurang dengan para bomoh yang tidak kurang handalnya daripada bomoh Siam. Kita harus memperoleh khidmat seorang bomoh yang demikian, dan gaji yang dimintanya pun mungkin tidak sebesar gaji Frank Lord.

Bomoh yang demikian banyak gunanya. Dia boleh 'memagar' gol kita supaya tidak dapat ditembusi oleh pihak lawan. Dia boleh meneglirukan pihak lawan supaya kita boleh menang. Dia boleh memberikan 'ubat pengasih' kepada para jurulatih-jurulatih kita supaya kata-kata mereka didengar dan dihormati oleh para pemain. Lebih penting lagi, dia boleh memberi 'penerang hati' kepada beberapa tokoh pentadbiran sukan kita — seperti Datuk Hamzah dan Encik Khir, Umpamanya — supaya sebarang keputusan yang mereka ambil lebih bijaksana.

Tetapi ada satu masalah: Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang ialah Sdr Anwar Ibrahim. Dia mungkin tak bersetuju dengan cadangan Malim ini ini kerana kegiatan perbomohan mungkin tidak sesuai dengan akidah Islam. Kalau begitu, Malim cadangkan kita gunakan hanya para bomoh yang menggunakan kuasa jin Islam saja.

Majulah sukan untuk negara.



### Bulan Oh Bulan!

Setahun telah berlalu dan sekali lagi umat Islam mulai berpuasa dalam bulan Ramadan. Pada tahun lalu kita telah menghadapi banyak kekecohan dalam menentukan permulaan bulan tersebut. Setelah perkara tersebut diperbincangkan dalam Majlis Raja-raja, menurut sangkaan Malim tentulah perkara tersebut telah selesai.

Ternyata sangkaan Malim itu meleset. Malah pada tahun ini perkara itu menjadi lebih kecoh lagi. Hingga ke saat-saat akhir rakyat negara ini dikelirukan dengan segala macam prinsip yang berdolak-dalik. Akhirnya orang-orang di Johor dan Perak berpuasa lebih dulu daripada orang-orang di tempat lain. Berikut dengan itu, Sultan Johor mengistiharkan negeri Johor keluar dari Majlis Agama Islam Kebangsaan. Perak mungkin akan mengikuti jejak-langkah tersebut.

Malim benar-benar tidak faham bagaimana persoalan menentukan nampak tidaknya anak bulan ini boleh menjadi begitu berlarut-larutan. Walhal dua hari sebelum permulaan puasa itu kita telah mengalami suatu gerhana matahari yang boleh dialami hanya sekali dalam beratus-ratus tahun. Kabarnya seorang ahli astronomi amatur dengan menggunakan sebuah alat pengira saku dapat menentukan kedudukan cakrawala dengan sedemikian tepatnya hingga kita tahu jam berapa gerhana tersebut berlaku dengan setepat-tepatnya.

Dan dua hari kemudian kita menghadapi tugas untuk menentukan permulaan bulan Ramadan yang berlaku saban tahun. Kitapun mulai ragu-ragu apakah pengetahuan manusia yang telah digunakan dengan jayanya dua hari yang lalu itu boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang lebih kecil dua hari kemudiannya. Maka bulan itu pun tidaklah kelihatan oleh kita.

Pepatah Inggeris ada mengatakan: 'Paling butalah orang yang enggan melihat.'

## ISA dan Manfaatnya

Menurut pandangan Malim, dilihat dari segi sifat liberal dan penggunaan undang-undang ISA, rekod regim Mahathir adalah jauh lebih terpuji daripada rekod regim Hussein Onn. Namun demikian, baru-baru ini Dr. Mahathir nampaknya merasa perlu untuk mengingatkan orang ramai bahawa undang-undang ISA masih wujud dan bahawa kerajaan akan menggunakan jika perlu. Wujudnya undang-undang yang kejam tetapi tidak digunakan tidaklah menjadikan sesebuah kerajaan itu kejam — hanya mempunyai kemungkinan untuk menjadi kejam. Maka rekodnya masih baik juga.

Hanya Malim ingin mengingatkan bahawa ISA yang kejam itupun kadang-kadang mendatangkan manfaat kepada mangsanya. Boestamam dan Hasnul menyelesaikan pelajaran mereka sewaktu dalam tahanan ISA. Boestamam dapat menyelesaikan beberapa buah novel, S. Husin Ali menyelesaikan beberapa buku akademik. Lim Kit Siang memperoleh ijazah undang-undangnya sewaktu dalam tahanan yang demikian.

Kassim Ahmad juga dapat menyelesaikan sebuah novel (*Zaman Pancaroba*), meskipun naskah novel itu kemudian dirampas dan diharamkan. Namun demikian, masa lima tahun dalam tahanan ISA itu masih ada juga manfaatnya bagi seorang sasterawan seperti Kassim. Baru-baru ini terbit sebuah bukunya yang berjudul *Universiti Kedua: Kisah Tahanan di Bawah ISA*.

Kisah kekejaman kerajaan (terutamanya pihak Polis) yang dilaksanakan melalui penahanan ISA jelas terserlah dalam buku-buku yang mengisahkan pengalaman Aziz Ishak (*Tetamu Istimewa*), Ahmad Boestamam (*Api dan Air Mata, Api Masih Membara*, dll) dan kini karya Kassim Ahmad pula. Buku Kassim yang terakhir ini nampaknya tidak berselindung-selindung lagi mendedahkan keburukan budi dan fitnah yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh politik tertentu seperti Hussein Onn, Ghazali Shafie dan Sanusi Junid.

ISA mungkin berguna bagi kerajaan untuk menafikan hak asasi para lawannya. Tetapi kesannya sementara saja. Sebaliknya, buku-buku yang mendedahkan kezaliman undang-undang tersebut nampaknya dengan segera pula menjadi sebagian dari khazanah sastera negara. Keabadiannya pasti akan melewati umur penulisnya sendiri. ISA tidak menyediakan saluran bagi mangsanya membela diri. Namun pembelaan melalui karya-karya yang demikian bukan saja abadi sifatnya tetapi juga langsung mencemar nama baik pihak berkuasa yang melakukan penginayaan itu dalam lipatan sejarah bangsa kita.

Memang benar buku-buku yang demikian boleh diharamkan. Tetapi pengharaman juga hanya sementara kesanya. Lihat sajalah *Malay Dilemma!*

Kerajaan sekarang, sebagaimana yang Malim nyatakan diatas, mempunyai rekod yang agak baik. Malim hanya berdoa kepada Allah agar memberi kebijaksanaan kepada para pemimpinnya agar tidak tergesa-gesa menggunakan ISA, sehingga mencemarkan rekod tersebut.

## Miskin Mutlak Tiada, Kaya Mutlak Ada

Maka berkatalah Datuk Musa Hitam baru-baru ini bahawa kemiskinan mutlak sudah tidak wujud lagi di negara ini. Taraf hidup rakyat sudah semakin meningkat, katanya.

Menurut pandangan Malim yang kurang arif ini, jika kemiskinan mutlak itu ditakrifkan sebagai orang-orang yang samasekali tak punya apa-apa dan terlantar kebuluran di sepanjang jalan, maka memang ada benarnya pandangan Timbalan Perdana Menteri itu.

Tetapi apakah kemiskinan mutlak yang keterlaluan seperti itu saja yang mesti dibasmi? Malim rasa kemiskinan mutlak yang demikian memang tidak begitu banyak terdapat di bumi manusia ini. Lainlah dalam keadaan bencana alam yang istimewa dan luarbiasa, seperti Kemarau panjang misalnya. Kalau itu yang dimaksudkan dengan kemiskinan mutlak, maka Malim rasa hampir setiap pemimpin negara di dunia ini mempunyai hak untuk mendabik dada seperti Datuk Musa itu.



Alam ini sesungguhnya alam relatif, bukan alam mutlak. Kalau kemiskinan mutlak tidak terdapat, maka keadilan mutlak juga sebenarnya tidak terdapat di negara ini. Hampir semua kajian sosio-ekonomi menunjukkan jurang pemisahan antara yang kaya dan yang miskin semakin bertambah lebar dan bertambah dalam masyarakat kita.

Jadi, Datuk, alam retaif ini adalah alam yang real. Alam yang mutlak bukanlah alam yang real, alam yang pincang. Tetapi yang meneriknya, dalam masyarakat kita memang terdapat kekayaan yang mutlak. Sebilangan kecil individu dalam masyarakat kita tampaknya telah dapat mengusai kekayaan yang hampir tidak terbatas jumlahnya.

Mungkin benar bahawa kemiskinan yang mutlak tidak terdapat dalam masyarakat kita. Tetapi adalah juga benar bahawa kekayaan yang mutlak terdapat dalam masyarakat kita. Menurut pertimbangan Malim, keadilan sosial kita masih juga pincang.

#### Boestamam dan Burhanuddin: Mutiara Yang Terabai?

Dalam ucapannya kepada satu persidangan pegawai-pegawai kanan polis baru-baru ini, Timbalan Ketua Polis Negara memberitahu para pegawai itu tentang taktik baru perjuangan komunis di negara ini. Menurutnya, pihak komunis kini coba menunjukkan perjuangan mereka sebagai selaras dengan perjuangan nasionalisme Melayu dan menonjolkan dua orang almarhum tokoh pejuang nasionalisme Melayu — Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam — sebagai wira dan lambang perjuangan mereka juga.

Malim memang sejak lama mengagumi sejarah perjuangan kedua-dua orang tokoh tersebut.

Memang sumbangan dan pengorbanan mereka amat besar — jauh lebih besar daripada sumbangan sebilangan besar orang yang kini sarat oleh gelaran dan kekayaan.

Tentang pihak komunis mengambil kesempatan dari pengaruh dan ketokohan mereka itu, Malim rasa itu perkara biasa. Sebagai pihak yang berjuang, sebarang lambang yang berguna bagi meningkatkan perjuangan haruslah digunakan. Tambahan pula, pihak negara sendiri menurut hemat Malim tidak begitu mengindahkan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara ini. Sebuah sekolah dan sebatang jalan diberikan nama Burhanuddin, dan negeri Sarawak pernah memberikan gelar Datuk kepada Ahmad Boestamam. Itulah saja.


Selain itu, semasa hayatnya yang diterima oleh ikedua-dua orang tokoh itu dari negara tidaklah lain daripada tohmah, pedustaan dan penjara. Timbalan Ketua Polis itu tentu sedar tentang ini, kerana dalam penangkapan Ahmad Boestamam yang terakhir sewaktu hayatnya beliaulah sendiri (ketika itu pangkatnya belumlah sebesar sekarang) yang megetuai rombongan polis yang menangkap Boestamam serta menggeledah rumahnya di Petaling Jaya. Masakan beliau telah lupa....!

Jika kita mempunyai beberapa butir mutiara dan kita mempersia-siakan butir-butir mutiara itu, patutkah kita marah-marah jika orang lain mengutipnya? Dan jika orang lain itu mempergunakan mutiara itu dengan baik sebagai barang perhiasan, dan dia kelihatan elok kerana hiasan itu, patutkah kita membentak-bentak dengan marah?


Jauhari juga yang mengenal manikam! ●



*"Before we demand that Congress protect our industry against cheap foreign imports manufactured at slave-labor wages, I'd like to remind you, sir, that we own 67% of those foreign factories!"*



# STOP Human Rights Violations



**Whereas**, it is essential, if man is not to be compelled to have recourse, as a last resort, to rebellion against tyranny and oppression, that human rights should be protected by the rule of law.

The Universal Declaration of Human Rights